- PEO1 : Mempunyai pengetahuan asas dan kemahiran teknikal dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan pengurusan alam sekitar.
- PEO2 : Berkebolehan menyelesaikan masalah alam sekitar secara kreatif dan inovatif dengan menggunakan pendekatan lestari di samping kemahiran numerasi dan aplikasi teknologi digital.
- PEO3 : Berketrampilan, berdaya saing dan berkemahiran untuk berkomunikasi secara berkesan serta mempunyai kualiti kepimpinan yang baik di dalam sesebuah organisasi.
- PEO4 : Sentiasa mengamalkan sifat-sifat profesionalisme dan integriti selari dengan etika dan amalan profesional.
- PEO5 : Berupaya mengenalpasti dan memanfaatkan peluang-peluang keusahawanan, perniagaan, perundingan dan pembelajaran sepanjang hayat.

## **Prospek Kerja**

Graduan program ini berpeluang menceburi kerjaya dalam pelbagai sektor. Antara kerjaya utama ialah:

Saintis alam sekitar, pegawai perunding dan pengurus bahan berbahaya, pegawai perunding alam sekitar, pengurus pematuhan alam sekitar, pegawai penyiasat alam sekitar, penyelaras alam sekitar, pegawai perunding pengurusan sisa, pegawai perunding pemulihan tapak, pengendali rawatan air sisa, pegawai perunding kawalan pencemaran, pengawal alam sekitar, aktivis alam sekitar, pegawai perunding kesihatan pekerjaan dan pendidik dalam bidang alam sekitar.

## **KURIKULUM PROGRAM SARJANA MUDA TEKNOLOGI (ALAM SEKITAR) DENGAN KEPUJIAN**

### **Jumlah Kredit Untuk Bergraduat**

Jumlah minimum kredit untuk bergraduat ialah 133 jam kredit. Agihan jam kredit mengikut kategori kursus adalah seperti berikut:

<b>Kategori</b>	<b>Kredit</b>	<b>Peratus</b>
Teras Universiti	20	15
Teras Program	77	58
Elektif Universiti	36	27
<b>Jumlah</b>	<b>133</b>	<b>100</b>

### **Teras Universiti (20 Jam Kredit)**

<b>Kod Kursus</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Jam Kredit</b>	<b>Pra syarat</b>
BBB3013	Academic Writing Skills	3 (3+0)	*Tiada
BBB3033	English for Occupational Purposes	3 (3+0)	*Tiada
MPU3142	Falsafah dan Isu Semasa	2 (2+0)	Tiada
MPU3132	Penghayatan Etika & Peradaban	2 (2+0)	Tiada
MPU3223	Asas Keusahawanan	3 (3+0)	Tiada
MPU3352	Integriti dan Antirasuah	2 (0+2)	Tiada
COM3112	Seni Komunikasi	2 (2+0)	Tiada
CCM3011	Santuni Komuniti	1 (0+1)	Tiada
CCXXXXX	Ko-Kurikulum	2 (0+2)	Tiada

### **Teras Program (77 Jam Kredit)**

<b>Kod Kursus</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Jam Kredit</b>	<b>Pra syarat</b>
KAS3013	Pengenalan Teknologi Alam Sekitar	3 (3+0)	Tiada
KAS3023	Statistik Alam Sekitar	3 (3+0)	Tiada
KAS3032	Prinsip Analisis Alam Sekitar	2 (2+0)	Tiada
KAS3213	Teknologi Rawatan Air	3 (3+0)	Tiada
KAS3223	Teknologi Rawatan Air Sisa	3 (2+1)	KAS3213
KAS3313	Kualiti dan Pencemaran Udara	3 (3+0)	Tiada
KAS3323	Meteorologi dan Alam Sekitar	3 (2+1)	Tiada
KAS3513	Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	3 (3+0)	Tiada

KAS3523	Peraturan dan Undang-Undang Alam Sekitar	3 (3+0)	Tiada
KAS3533	Pengurusan Alam Sekitar	3 (3+0)	Tiada
KAS3723	Hidrologi dan Sumber Air	3 (2+1)	Tiada
KAS4113	Rekabentuk Alam Sekitar	3 (1+2)	KAS3223
KAS4413	Pengurusan Sisa Pepejal	3 (3+0)	Tiada
KAS4423	Pengurusan Sisa Berbahaya dan Terjadual	3 (3+0)	Tiada
KAS4553	Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling	3 (2+1)	Tiada
KAS49712	Latihan Industri	12 (0+12)	Tiada
KAS4983	Projek Ilmiah Tahun Akhir I	3 (0+3)	Tiada
KAS4993	Projek Ilmiah Tahun Akhir II	3 (0+3)	KAS4983
KEJ3123	Kejuruteraan Bahan	3 (2+1)	Tiada
KEJ3133	Lukisan Kejuruteraan Teknologi Alam Sekitar	3 (1+2)	Tiada
KEJ3143	Mekanik Bendalir	3 (2+1)	Tiada
KEJ3163	Prinsip Proses Kimia	3 (3+0)	Tiada
KEJ3173	Matematik Untuk Teknologi	3 (3+0)	Tiada

### **Elektif Universiti (36 Jam Kredit)**

Pelajar bebas mendaftar mana-mana kursus yang ditawarkan mengikut kesesuaian berdasarkan minat dan kematangan pelajar. Di samping itu pelajar dikehendaki mengambil sekurang- kurangnya 21 jam kredit daripada senarai kursus elektif di bawah atau tertakluk kepada kelulusan Ketua Program:

<b>Kod Kursus</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Jam Kredit</b>	<b>Pra syarat</b>
KAS4213	Saliran Bandar dan Pembentungan	3 (3+0)	Tiada
KAS4223	Rawatan Air Sisa Lanjutan	3 (3+0)	Tiada
KAS4233	Tanah Lembap	3 (3+0)	Tiada
KAS4243	Rawatan Efluen Perindustrian oleh Enapcemar Teraktif	3 (3+0)	Tiada
KAS4313	Teknologi Kawalan Pencemaran Udara	3 (3+0)	KAS3313
KAS4323	Kualiti Udara dalam Bangunan	3 (3+0)	KAS3313
KAS4333	Pelepasan daripada Proses Pembakaran	3 (3+0)	Tiada
KAS4343	Pemonitoran Kualiti Udara dan Instrumentasi	3 (3+0)	Tiada
KAS4353	Hingar Persekitaran dan Gegaran	3 (3+0)	Tiada
KAS4513	Kejuruteraan Geoteknikal	3 (3+0)	Tiada
KAS4533	Higien Industri	3 (3+0)	KAS3513
KAS4543	Pengurusan dan Audit Keselamatan Kesihatan Pekerjaan	3 (3+0)	KAS3513
KAS4563	Penilaian Kitar hayat	3 (3+0)	Tiada
KAS4573	Kelestarian Operasi dan Pengurusan	3 (3+0)	Tiada
KAS4713	Air Bumi dan Pencemaran	3 (3+0)	Tiada
KAS4723	Hidrologi Air Permukaan	3 (3+0)	Tiada
KAS4733	Persekitaran Pesisir Pantai	3 (2+1)	Tiada
KAS4743	Fizik Tanah	3 (3+0)	Tiada
KAS4753	Pengurusan Lembangan	3 (3+0)	Tiada
KAS4763	Sifat Fizikal dan Semulajadi Tanah	3 (3+0)	Tiada
KAS4773	Sistem Maklumat Geografi Gunaan (GIS) Untuk Alam Sekitar	3 (2+1)	Tiada
KEJ4113	Operasi Unit	3 (3+0)	Tiada

KEJ4123	Teknologi Tindak Balas Kimia	3 (3+0)	Tiada
KEJ4133	Pemindahan Haba	3 (3+0)	Tiada
KEJ4143	Imbangan Bahan Dan Tenaga	3 (3+0)	Tiada
KEJ4513	Ekonomi Kejuruteraan	3 (3+0)	Tiada
KEJ4523	Keselamatan Proses Kimia	3 (3+0)	Tiada
KEJ4613	Teknologi Tenaga Keterbaharuan	3 (3+0)	Tiada
KEJ4623	Teknologi Membran	3 (3+0)	Tiada
KEJ4633	Teknologi Bersih	3 (3+0)	Tiada
KEJ4643	Polimer dan Alam Sekitar	3 (3+0)	Tiada
KEJ4653	Nanoteknologi Alam Sekitar	3 (3+0)	Tiada
KEJ4663	Rawatan Termokimia dan Pemulihan Biojisim	3 (3+0)	Tiada
KEJ4673	Teknologi Proses Pencernaan Anaerobik	3 (3+0)	Tiada
KEJ4683	Tenaga dan Perubahan Iklim	3 (3+0)	Tiada
KEJ4693	Pengurusan dan Audit Tenaga	3 (3+0)	Tiada

**SKEMA PENGAJIAN**  
**SARJANA MUDA TEKNOLOGI (ALAM SEKITAR) DENGAN KEPUJIAN**

KOD	NAMA KURSUS	JAM KREDIT	PRA-SYARAT	KOD	NAMA KURSUS	JAM KREDIT	PRA-SYARAT
<b>SEMESTER 1</b>				<b>SEMESTER 2</b>			
COM3112	Seni Komunikasi	2(2+0)	-	BBB3013	Academic Writing Skills	3(3+0)	-
CCM3011	Santuni Komuniti	1(0+1)		MPU3132	Penghayatan Etika dan Peradaban	2(2+0)	-
KEJ3173	Matematik Untuk Teknologi	3(3+0)	-	MPU3142	Falsafah dan Isu Semasa	2(2+0)	-
KAS3013	Pengenalan Teknologi Alam Sekitar	3(3+0)	-	KAS3023	Statistik Alam Sekitar	3(3+0)	-
KAS3523	Peraturan dan Undang- Undang Alam Sekitar	3(3+0)	-	KAS3032	Prinsip Analisis Alam Sekitar	2(2+0)	-
KEJ3123	Kejuruteraan Bahan	3(2+1)	-	CCXXXXX	Ko-Kurikulum	2(0+2)	-
MPU3352	Integriti dan Antirasuah	2(2+0)			Elektif 1	3	-
<b>Jumlah Kredit</b>		<b>17</b>		<b>Jumlah Kredit</b>		<b>17</b>	
<b>SEMESTER 3</b>				<b>SEMESTER 4</b>			
KAS3213	Teknologi Rawatan Air	3(3+0)	-	KAS3223	Teknologi Rawatan Air Sisa	3(2+1)	KAS3213
KAS3313	Kualiti dan Pencemaran Udara	3(3+0)	-	KAS3533	Pengurusan Alam Sekitar	3(3+0)	-
KEJ3163	Prinsip Proses Kimia	3(3+0)	-	KAS3723	Hidrologi dan Sumber Air	3(2+1)	-
KEJ3143	Mekanik Bendalir	3(2+1)	-	KAS4413	Pengurusan Sisa Pepejal	3(3+0)	-
KEJ3133	Lukisan Kejuruteraan Teknologi Alam Sekitar	3(1+2)	-	KAS3323	Meteorologi dan Alam Sekitar	3(2+1)	-
	Elektif 2	3	-		Elektif 3	3	-
<b>Jumlah Kredit</b>		<b>18</b>		<b>Jumlah Kredit</b>		<b>18</b>	
<b>SEMESTER 5</b>				<b>SEMESTER 6</b>			
KAS4423	Pengurusan Sisa Berbahaya dan Terjadual	3(3+0)	-	BBB3033	English for Occupational Purposes	3(3+0)	-
KAS3513	Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	3(3+0)	-	KAS4553	Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling	3(2+1)	-
KAS4113	Reka Bentuk Alam Sekitar	3(1+2)	KAS3223	KAS4983	Projek Ilmiah Tahun Akhir I	3(0+3)	-
	Elektif 4	3	-		Elektif 7	3	-
	Elektif 5	3	-		Elektif 8	3	-
	Elektif 6	3	-		Elektif 9	3	-
<b>Jumlah Kredit</b>		<b>18</b>		<b>Jumlah Kredit</b>		<b>18</b>	
<b>SEMESTER 7</b>				<b>SEMESTER 8</b>			
MPU3223	Asas Keusahawanan	3(3+0)	-	KAS49712	Latihan Industri*	12(0+12)	-
KAS4993	Projek Ilmiah Tahun Akhir II	3(0+3)	KAS4983				
	Elektif 10	3	-				
	Elektif 11	3	-				
	Elektif 12	3	-				
<b>Jumlah Kredit</b>		<b>15</b>		<b>Jumlah Kredit</b>		<b>12</b>	
<b>JUMLAH KREDIT BERGRADUAT 133</b>							

**Nota:**\* KAS49712 Latihan Industri akan dilaksanakan sepanjang Semester 8 (pelajar dikehendaki pulang ke UMT untuk pembentangan dan menghantar laporan. Pemarkahan dan penggredan akan diselesaikan mengikut jadual seperti kursus-kursus lain).

**Nota:**

1. Pelajar wajib mengikuti **Program Survival dan Keselamatan Air** sebagai syarat bergraduat.
2. Jumlah jam kredit kursus elektif yang perlu diambil oleh pelajar dalam program pengajian adalah tertakluk kepada **jumlah jam kredit** elektif yang ditetapkan oleh program pengajian tersebut untuk memenuhi kelayakan bergraduat dan tidak tertakluk kepada **bilangan** kursus elektif yang diambil.
3. Senarai kursus elektif yang boleh diambil oleh pelajar dalam program pengajian adalah merujuk kepada penawaran kursus yang tertera dalam buku panduan program pengajian fakulti tersebut dan juga fakulti lain.

# **SINOPSIS KURSUS**

## **PROGRAM SARJANA MUDA TEKNOLOGI (ALAM SEKITAR)DENGAN KEPUJIAN**

<b>KAS3013</b>	<b>Pengenalan Teknologi Alam Sekitar</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini menyediakan pelajar dengan pengetahuan asas berkaitan elemen alam sekitar dan gambaran keseluruhan dalam skop teknologi alam sekitar. Topik-topik yang terangkum di dalam kursus ini menerangkan tentang konsep asas teknologi alam sekitar, pengenalan terhadap hidrologi dan ekosistem. Penekanan utama diberikan kepada aspek penggunaan strategi pencegahan pencemaran dan kawalan bagi melindungi kualiti udara, air dan tanah.

<b>KAS3023</b>	<b>Statistik Alam Sekitar</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada pendekatan berorientasikan kepada kebarangkalian dan data analisis untuk menyelesaikan masalah berkaitan alam sekitar. Ia direka untuk memberi pelajar pengetahuan dan kemahiran untuk mentafsir dan menganalisis data. Kandungan kursus mencakupi pemerihalan data dalam alam sekitar, kebarangkalian, menganggar nilai parameter menggunakan selang keyakinan, ujian perbandingan, korelasi dan regresi serta persampelan dan pemodelan alam sekitar. Secara keseluruhannya, pelajar disemai dengan elemen abad ke 21 dalam menguruskan, menganalisis dan mentafsir data secara kritikal dan menggunakan kaedah yang bersesuaian. Pendekatan yang berpandukan Teknologi 4.0 dapat menghasilkan pelajar yang mempunyai kemahiran dalam menganalisis data yang banyak (big data analytics) demi kelestarian sejagat.

<b>KAS3032</b>	<b>Prinsip Analisis Alam Sekitar</b>
<b>Kredit</b>	<b>2 (2+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini merangkumi topik umum mengenai analisis bahan pencemar dalam matriks alam sekitar termasuk instrumentasi, teori dan teknik untuk pengukurannya. Pengetahuan asas yang diperolehi daripada kursus ini akan berguna bagi menguasai kursus-kursus lanjutan berkaitan kualiti dan pencemaran udara serta teknologi rawatan air dan air sisa.

**KAS3213** **Teknologi Rawatan Air**  
**Kredit** **3 (3+0)**  
**Prasyarat** **Tiada**

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada teori dan prinsip rawatan air. Topik-topik yang terangkum meliputi ciri-ciri, kriteria, prinsip, teori berkaitan rawatan air dan teknik agihan serta komponennya. Kursus ini menekankan kepada pematuhan kepada piawaian, peraturan dan undang-undang yang berkenaan. Rekabentuk teknologi rawatan air juga dipelajari.

<b>KAS3223</b>	<b>Teknologi Rawatan Air Sisa</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (2+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>KAS 3213</b>

Kursus ini membincangkan aspek pencirian air sisa, jenis-jenis bahan pencemar dan prinsip asas bagi komponen dalam teknologi rawatan air sisa konvensional serta lanjutan. Ia juga menekankan kepada isu-isu berkaitan pengelolaan sistem rawatan air sisa seperti aspek pematuhan kepada piawaian pelepasan air terawat dan pelupusan enapcemar. Pelajar akan menjalankan amali bagi menentukan kandungan bahan pencemar dalam air serta kaedah rawatannya.

<b>KAS3313</b>	<b>Kualiti dan Pencemaran Udara</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini memperkenalkan pelajar mengenai sebab, kesan dan kawalan pencemaran udara. Topik-topik yang dibahas merangkumi falsafah umum pencemaran udara dan peraturan yang berkaitan, kesan persekitaran, klasifikasi pencemaran udara dan sumbernya, pengukuran kualiti udara, pemantauan data, pemprosesan dan pemodelan. Kursus ini juga memberikan pengetahuan mengenai peraturan-peraturan dan kaedah pengurusan terkini dalam kawalan pencemaran udara berdasarkan Peraturan Udara Bersih, 1978.

**KAS3323**      **Meteorologi dan Alam Sekitar**  
**Kredit**            **3 (2+1)**  
**Prasyarat**        **Tiada**

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan kepada pelajar-pelajar kejadian pelbagai fenomena meteorologi, kitaran atmosfera, sistem cuaca dan teknik-teknik yang digunakan dalam ramalan cuaca. Topik-topik yang akan dibincangkan merangkumi struktur atmosfera, sistem cuaca dan iklim Bumi, suhu, kelembapan, awan dan kerpasan, kitaran atmosfera, kitaran hidrologi, ramalan cuaca dan perubahan iklim. Pengetahuan asas dalam meteorologi dan klimatologi sangat penting dalam kursus-kursus lanjutan berkaitan kawalan pencemaran udara dan hidrologi.

<b>KAS3513</b>	<b>Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada falsafah, prinsip dan kepentingan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dalam melindungi pekerja di Malaysia. Kursus ini membincangkan tentang kemalangan yang berlaku di tempat kerja, sifat-sifat bahaya, teknik untuk menilai dan menaksir hazard dan penurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

<b>KAS3523</b>	<b>Peraturan dan Undang-undang Alam Sekitar</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini membolehkan pelajar mendapat pengetahuan tentang pengenalan kepada perundangan alam sekitar antarabangsa serta agensi yang bertanggungjawab di Malaysia. Kursus ini memberi pendedahan kepada peraturan-peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dalam melindungi dan memelihara alam sekitar berkaitan kualiti udara, kawalan pelepasan asap daripada kenderaan bermotor, pencemaran hingar, kualiti air, bahan buangan terjadual dan pengurusan sisa pepejal domestik. Kursus ini akan membolehkan pelajar untuk menghubungkaitkan antara peraturan/perundangan dan isu alam sekitar yang berlaku serta mengemukakan cadangan bagi menyelesaikan masalah tersebut.

<b>KAS3533</b>	<b>Pengurusan Alam Sekitar</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasvarat</b>	<b>Tiada</b>

Pengurusan Alam Sekitar merupakan disiplin ilmu yang mengintegrasikan interaksi manusia dan alam sekitar serta aplikasi pengurusan dan sains untuk menyelesaikan masalah dan isi-isu berkaitan. Kursus ini membolehkan pelajar untuk memahami dan menerangkan prinsip-prinsip utama dan aspek pengurusan dan kawalan pencemaran, perlindungan alam sekitar, bagaimana media pencemar bertindak (air, udara, tanah, kebisingan) dan bagaimana manusia menangani dan mengurus sumber dan pencemaran ini. Subjek ini juga memfokuskan kesan aktiviti manusia terhadap alam sekitar. Aspek audit dan penilaian alam sekitar akan memberi pendedahan terhadap pemahaman aspek perlindungan, risiko, audit dan kawalan pencemaran alam sekitar secara keseluruhan.

<b>KAS3723</b>	<b>Hidrologi dan Sumber Air</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (2+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini memperkenalkan kitaran hidrologi, komponen-komponen sistem hidrologi seperti kerapan, aliran sungai, sejatan, sejatpeluhan, susunan dan air bumi; kaedah analisis hidrograf dan statistik dalam hidrologi; sumber-sumber air; kawalan banjir serta pengurusan kawasan tadahan. Kursus ini menekankan pembelajaran kolaboratif dan berkebolehan untuk menghubungkaitkan teori dengan teknik pengukuran, pengiraan dan jangkaan. Pendekatan heutagogi digunakan untuk membina kemahiran pelajar yang mampu membuat terjemahan data untuk mengenalpasti masalah alam persekitaran.	
<b>KAS4113</b>	<b>Reka Bentuk Alam Sekitar</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (1+2)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>KAS3223</b>
Kursus ini membolehkan pelajar memperoleh gambaran konsep dalam merancang operasi unit dan proses yang berkaitan dengan kejuruteraan alam sekitar. Pelajar akan dibimbing untuk memilih metodologi yang sesuai dalam membuat perancangan projek dan reka bentuk sistem rawatan air serta sistem pengumpulan air sisa. Kursus ini melibatkan pelaksanaan projek mini, laporan projek dan pembentangan.	
<b>KAS4413</b>	<b>Pengurusan Sisa Pepejal</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini mendedahkan pelajar kepada prinsip pengurusan sisa pepejal dan sisa toksik dalam perancangan bandar dan pembangunan industri di Malaysia. Para pelajar akan mempelajari secara intensif ciri-ciri dan komposisi sisa pepejal yang dijanakan daripada pelbagai sumber. Topik yang dibincangkan termasuklah sistem pengurusan bersepadu dalam mengawal kegiatan industri pembuatan; sistem perawatan, kaedah pengawalan, penyeliaan dan penyelenggaraan sisa industri dalam konteks peningkatan pencemaran alam sekitar.	
<b>KAS4423</b>	<b>Pengurusan Sisa Berbahaya dan Terjadual</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini membincangkan teori dan prinsip asas pengurusan sisa berbahaya dan berjadual serta teknologi kawalan sisa. Ini meliputi perundangan, kebijakan, pengambilan sampel dan prosedur penyimpanan sampah yang diuruskan. Kursus ini juga menekankan kaedah rawatan fizikal, kimia dan biologi, rawatan penstabilan dan juga kaedah rawatan terkini iaitu pembakaran.	
<b>KAS4553</b>	<b>Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (2+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) adalah proses penting untuk meramalkan kesan alam sekitar daripada sesuatu pelan atau projek. Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada garis panduan, dasar, peraturan dan tindakan yang berkaitan dengan pelaksanaan EIA. Pelajar akan dilengkapkan dengan kemahiran dan pengetahuan untuk menilai secara kritikal kesan projek pembangunan terhadap persekitaran dan sosio-ekonomi.	
<b>KAS49712</b>	<b>Latihan Industri</b>
<b>Kredit</b>	<b>12 (0+12)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Pelajar akan ditempatkan di organisasi kerajaan atau swasta yang berkaitan dengan alam sekitar untuk jangka masa 24 minggu. Pelajar akan menjalankan tugas semasa yang sesuai dengan program Teknologi Alam Sekitar di bawah pengawasan kedua-dua penyelia industri dan universiti. Kursus ini menggabungkan elemen peeragogi (pengajaran dan pembelajaran kolaboratif) antara pelajar dan penyelia di industri, serta elemen pembelajaran dan pengajaran yang tidak konvensional (pembelajaran situasi dan pertanyaan) dalam menyelesaikan mini projek yang dipertanggungjawabkan.	

Menggabungkan kemahiran kognitif, komunikasi, interpersonal, etika dan professionalism dan kepimpinan, autonomi dan tanggungjawab, ini akan diterjemahkan melalui laporan akhir, pembentangan dan maklum balas dari kedua-dua penyelia UMT dan industri.

**KAS4983**      **Projek Ilmiah Tahun Akhir I**

Kredit 3 (0+3)

## **Prasyarat Tiada**

Kursus ini mewajibkan pelajar untuk mencadangkan satu projek penyelidikan berkaitan Teknologi Alam Sekitar di bawah bimbingan seorang atau lebih pensyarah di Pusat Pengajian. Pelajar akan bekerja secara individu untuk mengembangkan projek penyelidikan yang dipilih berdasarkan kaedah-kaedah penyelidikan saintifik. Pelajar seterusnya menyediakan laporan saranan projek dan membentangkannya di dalam seminar. Pelajar juga dikehendaki menyediakan draf tesis penyelidikan yang merangkumi Bab 1, 2 dan 3 untuk dinilai oleh penyelia dan pemeriksa yang dilantik. Bagi membangunkan kapasiti dan kebolehan pelajar dalam penyelidikan, kursus ini menekankan pembelajaran secara kendiri (pendekatan Heutogogi) di mana pelajar diberi autonomi untuk membangunkan dan mengorganisasikan projek yang dipilih dengan bimbingan minimum daripada Penyelia yang dilantik. Selain itu, pelajar akan didedahkan dengan penggunaan perisian/ aplikasi bersesuaian untuk menguruskan bahan rujukan serta menyediakan laporan ilmiah berformat dengan berkesan dan sistematik. Penilaian kursus pula bertumpu kepada pembangunan kemahiran abad ke 21 iaitu komunikasi serta pemikiran kritis dan kreatif.

**KAS4993 Projek Ilmiah Tahun Akhir II**

Kredit 3 (0+3)

**Prasyarat** **KAS4983**

Pelajar tahun akhir dikehendaki menjalankan projek penyelidikan berkaitan Teknologi Alam Sekitar sepertimana yang dicadangkan semasa PITA 1 di bawah bimbingan Penyelia. Pelajar dikehendaki membentangkan kemajuan penyelidikan di awal semester dan seterusnya membincangkan dapanan kajian di dalam tesis penyelidikan mengikut format yang ditetapkan. Dapanan utama kajian perlu dibentangkan secara lisan di dalam Seminar. Di akhir semester, tesis yang lengkap dan diluluskan perlu dijilid dan diserahkan kepada pusat pengajian. Kursus ini ditawarkan bertujuan untuk membangunkan kapasiti dan kebolehan pelajar dalam penyelidikan. Pelaksanaan kursus ini menekankan pembelajaran secara kendiri (pendekatan Heutogogi) di mana pelajar diberi autonomi untuk mengurus dan mengorganisasikan projek yang dipilih dengan bimbingan minimum daripada Penyelia yang dilantik. Selain itu, pelajar akan didedahkan dengan peralatan saintifik, aplikasi dan perisian komputer (Teknologi 4.0) untuk mencerap, mengorganisasi dan menganalisis data kajian. Kemahiran komunikasi serta pemikiran kritis dan kreatif yang menjadi asas kepada pembangunan kemahiran abad ke 21 diterapkan melalui aktiviti pembentangan serta penulisan tesis.

**KEJ3123** Kejuruteraan Bahan

Kredit 3 (2+1)

## **Prasyarat Tiada**

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada hubungan antara struktur atom dan sifat-sifat bahan. Ianya mencakupi struktur dan ikatan atom, susunan atom, ketidaksempurnaan serta hubungan dengan sifat-sifat bahan. Topik-topik lain termasuklah sifat-sifat mekanik, kegagalan bahan dan gambarajah fasa. Kerencaman, sifat, penggunaan, dan pembuatan bahan seperti aloi logam, polimer, komposit dan seramik juga dibincangkan. Perbincangan lain termasuklah kakisan, jenis-jenis kakisan dan kaedah kawalan kakisan. Aktiviti amali juga dilaksanakan. Pendekatan sibergoggi digunakan bagi menggalakkan penglibatan pelajar dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran teradun. Pengajaran dan pembelajaran berasaskan web dan penilaian atas talian juga diterapkan di dalam pelaksanaan kursus ini.

**KEJ3133 Lukisan Kejuruteraan Teknologi Alam Sekitar**

Kredit 3 (1+2)

## **Prasyarat Tiada**

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada teknik dan alatan untuk membuat lukisan kejuruteraan dalam sekitar. Pelajar memperoleh pengalaman praktikal dalam pembinaan geometri, ortografik dan

isometrik, unjuran satah, titik dan garisan dan pembangunan permukaan menggunakan teknik lukisan dan reka bentuk berbantuan komputer terutamanya bagi proses alam sekitar.

**KEJ3143                  Mekanik Bendalir**

**Kredit                  3 (2+1)**

**Prasyarat                  Tiada**

Kursus ini menerangkan pengenalan dan konsep asas mekanik bendalir. Sifat-sifat bendalir. Tekanan dan bendalir statik. Keabadian jisim, Bernoulli dan tenaga. Aliran dalam-laminar, turbulent dan kehilangan. Pengukuran halaju dan kadar alir. Makmal. Kursus ini menekankan penerapan elemen kemahiran abad ke 21 di mana pelajar diberi galakan pembelajaran kolaboratif dan berkebolehan untuk menghubungkaitkan teori dengan aplikasi peralatan. Pendekatan heutagogy digunakan untuk membina kemahiran pelajar untuk memahami masalah mekanik bendalir dan mencari penyelesaian masalah. Pengajaran dan pembelajaran berdasarkan sesawang, aktiviti serta penilaian atas talian juga diguna pakai dalam kursus ini.

**KEJ3163                  Prinsip Proses Kimia**

**Kredit                  3 (3+0)**

**Prasyarat                  Tiada**

Kursus ini direkabentuk bagi menyediakan pelajar dengan pengetahuan asas berkaitan proses kimia. Topik-topik yang terangkum termasuklah konsep dan pembolehubah proses, imbangan jisim, sifat bahan tulen, hukum pertama termodinamik, imbangan tenaga, dan konsep asas pemindahan haba. Para pelajar akan mempelajari bagaimana untuk menyelesaikan permasalahan berkaitan proses kimia menggunakan prinsip imbangan bahan dan tenaga serta termodinamik.

**KEJ3173                  Matematik untuk Teknologi**

**Kredit                  3 (3+0)**

**Prasyarat                  Tiada**

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada alat dan konsep asas matematik yang biasa digunakan dalam teknologi. Topik yang diliputi dalam kursus termasuk topik daripada Algebra (penyelesaian persamaan, trigonometri, nombor kompleks), Kalkulus (fungsi dan graf, semakan pembezaan, kadar perubahan dan persamaan pembezaan, teknik dan aplikasi integrasi) dan Geometri (vektor dan lengkung). Konsep pengiraan matematik yang diperkenalkan dalam kursus ini akan membantu pelajar menguasai topik-topik dalam kursus-kursus lanjutan.

**KAS4213                  Saliran Bandar dan Pembentungan**

**Kredit                  3 (3+0)**

**Prasyarat                  Tiada**

Kursus ini direkabentuk bagi memperkenalkan pelajar kepada aspek perancangan, rekabentuk, operasi dan pengurusan saliran bandar dan sistem pembentungan. Kursus ini mengandungi topik-topik asas berkaitan saliran dan pembentungan, kuantiti air larian, aliran pembentung, rekabentuk pembentungan, kolam tадahan banjir, tадahan, lembangan konkrit dan pelan kawalan hakisan dan pemendapan. Kursus ini juga akan mengetengahkan impak pembandaran terhadap proses-proses hidrologi dan penjanaan air larian bandar.

**KAS4223                  Rawatan Air Sisa Lanjutan**

**Kredit                  3 (3+0)**

**Prasyarat                  Tiada**

Kursus ini memperkenalkan para pelajar kepada pilihan teknologi rawatan air sisa canggih dan prinsip kerja mereka dalam pelbagai aplikasi rawatan air. Topiknya merangkumi batasan untuk rawatan konvensional, rawatan lanjutan untuk penyingkirkan bahan pencemar mikro, teknologi membran, penapisan maju, penjerapan, penukar ion, pengoksidaan maju, penyulingan dan kaedah penggunaan semula dan kitar semula air sisa yang dirawat.

**KAS4233** **Tanah Lembap**

**Kredit** **3 (3+0)**

**Prasyarat** **Tiada**

Kursus ini membincangkan pengenalan kepada tanah lembap; kaedah menentukan dan mengklasifikasikan tanah lembap; peranan sains dalam pengiktirafan dan pemetaan tanah lembap; masalah dan petunjuk tanah lembap; dan isu-isu pengurusan. Kursus ini menekankan penerapan elemen kemahiran abad ke 21 di mana pelajar diberi galakan pembelajaran kolaboratif dan berkebolehan untuk menghubungkaitkan teori dengan kerja lapangan.

**KAS4243** **Rawatan Efluen Perindustrian Oleh Enapcemar Teraktif**

**Kredit** **3 (3+0)**

**Prasyarat** **Tiada**

Kursus ini akan membolehkan pelajar mendapat pengetahuan tentang prinsip, teori dan rawatan enap cemar teraktif sebagai salah satu rawatan biologi bagi efluen perindustrian. Pengetahuan mengenai kaedah pemantauan berkesan bagi parameter-parameter yang telah ditetapkan, isu-isu terkini serta permasalahan aplikasi rawatan terhadap ciri-ciri efluen perindustrian mengikut perkembangan semasa juga akan turut dibincangkan. Kursus ini akan menyediakan input bagi persediaan pelajar untuk menjadi seorang pengendali loji rawatan air sisa profesional. Berdasarkan Kriteria Program Akademik 4.0, kursus ini menggalakkan pelajar untuk menyelesaikan permasalahan pemantauan efluen berdasarkan jenis jenis efluen perindustrianyang dipilih.

**KAS4313** **Teknologi Kawalan Pencemaran Udara**

**Kredit** **3 (3+0)**

**Prasyarat** **KAS3313**

Kursus ini membincangkan tentang pengkelasan pencemaran udara dan punca bahannya, kesannya terhadap manusia, tumbuhan dan persekitaran lain. Pelajar juga didedahkan mengenai kaedah persampelan dan pengawalan. Pelajar juga akan diberi pendedahan tentang kaedah- kaedah pemodelan udara, meteorologi dan sistem kualiti udara. Selain itu, pendekatan holistik berpandukan elemen abad ke 21 diterapkan bagi memahami, menilai dan mengulas penghasilan tenaga keterbaharuan secara kritikal.

**KAS4323** **Kualiti Udara dalam Bangunan**

**Kredit** **3 (3+0)**

**Prasyarat** **KAS3313**

Kursus ini memfokuskan kepada sistem-sistem bangunan, reaksi manusia, bahan cemar dalam bangunan, penilaian IAQ, strategi dan pencegahan masalah IAQ dalam bangunan, persekitaran dalam bangunan khas dan penilaian risiko dan tindakan.

**KAS4333** **Pelepasan daripada Proses Pembakaran**

**Kredit** **3 (3+0)**

**Prasyarat** **Tiada**

Kursus ini melengkapkan pelajar dengan pengetahuan berkaitan enjin pembakaran dan pencemaran yang dijanakan olehnya. Kursus ini merangkumi asas operasi enjin, termodinamik proses pembakaran, ermodinamik proses pembakaran, kadar dan mekanisme pembakaran, pengukuran serta kawalan bahan pencemar. Pelajar akan diperkenalkan dengan penggunaan perisian bagi menganalisis pelepasan dan kecekapan enjin.

**KAS4343** **Pemonitoran Kualiti Udara dan Instrumenasi**

**Kredit** **3 (3+0)**

**Prasyarat** **Tiada**

Secara khususnya, kursus ini membincangkan tentang kaedah pemonitoran dan instrumen yang digunakan dalam aspek kualiti udara. Pelajar didedahkan dengan kaedah pemonitoran yang digunakan

oleh Jabatan Alam Sekitar, Malaysia pada masa kini bagi memberi maklumat yang berguna kepada masyarakat. Kaedah yang digunakan bagi mengukur kepekatan setiap pencemar kriteria di Malaysia turut dikupas, mengambil kira aspek jaminan kualiti dan kalibrasi yang jitu. Pendekatan holistik berpandukan elemen abad ke 21 diterapkan bagi memahami, menilai dan mengulas kesesuaian instrumen bagi mencerap data bahan pencemar udara berpandukan Teknologi Industri 4.0.

**KAS4353                    Hingar Persekutaran dan Gegaran**

**Kredit                      3 (3+0)**

**Prasyarat                  Tiada**

Kursus ini memfokuskan kepada konsep hingar persekitaran dan gegaran yang meliputi penelitian terhadap punca dan impaknya terhadap manusia dan persekitaran. Kaedah pensampelan yang betul dan pengenalpastian kawalan bagi hingar persekitaran dan gegaran turut dibincangkan. Garispanduan mengenai hingar persekitaran dan gegaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar Malaysia turut dikupas. Pelajar akan dilengkapi dengan kemahiran untuk memahami, mengulas secarakritikal dan menilai secara holistik impak dan kawalan yang berkesan bagi hingar persekitaran dan gegaran berpandukan elemen Teknologi Industri 4.0.

**KAS4513                    Kejuruteraan Geoteknikal**

**Kredit                      3 (3+0)**

**Prasyarat                  Tiada**

Kursus ini membincangkan konsep asas pengelasan tanah termasuk ciri-ciri dan analisa pengelasan tanah. Hukum-hukum dan asas mampatan, tegasan, kekuatan ricihan dan pengukuhan serta pergerakan air di dalam tanah turut dibincangkan. Pelajar akan dilengkapi dengan kemahiran untuk memahami, mengulas secara kritis dan menganalisa secara holistik permasalahan berkaitan mekanik tanah berpandukan elemen kemahiran abad ke 21. Berpandukan Kriteria Program Akademik 4.0, pelajar-pelajar yang mengambil kursus ini juga akan didedahkan dengan praktis sebenar daripada pihak industri melalui topik terpilih seperti kestabilan cerun.

**KAS4533                    Higien Industri**

**Kredit                      3 (3+0)**

**Prasyarat                  KAS3513**

Kursus ini membincangkan konsep asas higien industri yang merangkumi mengenal pasti, menilai dan mengawal keadaan tempat kerja yang boleh menyebabkan kecederaan atau penyakit di tempat kerja. Beberapa topik akan disentuh seperti pengenalan kepada higien industri, struktur dan fungsi utama organ manusia yang sering terdedah kepada penyakit pekerjaan, konsep asas penilaian risiko, jenis penilaian pendedahan, pemantauan biologi dan penilaian terhadap bahaya alam sekitar termasuk debu, kebisingan, gas dan wap, pencahayaan, haba, sinaran, agen biologi dan psikososial.

**KAS4543                    Pengurusan dan Audit Keselamatan Kesihatan Pekerjaan**

**Kredit                      3 (3+0)**

**Prasyarat                  KAS3513**

Matlamat kursus ini adalah untuk memperkenalkan para pelajar kepada bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta amalan pengurusan yang berkaitan. Topik-topik yang terangkum membincangkan tentang pengurusan keselamatan dan kesihatan, kaedah pengurusan kecemasan, etika keselamatan yang patut dipatuhi serta audit pengurusan. Perlaksanaan sistem Pengurusan keselamatan kesihatan dalam pekerjaan kepiawaian antarabangsa ISO45001 dan perlaksanaan di industri serta pengalakkan kempen keselamatan juga dibincangkan.

**KAS4563      Penilaian Kitar Hayat****Kredit            3 (3+0)****Prasyarat       Tiada**

Produk, perkhidmatan, dan infrastruktur menyebabkan kesan alam sekitar sepanjang kitar hayat dari pengambilan bahan mentah, penggunaan sehingga lahan kepada pengurusan sampah. Kaedah Analisis Kitar Hayat (LCA) menawarkan pendekatan sistematis untuk menganalisis impak produk dan sistem dari awalan sehingga pengakhiran produk atau sistem tersebut (cradle-to-grave). Kursus ini akan merangkumi gambaran keseluruhan pelbagai aspek analisis kitaran hidup persekitaran, membina matlamat dan skop analisis kitaran hidup, inventori, penilaian dan tafsiran. Analisis sensitiviti dan ketidakpastian menggunakan data yang ada dan kaedah penilaian impak akan ditekankan dalam menjalankan dan menafsirkan analisis kitaran hidup persekitaran produk atau perkhidmatan.

**KAS4573      Kelestarian Operasi dan Pengurusan****Kredit            3 (3+0)****Prasyarat       Tiada**

Kursus ini memberi penekanan kepada keupayaan pembangunan dan aplikasi yang menjurus ke arah kelestarian. Pelajar akan didedahkan dengan pengetahuan mengenai bidang perolehan teknologi hijau, amalan pengurusan alam sekitar (air, udara dan tenaga) dan kriteria kelestarian. Pengetahuan ini secara keseluruhannya akan membolehkan pelajar memenuhi kriteria kelestarian melalui pengubahsuaian dalam proses operasi dan juga aspek pengurusan.

**KAS4713      Air Bumi dan Pencemaran****Kredit            3 (3+0)****Prasyarat       Tiada**

Kursus ini merangkumi pengenalan kepada air bumi, hidraulik air bumi, hidrodinamik perigi, model aliran air bumi, kualiti dan pencemaran air bumi, serta penerobosan air masin. Kursus ini menekankan penerapan elemen kemahiran abad ke 21 di mana pelajar digalakkan kerjasama dalam kumpulan dan mampu menghubungkaitkan teori dengan masalah alam persekitaran.

**KAS4723      Hidrologi Air Permukaan****Kredit            3 (3+0)****Prasyarat       Tiada**

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada konsep hidrologi air permukaan yang membincangkan kajian berkaitan pergerakan air permukaan serta agihan air dalam ruang dan masa. Topik-topik merangkumi komponen seperti konsep dan proses air permukaan, analisis data hidrologi kawasan tadahan dan pemodelan hidrologik. Asasi hidrologi akan dikaji semula dan diaplikasikan melalui pendekatan sistem. Pelajar akan didedahkan dengan kemahiran merekabentuk sistem hidrologi menggunakan perisian permodelan.

**KAS4733      Persekutaran Pesisir Pantai****Kredit            3 (2+1)****Prasyarat       Tiada**

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada teori dan aplikasi gelombang, pasang surut, muara, pengangkutan sedimen dan aplikasinya di zon pesisir pantai. Topik yang dibahas merangkumi pengenalan teori gelombang dan pasang surut dan reka bentuk pemutus gelombang untuk perlindungan pantai. Kursus ini memberi penekanan kepada masalah pantai dan impaknya terhadap alam sekitar.

**KAS4743** **Fizik Tanah**

**Kredit** **3 (3+0)**

**Prasyarat** **Tiada**

Kursus ini merupakan kursus lanjutan yang membolehkan pelajar mendapat pengetahuan dengan memberi tumpuan kepada komponen alam sekitar yang lebih spesifik iaitu proses-proses pergerakan seperti air, gas, haba dan pencemar dalam tanah. Pelajar yang mengikuti kursus ini akan dapat memperkuuhkan pengetahuan mengenai proses fizikal bendalir semulajadi dalam tanah.

**KAS4753** **Pengurusan Lembangan**

**Kredit** **3 (3+0)**

**Prasyarat** **Tiada**

Kursus ini memperkenalkan konsep asas, aktiviti persampelan serta permodelan komputer dalam pengurusan lembangan. Ianya meliputi isu kualiti air, pengurusan air ribut, pengurusan kemarau, hakisan tanah, tuaian air hujan dan permodelan lembangan. Pelajar akan didedahkan dengan aktiviti kerja lapangan dan mempelajari bagaimana untuk menggunakan permodelan kompter bagi menyelesaikan permasalahan isu pengurusan lembangan terpilih.

**KAS4763** **Sifat Fizikal dan Semulajadi Tanah**

**Kredit** **3 (3+0)**

**Prasyarat** **Tiada**

Kursus ini memberi pelajar pengetahuan asas mengenai sifat semulajadi dan ciri-ciri tanah yang penting dalam konteks pengurusan penggunaan dan pencemaran tanah. Topik yang dibincangkan dalam kursus ini adalah seni bina tanah dan sifat fizikal, ciri dan tingkah laku air tanah, pengudaraan dan suhu tanah, hakisan tanah dan kawalannya, dan pencemaran kimia.

**KAS4773** **Sistem Maklumat Geografi (GIS) Gunaan untuk Alam Sekitar**

**Kredit** **3 (2+1)**

**Prasyarat** **Tiada**

Kursus ini bertujuan untuk melatih pelajar tentang kemahiran menyelesaikan masalah alam sekitar menggunakan sistem maklumat geografi dan teknik analitik yang berkaitan. Kursus ini merangkumi pengenalan perisian GIS sumber terbuka, prinsip, kaedah, dan teknik GIS yang relevan dan sesuai untuk penyelesaian masalah dalam bidang berkaitan teknologi alam sekitar.

**KEJ4113** **Operasi Unit**

**Kredit** **3 (3+0)**

**Prasyarat** **Tiada**

Kursus ini memperkenalkan operasi-operasi unit asas di industri yang membincangkan proses pengasingan berdasarkan ciri-ciri termo-fizik dalam pealatan dan bahan. Topik-topik kursus ini meliputi penyejatan, pengeringan, pemisahan gas-cecair, pemisahan wap-cecair, pemisahan bendalir-pepejal dan pemisahan secara fizikal. Pelajar-pelajar juga akan didedahkan dengan kemahiran pengiraan dan merekabentuk operasi unit berdasarkan spesifikasi produk yang ditetapkan.

**KEJ4123** **Teknologi Tindakbalas Kimia**

**Kredit** **3 (3+0)**

**Prasyarat** **Tiada**

Kursus ini menerapkan konsep kadar tindak balas, stoikiometri dan keseimbangan terhadap analisis sistem tindak balas kimia. Terbitan daripada ungkapan Kadar daripada mekanisme tindak balas dan keseimbangan atau andaian keadaan mantap. Reka bentuk reaktor kimia melalui sintesis kinetik kimia, fenomena pengangkutan, dan keseimbangan jisim dan tenaga. Dengan dibantu oleh Teknologi 4.0, pelajar akan didedahkan kepada hubungan antara kinetik kimia dan reka bentuk.

**KEJ4133 Pemindahan Haba****Kredit 3 (3+0)****Prasyarat Tiada**

Kursus ini memperkenalkan konsep asas pelbagai mod pemindahan haba. Beberapa aspek prinsip-prinsip reka bentuk proses pelbagai peralatan pemindahan haba akan diambil kira dalam bahagian akhir kursus ini. Akhirnya, untuk menunjukkan gambaran fizikal proses perolakan, pemindahan haba dalam aliran lapisan sempadan akan diselesaikan.

**KEJ4143 Imbangan Bahan Dan Tenaga****Kredit 3 (3+0)****Prasyarat Tiada**

Kursus ini memperkenalkan konsep-konsep asas dalam pengiraan rekabentuk kejuruteraan untuk menyelesaikan masalah imbangan bahan dan tenaga bagi proses-proses industri yang melibatkan berbilang operasi unit di bawah pelbagai keadaan. Topik-topik yang dibincangkan termasuklah pengenalan kepada pengiraan kejuruteraan, proses-proses dan pembolehubah proses, asas imbangan bahan, sistem fasa tunggal, tenaga dan imbangan tenaga, imbangan dalam proses-proses tanpa tindakbalas, dan imbangan dalam proses-proses tindakbalas.

**KEJ4513 Ekonomi Kejuruteraan****Kredit 3 (3+0)****Prasyarat Tiada**

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada konsep ekonomi kejuruteraan dalam memilih projek pelaburan yang tepat dalam konteks kejuruteraan. Topik-topik yang dibincangkan termasuk pengenalan kepada ekonomi kejuruteraan, nilai masa wang, faedah, analisis, analisis kadar pulangan, analisis kos-faedah, inflasi, penganggaran kos, susut nilai dan cukai. Kursus ini akan menekankan perbincangan berkenaan kajian kes untuk menilai kebolehlaksanaan ekonomi sesuatu projek kejuruteraan.

**KEJ4523 Keselamatan Proses Kimia****Kredit 3 (3+0)****Prasyarat Tiada**

Kursus ini membincangkan prinsip-prinsip dalam pengurusan keselamatan proses di sesebuah loji pemprosesan kimia. Topik-topik yang terangkum di dalam kursus ini termasuk pengenalan kepada keselamatan proses dan pencegahan kerugian, sifat-sifat bahan-bahan berbahaya dan mekanisme pelepasan-serakannya yang membawa kepada kejadian kebakaran, letupan dan pelepasan bahan toksik. Selain itu, teknik analisis bahaya proses dan penilaian risiko juga dibincangkan dengan komprehensif. Kursus ini memperkasakan pelajar dengan kemahiran numerasi untuk menyelesaikan permasalahan kejuruteraan berkaitan bahaya proses and penilaian risiko.

**KEJ4613 Teknologi Tenaga Keterbaharuan****Kredit 3 (3+0)****Prasyarat Tiada**

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada pelbagai jenis teknologi tenaga keterbaharuan sebagai sumber tenaga baharu berserta aplikasinya. Topik-topik yang terangkum didalam kursus ini adalah teori asas tenaga suria (termal dan fotovolta), hidro-elektrik, angin, geotermal, termal laut, ombak, tidal, biojisim, pengaplikasian teknologi sistem hibrid, kecekapan dan storan tenaga. Kursus ini turut membincangkan perkembangan teknologi tenaga keterbaharuan di era revolusi perindustrian pertama sehingga revolusi perindustrian ke empat.

**KEJ4623 Teknologi Membran****Kredit 3 (3+0)****Prasyarat Tiada**

Kursus ini akan menerangkan secara terperinci teknologi pemisahan membran sebagai sebahagian daripada pemprosesan hiliran pelbagai industri. Kursus ini merangkumi konsep umum teknologi pemisahan, pengembangan teknologi membran, konsep pemisahan membran, bahan membran dan

sifatnya serta pelbagai kaedah penyediaan dan pencirian membran. Seterusnya kursus ini memfokuskan kepada membran polimerik berpacukan tekanan dalam aspek mekanisme pengangkutan, reka bentuk dan konfigurasi membran, fenomena kotoran dan kaedah mengatasi limitasi proses membran. Selanjutnya, pelbagai proses membran seperti Osmosis Balikan, penurusan nano, penurusan ultra, penurusan mikro, osmosis ke depan dan lain-lain akan merangkumi prinsip-prinsip dan aplikasi di industri.

**KEJ4633                   Teknologi Bersih**

**Kredit                   3 (3+0)**

**Prasyarat               Tiada**

Kursus ini membincangkan teknologi dan kelestarian yang merangkumi sumber dan pengeluaran pencemaran (contohnya: gas, arang batu, fosil, sisa pepejal dan sisa berjadual) serta kesan pembangunan industri terhadap alam sekitar. Teknologi bersih juga membolehkan pelajar memahami konsep dan strategi pelaksanaan teknologi bersih seperti tenaga bersih, kimia hijau dan ekologi industri. Kursus ini juga memberi pengetahuan mengenai aplikasi teknologi bersih dalam pertanian, pengurusan air dan sisa, perubahan teknologi melalui penyatuan proses dan membincangkan teknologi bersih yang terkini.

**KEJ4643                   Polimer dan Alam Sekitar**

**Kredit                   3 (3+0)**

**Prasyarat               Tiada**

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada hubungan di antara polimer dan persekitaran. Bahan kursus mencakupi pengenalan kepada prinsip asas kimia polimer dan kestabilan persekitaran polimer terhadap pelbagai faktor seperti perosotan, pencuacaan dan pembiorosotan. Dengan kepelbagaian aplikasi polimer, kursus ini juga membincangkan kaedah-kaedah pemulihan dan kitar semula polimer serta polimer mesra alam iaitu polimer terbiodegradasi. Pendekatan sibergogi juga digunakan bagi menggalakkan penglibatan pelajar dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran teradun. Pengajaran dan pembelajaran berasaskan web dan penilaian atas talian juga diterapkan di dalam pelaksanaan kursus ini.

**KEJ4653                   Nanoteknologi Alam Sekitar**

**Kredit                   3 (3+0)**

**Prasyarat               Tiada**

Kursus ini membincangkan prinsip-prinsip asas nanoteknologi dan aplikasinya dalam bidang alam sekitar. Topik-topik rangkuman termasuk pengenalan kepada sains nano dan nanoteknologi, prinsip asas "kesan nano", pengelasan bahan nano, sintesis dan pencirian struktur nano, aplikasi nanoteknologi dalam bidang alam sekitar dan etika dalam nanoteknologi. Kursus ini memperkasakan pelajar dengan kemahiran abad ke 21 dengan menggalakkan mereka untuk berfikir secara kritis dan kreatif, berkerjasama dan berkomunikasi dengan aktif bagi membincangkan isu-isu berhubung penggunaan nanoteknologi dalam bidang alam sekitar. Pendekatan sibergogi juga digunakan bagi menggalakkan penglibatan pelajar dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran teradun. Pengajaran dan pembelajaran berasaskan web, penilaian atas talian dan aktiviti interaktif juga diterapkan di dalam pelaksanaan kursus ini.

**KEJ4663                   Rawatan Termomikimia dan Pemulihan Biojisim**

**Kredit                   3 (3+0)**

**Prasyarat               Tiada**

Kursus ini menyediakan rangkuman secara komprehensif teknologi termokimia semasa yang sedang dijalankan atau dikaji di dalam rawatan dan pemulihan bahan sisa dan biojisim seperti pembakaran, pirolisis, pengegasan, torefaksi, pencairan hidroterma dan karbonisasi. Ia memberi kefahaman terhadap asas teknologi ini di samping menawarkan maklumat yang berguna terhadap reka bentuk, operasi dan produk teknologi ini (reka bentuk dan kecekapan proses, parameter operasi, pertimbangan teknikal, pengedaran dan komposisi produk).

<b>KAS4673</b>	<b>Teknologi Proses Pencernaan Anaerobik</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini akan membincangkan tentang prinsip, teori olahan dan rekabentuk pencernaan anaerobik bagi mencerna bahan sisa organik dan seterusnya kepada penghasilan biogas. Selain pengenalan kepada rekabentuk asas, ianya juga akan menekankan mengenai kaedah pemantauan yang berkesan bagi parameter-parameter yang telah ditetapkan bagi memastikan pencerna anaerobik beroperasi pada tahap keberkesaan yang ditetapkan. Kursus ini akan menyediakan input bagi persediaan pelajar untuk menjadi seorang pengendali loji perncerna bahan organik yang profesional. Visual layout loji rawatan air sisa akan turut digunakan sebagai menyokong penerapan nilai IR 4.0 semasa kuliah dijalankan.

<b>KEJ4683</b>	<b>Tenaga dan Perubahan Iklim</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini membincangkan pengenalan sistem tenaga, teknologi tenaga konvensional, teknologi tenaga keterbaharuan, kos tenaga dan alam sekitar, pengenalan kepada unsur karbon, perubahan iklim, penyelesaian kepada perubahan iklim dan prosedur penilaian kitar hayat (LCA). Kursus ini turut membincangkan aktiviti penjanaan tenaga elektrik di era revolusi perindustrian pertama hingga ke empat dan kesan penjanaan tenaga elektrik di keempat-empat era berbeza kepada perubahan iklim dunia.

<b>KEJ4693</b>	<b>Pengurusan dan Audit Tenaga</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini membincangkan pengenalan pengurusan dan audit tenaga, asas sistem elektrik, beban tenaga, Instrumentasi audit tenaga, proses metodologi audit tenaga, kos tenaga, prestasi tenaga dan konsep mesra alam sekitar, dan pemodelan tenaga. Kursus ini turut membincangkan aktiviti penjanaan dan pengurusan tenaga di era revolusi perindustrian pertama sehingga revolusi perindustrian ke empat.

## **PROGRAM SARJANA MUDA SAINS GUNAAN (TEKNOLOGI MARITIM) DENGAN KEPUJIAN**

### **Pengenalan**

Program Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Maritim) dengan Kepujian mula ditawarkan pada sesi Julai 2006/2007 oleh Jabatan Teknologi Maritim, Fakulti Pengajian Maritim dan Sains Marin. Program ini ditawarkan secara sepenuh masa dan mengambil masa selama empat (4) tahun atau lapan (8) semester yang merangkumi 137 jam kredit minimum untuk bergraduat.

Bidang Teknologi Maritim merupakan bidang yang memfokuskan pengajian kepada penggunaan teknologi, operasi, proses dan sistem yang digunakan dalam sektor industri maritim. Program ini dirangka khas untuk melahirkan graduan yang akan mengembangkan ilmu, menyumbang kepakaran untuk berkhidmat dan menerajui syarikat perkapalan, limbungan, pembinaan kapal dan agensi kerajaan berkaitan industri maritim di dalam dan di luar negara.

### **Objektif Objektif Pendidikan Program (PEO)**

Pada akhir pengajian, pelajar yang mengikuti program ini berkeupayaan untuk mencapai objektif berikut:

- PEO1 : Graduan yang berilmu, mengaplikasikan bidang kemahiran saintifik, numerasi dan pengurusan kepimpinan dalam mengemukakan idea yang berasa serta bijak membina kerjaya dalam bidang Teknologi Maritim di peringkat setempat dan juga global.
- PEO2 : Graduan yang menerajui ilmu kemahiran teknikal dan digital serta mempraktikkan pembelajaran sepanjang hayat dalam bidang Teknologi Maritim.
- PEO3 : Graduan yang berdaya saing, mempunyai ciri keusahawanan, mengenal pasti peluang perniagaan dalam menyumbang kepakaran kepada bidang Teknologi Maritim dan yang berkaitan bagi pihak akademik, industri, badan Profesional dan masyarakat.
- PEO4 : Graduan yang tersedia, mampu berkomunikasi secara efektif kompeten dan sentiasa berkemampuan secara individu dan berkumpulan sebagai seorang ahli Teknologi Maritim.

### **Prospek Kerja**

Program ini sesuai ditawarkan memandangkan perkembangan pesat yang berlaku dalam industri maritim. Kerjaya dalam program ini melibatkan peluang pekerjaan di dalam agensi kerajaan dan swasta terutama yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan industri maritim. Graduan boleh berkhidmat sebagai jurutera teknologis marin, arkitek naval, juru teknologi, surveyormarin, pegawai pelabuhan, perancang projek, eksekutif teknikal/jualan, pegawai QA/QC, jurutera teknologis aplikasi, pensyarah di universiti, politeknik, matrikulasi, kolej swasta atau guru, pegawai penyelidik/pegawai sains (Institut Penyelidikan) dan lain-lain lagi.

### **Jumlah Kredit Untuk Bergraduat**

Jumlah minimum kredit untuk bergraduat ialah 137 jam kredit. Agihan jam kredit mengikut kategori kursus adalah seperti berikut:

Kategori	Kredit	Peratus
Teras Universiti	20	14.6
Teras Program	81	59.1
Elektif Universiti	36	26.3
<b>Jumlah</b>	<b>137</b>	<b>100</b>

### **Teras Universiti (20 Jam Kredit)**

Kod Kursus	Nama Kursus	Jam Kredit	Prasyarat
BBB3013	Academic Writing Skills	3 (3+0)	*Tiada
BBB3033	English for Occupational Purposes	3 (3+0)	Tiada
MPU3142	Falsafah dan Isu Semasa	2 (2+0)	Tiada
MPU3132	Penghayatan Etika & Peradaban	2 (2+0)	Tiada
MPU3223	Asas Keusahawanan	3 (3+0)	Tiada
MPU3352	Integriti dan Antirasuah	2 (0+2)	Tiada
COM3112	Seni Komunikasi	2 (2+0)	Tiada
CCM3011	Santuni Komuniti	1 (0+1)	Tiada
CCXXXXX	Ko-Kurikulum	2 (0+2)	Tiada

### **Teras Program (81 Jam Kredit)**

Kod Kursus	Nama Kursus	Jam Kredit
EDI3303	Fizik Asas	3 (3+0)
EDI3313	Matematik Kejuruteraan I	3 (3+0)
EDI3323	Matematik Kejuruteraan II	3 (3+0)
EDI3333	Pengaturcaraan Asas Untuk Teknologis	3 (2+1)
MMT3013	Mekanik Kejuruteraan	3 (2+1)
MMT3023	Mekanik Bendalir	3 (2+1)
MMT3033	Reka Bentuk dan Grafik	3 (0+3)
MMT3043	Kejuruteraan Bahan	3 (2+1)
MMT3053	Termodinamik	3 (2+1)
MMT3063	Kuasa Bendalir Marin	3 (2+1)
MMT3073	Teknologi Perkapalan dan Pelabuhan	3 (3+0)
MMT3082	Bengkel Permesinan dan Kimpalan	2 (0+2)
MMT3093	Mekanik Dinamik	3(3+0)

MMT3112	Makmal Teknologi Marin	2 (0+2)
MMT3123	Kekuatan Bahan	3 (2+1)
MMT3133	Sistem Kejuruteraan Marin	3 (2+1)
MMT3144	Elektronik dan Instrumentasi Marin	4 (2+2)
MMT3154	Seni Bina dan Pembinaan Kapal	4 (3+1)
MMT4982	Projek Ilmiah Tahun Akhir I	2 (0+2)
MMT4994	Projek Ilmiah Tahun Akhir II	4 (0+4)
MMT49712	Latihan Industri	12 (0+12)
MMS3513	Meteorologi	3 (2+1)
MMM3763	Prinsip Pengurusan Maritim	3 (3+0)
FIS3483	Prinsip Kepelautan dan Navigasi	3 (2+1)

### **Elektif (36 Jam Kredit)**

Pelajar diwajibkan mendaftar dan lulus mana-mana 36 kredit kursus elektif yang disenaraikan sepanjang pengajian dan tertakluk kepada kebenaran dan persetujuan dari Ketua Bidang.

<b>Kod Kursus</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Jam Kredit</b>
MMT4163	Teknologi Marin dan Persekitaran	3 (2+1)
MMT4173	Otomasi dan Kawalan Marin	3 (2+1)
MMT4183	Senibina Kapal Lanjutan	3 (2+1)
MMT4193	Rekabentuk Kejuruteraan Maritim	3 (2+1)
MMT4213	Enjin Diesel	3 (2+1)
MMT4223	Kaedah Penyelidikan Teknologi	3 (3+0)
MMT4233	Loji Kuasa dan Jentera Kapal	3 (2+1)
MMT4244	Sistem Penyelenggaraan dan Pembaikan Kapal	4 (3+1)
MMT4253	Kakisan Marin	3 (2+1)
MMT4263	Struktur Luar Pantai	3 (3+0)
MMT4273	Hidrodinamik Marin	3 (3+0)
MMT4283	Sistem Pendinginan dan Penyejukan Marin	3 (2+1)
MMT4293	Struktur Kapal	3 (3+0)
MMT4313	Mooring dan Riser Luar Pantai	3 (3+0)
MMT4323	Saluran Paip Luar Pantai	3 (3+0)
MMT4333	Maritim dan Kejuruteraan Pantai	3 (3+0)

**SKEMA PENGAJIAN**  
**SARJANA MUDA SAINS GUNAAN (TEKNOLOGI MARITIM) DENGAN KEPUJIAN**

KOD	NAMA KURSUS	JAM KREDIT	PRA-SYARAT	KOD	NAMA KURSUS	JAM KREDIT	PRA-SYARAT
<b>SEMESTER 1</b>				<b>SEMESTER 2</b>			
EDI3313	Matematik Kejuruteraan I	3(3+0)	-	EDI3323	Matematik Kejuruteraan II	3(3+0)	-
EDI3303	Fizik Asas	3(3+0)	-	MMT3023	Mekanik Bendalir	3(2+1)	-
MMT3013	Mekanik Kejuruteraan	3(3+0)	-	MPU3142	Falsafah dan Isu Semasa	2(2+0)	-
COM3112	Seni Komunikasi	2(2+0)	-	BBB3103	Academic Writing Skills	3(3+0)	-
CCM3011	Santuni Komuniti	1(0+1)		MPU3132	Penghayatan Etika & Peradaban	2(2+0)	-
MMT3033	Reka Bentuk dan Grafik	3(0+3)	-	MPU3223	Asas Keusahawanan	3(3+0)	-
MPU3352	Integriti dan Antirasuah	2(2+0)			Ko-Kurikulum	2(0+2)	-
<b>Jumlah Kredit</b>		<b>17</b>		<b>Jumlah Kredit</b>		<b>18</b>	
<b>SEMESTER 3</b>				<b>SEMESTER 4</b>			
MMT3043	Kejuruteraan Bahan	3(2+1)	-	EDI3333	Pengaturcaraan Asas untuk Teknologis	3(2+1)	-
MMM3763	Prinsip Pengurusan Maritim	3(3+0)	-	MMT3053	Termodinamik	3(2+1)	-
MMT3063	Kuasa Bendalir Marin	3(2+1)	-	MMS3513	Meteorologi	3(2+1)	-
MMT3093	Mekanik Dinamik	3(3+0)	-	MMT3112	Makmal Teknologi Marin	2(0+2)	-
MMT3082	Bengkel Permesinan dan Kimpalan	2(0+2)	-	MMT3123	Kekuatan Bahan	3(2+1)	-
MMT3073	Teknologi Perkapalan dan Pelabuhan	3(3+0)	-		Elektif 1	3	-
FIS3483	Prinsip Kepelautan dan Navigasi	3(2+1)			Elektif 2	3	
<b>Jumlah Kredit</b>		<b>20</b>		<b>Jumlah Kredit</b>		<b>20</b>	
<b>SEMESTER 5</b>				<b>SEMESTER 6</b>			
MMT3154	Senibina dan Pembinaan Kapal	4(3+1)	-	MMT4982	Projek Ilmiah Tahun Akhir I	2(0+2)	-
MMT3133	Sistem Kejuruteraan Marin	3(2+1)	-		Elektif 5	3	-
MMT3144	Elektronik dan Instrumentasi Marin	4(2+2)	-		Elektif 6	3	-
BBB3033	English for Occupational Purposes	3(3+0)	-		Elektif 7	3	-
	Elektif 3	3	-		Elektif 8	3	-
	Elektif 4	3	-		Elektif 9	3	-
<b>Jumlah Kredit</b>		<b>20</b>		<b>Jumlah Kredit</b>		<b>17</b>	
<b>SEMESTER 7</b>				<b>SEMESTER 8</b>			
MMT4994	Projek Ilmiah Tahun Akhir II	4(0+4)	MMT4982	MMT49712	Latihan Industri	12(0+12)	
	Elektif 10	3	-				
	Elektif 11	3	-				
	Elektif 12	3	-				
<b>Jumlah Kredit</b>		<b>13</b>				<b>12</b>	
<b>JUMLAH KREDIT BERGRADUAT 137</b>							

**Nota:**

1. Pelajar wajib mengikuti **Program Survival dan Keselamatan** Air sebagai **syarat bergraduat**.
2. Jumlah jam kredit kursus elektif yang perlu diambil oleh pelajar dalam program pengajian adalah tertakluk kepada **jumlah jam kredit** elektif yang ditetapkan oleh program pengajian tersebut untuk memenuhi kelayakan bergraduat dan tidak tertakluk kepada **bilangan** kursus elektif yang diambil.
3. Senarai kursus elektif yang boleh diambil oleh pelajar dalam program pengajian adalah merujuk kepada penawaran kursus yang tertera dalam buku panduan program pengajian fakulti tersebut dan juga fakulti lain.

**SINOPSIS KURSUS**  
**PROGRAM SARJANA MUDA SAINS GUNAAN(TEKNOLOGI MARITIM) DENGAN KEPUJIAN**

<b>EDI3303</b>	<b>Fizik Asas</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini memberi kefahaman asas mengenai idea-idea dan prinsip-prinsip Fizik yang utama kepada pelajar-pelajar yang hanya memerlukan latar belakang Fizik Am. Kursus ini meliputi hampir keseluruhan bidang Fizik terutamanya mekanik, sifat-sifat jirim, haba, fenomena gelombang, keelektrikan, kemagnetan dan juga Fizik Moden. Tajuk-tajuk akan dibincangkan secara kualitatif dengan penggunaan kalkulus mudah. Penggunaan konsep-konsep tersebut dalam sains gunaan akan diberi perhatian secara meluas.

<b>EDI3313</b>	<b>Matematik Kejuruteraan I</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini membincangkan matriks dan menekankan konsep-konsep penting dalam matematik kejuruteraan termasuk pembezaan, pengamiran, persamaan pembezaan dan sistem vektor.

<b>EDI3323</b>	<b>Matematik Kejuruteraan II</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini memperkenalkan kepada pelajar beberapa kaedah analisis matematik serta penggunaannya dalam penyelesaian masalah sains fizik dan kejuruteraan. Antara topik-topik yang akan dipelajari ialah penyelesaian persamaan pembezaan darjah pertama dan kedua, matriks penentu dan nilai eigen, kaedah numerikal untuk penyelesaian persamaan pembezaan biasa, siri Fourier, transformasi Fourier dan transformasi Laplace.

<b>EDI3333</b>	<b>Pengaturcaraan Asas Untuk Teknologis</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (2+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini merangkumi asas pengaturcaraan dan bahasa pengaturcaraan C; teknik penyelesaian masalah, pencartaaliran dan penghalusan langkah dalam Alkhawarizmi; teknik penulisan pengaturcaraan dan arahan untuk menyelesaikan masalah formal. Latihan amali secara makmal untuk membina atur cara yang berkaitan akan dilakukan.

<b>MMT3013</b>	<b>Mekanik Kejuruteraan</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Pengenalan dan konsep-konsep asas. Daya paduan dan leraian daya. Kesimbangan zarah. Momen dan gandingan. Kesimbangan jasad tegar. Pusat graviti dan sentroid. Geseran.

<b>MMT3023</b>	<b>Mekanik Bendalir</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (2+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Pengenalan kepada konsep asas dan sifat bendalir. Bendalir statik. Persamaan-persamaan asas. Kaedah pengukuran kadar aliran dalam saluran tertutup dan saluran terbuka. Masalah aliran paip. Analisis dimensi. Mesin bendalir. Amali.

<b>MMT3033</b>	<b>Reka bentuk dan Grafik</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (0+3)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini merangkumi, ortografik dan isometrik, garisan persilangan, pembentangan, lukisan keratan dan lukisan kerja, arahan berbantu komputer dan lukisan berbantu komputer.

<b>MMT3043</b>	<b>Kejuruteraan Baham</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (2+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini meliputi struktur atom dan ikatan, struktur hablur, kehelaan dalam logam, ciri-ciri mekanikal logam, gambar rajah fasa dan pembentukan aloi, logam dan aloi bukan ferus, besi dan keluli, bahan bukan logam, polimer dan komposit, bahan termaju dan kitar semula. Amali.

<b>MMT3053</b>	<b>Termodinamik</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (2+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Istilah dan konsep termodinamik. Hukum pertama termodinamik. Sifat gas unggul. Hukum kedua termodinamik. Kitaran kuasa dan penyejukan. Amali.

<b>MMT3063</b>	<b>Kuasa Bendalir Marin</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (2+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini membincangkan asas kuasa bendalir dengan penekanan kepada peralatan marin/kapal. Ia merangkumi penghantaran kuasa hidraulik dalam peralatan marin. Ini termasuk pengenalan kepada kuasa bendalir, pam anjakan positif, injap kawal arah, kadar alir dan tekanan, penggerak jenis linear dan berputar, minyak hidraulik, pak kuasa, penggunaan marin, reka bentuk sistem hidraulik, sistem kawalan servo dan berkadar, penapis udara dan peralatan penyingkir air, sistem pneumatik, pemeriksaan dan penyenggaraan sistem kuasa bendalir marin. Amali.

<b>MMT3073</b>	<b>Teknologi Perkapalan dan Pelabuhan</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (0+3)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Faktor sekitaran yang mempengaruhi pilihan teknologi. Pengkhususan bentuk kargo, pengangkut kargo, jenis kendalian, kaedah pengangkutan dan pengangkutan intermodal. Pilihan teknologi kapal dan pelabuhan. Isu semasa perkembangan teknologi.

<b>MMT3082</b>	<b>Bengkel Pemesinan dan Kimpalan</b>
<b>Kredit</b>	<b>2 (0+2)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kerja di bengkel merangkumi fabrikasi "sheet metal", pemotongan, pembentukan dan pengimpalan, pemesinan asas, pelarikan dan asas lekapan. Peralatan asas dan kaedah untuk mengukur. Memahami spesifikasi, skala, lukisan kejuruteraan. Keselamatan di makmal dan penyediaan laporan teknikal.

<b>MMT3093</b>	<b>Mekanik Dinamik</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini memperkenalkan asas kejuruteraan terutama kejuruteraan dinamik. Ia terdiri daripada gerakan satah lurus, gerakan garisan melengkung, pengabadian kerja dan tenaga kinetik dan upaya, halaju dan pecutan dalam gerakan mendatar, gerakan am relatif kepada kerangka berputar, momen jisim inersia.

<b>MMT3112</b>	<b>Makmal Teknologi Marin</b>
<b>Kredit</b>	<b>2 (0+2)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Prinsip Archimedes berkaitan dengan apongan, pusat apongan, gravity dalam air. Kestabilan jasad dalam air. Memahami pelan garis kapal (ship lines plan). Pengiraan keratan rentas, satah air, isi padu sesaran, pusat gravity (CG), pusat apongan (B) dan pusat apungan memanjang (LCF) menggunakan hukum Simpson dengan bantuan program "spreadsheet" berasaskan "ship lines plan". Kestabilan kapal dan kaedah ujian senget dan ujian oleng untuk menentukan GM. Analisis data uji kaji dan

menyediakan laporan teknikal. Asas Litar Elektrik (DC dan AC) dan asas litar Ekektronik menggunakan module pembelajaran COMLAB)

**MMT3123                    Kekuatan Bahan**

**Kredit                      3 (2+1)**

**Prasyarat                  Tiada**

Kursus ini membincangkan asas kekuatan sesuatu bahan dengan penekanan kepada pembebahan luaran dan kesan dari pembebahan tersebut. Ia merangkumi asas pembebahan statik, aspek tegasan dan terikan yang berhasil, kilasan suatu bar bulat, daya rizik dan momen lentur, tegasan lentur dan pembebahan tergabung. Pemahaman asas kepada pembebahan serta analisis bagi tindak balas merupakan fokus kursus ini. Amali bagi topik yang berkaitan juga disempurnakan.

**MMT3133                    Sistem Kejuruteraan Marin**

**Kredit                      3 (2+1)**

**Prasyarat                  Tiada**

Kursus ini memperkenalkan pengetahuan umum tentang terminologi sistem dan kawalan kejuruteraan marin, prinsip dan operasi jentera-jentera utama dan auxiliri di atas kapal. Ia merangkumi prinsip kerja tentang loji kuasa marin, dandang, sistem pendorong, generator air tawar, sistem stereng, sistem pum, sistem penyejuk, sistem buangan, incinerator, peralatan geladak dan lain-lain.

**MMT3144                    Elektronik dan Instrumentasi Marin**

**Kredit                      4 (2+2)**

**Prasyarat                  Tiada**

Asas elektrik dan elektronik. Pengiraan voltan, arus elektrik, rintangan, impedans dan kuasa. Simbol-simbol piawai litar elektrik dan elektronik, komponen elektronik. Klasifikasi dan penggunaan peralatan elektrik di atas kapal. Prinsip operasi alat RADAR, penduga-gema, RDF, GPS, kompas-gyro dan lain-lain secara terperinci. Spesifikasi dan pemilihan alat elektronik. Penyelenggaraan peralatan elektronik. Amali.

**MMT3154                    Seni Bina dan Pembinaan Kapal**

**Kredit                      4 (3+1)**

**Prasyarat                  Tiada**

Subjek ini memberi pendedahan kepada pelajar mengenai asas seni bina kapal seperti terminologi dan simbol-simbol kapal, konsep dan teori seni bina kapal, proses seni bina kapal, pengiraan beban kapal, hidrostatik dan kestabilan kapal. Ciri-ciri bahan binaan moden termasuk kekuatan bahan, had dan faktor yang mempengaruhi bahan binaan yang sesuai. Proses pembinaan dan rekabentuk kapal, kemudahan limbongan, teknik-teknik fabrikasi dan pemasangan. Peranan Badan Pengkelasan dalam menentukan keselamatan dan kualiti sesuatu binaan. Subjek ini juga merangkumi projek dan tugas secara individu.

**MMT4982                    Projek Ilmiah Tahun Akhir I**

**Kredit                      2 (0+2)**

**Prasyarat                  Tiada**

Projek tahun akhir direkabentuk untuk melatih pelajar menjalankan kajian saintifik, menulis laporan dan membuat pembentangan saintifik. Pelajar tahun akhir dikehendaki melaksanakan satu projek penyelidikan di bawah bimbingan seorang atau lebih pensyarah. Pelajar dikehendaki mengemukakan satu tajuk, menyediakan saranan dan menyiapkan tesis penyelidikan untuk dinilai masing-masing pada awal (Sem 6) dan akhir semester (Sem 7). Pelajar dikehendaki membentangkan hasil kajian dalam seminar dan menyerahkan tesis yang dijilidkan kepada Jabatan.

<b>MMT4994</b>	<b>Projek Ilmiah Tahun Akhir II</b>
<b>Kredit</b>	<b>4 (0+4)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>MMT4982</b>

Projek tahun akhir direkabentuk untuk melatih pelajar menjalankan kajian saintifik, menulis laporan dan membuat pembentangan saintifik. Pelajar tahun akhir dikehendaki melaksanakan satu projek penyelidikan di bawah bimbingan seorang atau lebih pensyarah. Pelajar dikehendaki mengemukakan satu tajuk, menyediakan saranan dan menyiapkan tesis penyelidikan untuk dinilai masing-masing pada awal (Sem 6) dan akhir semester (Sem 7). Pelajar dikehendaki membentangkan hasil kajian dalam seminar dan menyerahkan tesis yang dijilidkan.

<b>MMT49712</b>	<b>Latihan Industri</b>
<b>Kredit</b>	<b>12 (0+12)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Pelajar akan ditempatkan di jabatan-jabatan kerajaan, berkanun atau swasta yang berkaitan untuk tempoh 6 bulan pada semester akhir. Pelajar akan menjalankan tugas semasa yang bersesuaian di bawah pengawasan seorang penyelia yang akan dilantik di industri berkenaan dan seorang penyelia di universiti.

<b>MMT4244</b>	<b>Sistem Penyelenggaraan dan Pembaikan Kapal</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (2+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Perancangan dan organisasi penyelenggaraan, konsep menyelenggara dan baik pulih dari perspektif kejuruteraan. Sistem penyelenggaraan secara statistik, kawalan dan jaminan kualiti. Kawalan penyelenggaraan bahan-bahan, reka bentuk program penyelenggaraan, penyediaan rancangan pembaikan termasuk anggaran kos, "job description and man-hours" dan peralatan, menilai garis panduan sistem maklumat dan pengawasan alatan menggunakan teknologi diagnostik. "Slipway", kaedah-kaedah "docking", "scrapping and coating technology" Keselamatan ditempat kerja.

<b>MMT4163</b>	<b>Teknologi Marin dan Persekutaran</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (2+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursusini membincangkan perkembangan dan isu semasa persekitaran persisir pantai dan marin yang melibatkan aplikasi teknologi termasuk kakisan pantai, pencemaran air, penerokaan sumber dan tenaga. Kaedah penyampilan dasar, parameter air, pemetaan dasar dan kakisan pantai. Teknik akustik untuk pemetaan dasar, dan survey sumber. Kaedah kimia, biologi dalam mengawal sumber hidup, kualiti air dan persekitaran marin. Isu-isu semasa berkaitan penerokaan sumber, tenaga alternatif, pencemaran air dan bunyi, dan aktiviti perkapalan.

<b>MMT4173</b>	<b>Otomasi dan Kawalan Marin</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (2+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Terminologi sistem otomasi dan kawalan, subsistem, dan proses-proses, masukan-keluaran, sistem gelung terbuka, sistem kawalan berkomputer. Model frekuensi dan domin masa, sambutan masa, sistem kawalan digital. Pengesan, penjelmaan Laplace, fungsi pindahan. Pengesan untuk otomasi. Kajian kes dan simulasi komputer.

<b>MMT4183</b>	<b>Seni Bina Kapal Lanjutan</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (2+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Mentakrifkan bentuk-bentuk kapal, menentukan luas, isi padu dan sentroid bentuk kapal, kestabilan awalan, kestabilan memanjang, trim menggunakan kaedah matematik, proses mereka bentuk kapal. Penambahan, pengurangan dan pemindahan beban terhadap kestabilan dan trim. Rintangan kapal dan keperluan kuasa penggerak.

<b>MMT4193</b>	<b>Reka Bentuk Kejuruteraan Maritim</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (2+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Fizikal marin (cuaca, ombak, pasang surut) yang mempengaruhi reka bentuk dan operasi struktur kejuruteraan maritim dengan momfokus kepada falsafah reka bentuk, proses reka bentuk, keperluan dan analisis (teknikal dan ekonomi). Pelajar diminta memilih tajuk, menyediakan cadangan, analisis, dan menyediakan laporan rekabentuk dan persembahan. Projek berkumpulan merangkumi struktur pantai dan luar pantai (kapal, struktur luar pantai, infrastruktur marin, komponen dan sistem marin).

<b>MMT4213</b>	<b>Enjin Diesel</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (2+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini merangkumi komponen asas, fungsi, operasi dan sistem enjin diesel seperti struktur mekanikal, penyejukan, pelinciran, bahan api, tangki simpanan, pencarian masalah dan penyelenggaraan.

<b>MMT4223</b>	<b>Kaedah Penyelidikan Teknologi</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus mendedahkan pelajar kepada kaedah penyelidikan bermula dari penyediaan saran projek, hipotesis, mereka bentuk, membuat tinjauan, menjalankan penyelidikan, membuat analisis, membuat perbincangan, memberi cadangan, menyediakan laporan dan akhirnya membentang hasil penyelidikan.

<b>MMT4233</b>	<b>Loji Kuasa dan Jentera Kapal</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (2+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Elemen berkaitan dengan jentera kapal terdiri dari loji wap, loji turbin gas, loji rejangan, penyejat. Alatan tambahan loji kuasa kapal serta klasifikasi. Prinsip kerja dan operasi loji kuasa dan jentera kapal. Penghasilan dan penghantaran kuasa menerusi sistem mekanikal, elektrik dan hidraulik termasuk komponen-komponen sistem. Mengenalpasti masaalah dan kerja baikpulih.

<b>MMT4253</b>	<b>Kakisan Marin</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (2+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Pengenalan kepada teori dan amalan di dalam kakisan marin. Proses semula jadi tentang kejadian kakisan. Faktor alam sekitar yang mempengaruhi kakisan logam terutamanya di laut. Akhirnya pengenalan kepada cara-cara asas mencegah dari berlakunya kakisan seperti perlindungan katod dan anod, penyalutan cat dan penyaduran logam.

<b>MMT4263</b>	<b>Struktur Luar Pantai</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini memberikan pengenalan kepada kejuruteraan struktur luar pantai berkaitan dengan industri minyak dan gas, beban alam sekitar, kesan beban alam sekitar terhadap struktur luar pantai, Analisis dan reka bentuk pelantar minyak luar pantai, Analisis dan reka bentuk modul topside, Load-out, pemasangan, hook-up, dan operasi, pemeriksaan, penyelenggaraan, dan pembaikan, penilaian struktur sedia ada, pemasangan dan pemeriksaan saluran paip, dan struktur luar pantai berkaitan yang lain.

<b>MMT4273</b>	<b>Hidrodinamik Marin</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini membincangkan prinsip mekanik bendalir dalam kontek struktur dan kenderaan marin, sains lautan dan kejuruteraan, teori pengangkutan dan pengekalan prinsip-prinsip, daya hidrodinamik dalam aliran upaya, teknik-teknik penyelesaian hidrodinamik dengan kaedah berangka.

<b>MMT4283</b>	<b>Sistem Pendinginan dan Penyejukan Marin</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (2+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Mempelajari komponen-komponen pendinginan marin, konsep asas pemindahan haba, aplikasi-aplikasi dan pemasangan sistem pendinginan marin termasuk operasi, jenis-jenis refrigeran, mengenal pasti punca masalah, membaiki dan menyelenggara sistem pendinginan marin.

**MMT4293** Struktur Kapal  
**Kredit** 3 (3+0)  
**Prasyarat** Tiada

Kursus ini memerlukan asas dan merupakan lanjutan kekuatan bahan. Ia merangkumi pengenalan terhadap struktur kapal, Pembebanan Kapal, Momen Lentur "Hull Girder", Tegangan lentur dan difluksi Hull Girder, Tegangan rincih Hull Girder, analisis tegangan dan "struts and columns". Kursus ini memberi penekanan supaya pelajar dapat menentukan dan menyelesaikan masalah reka bentuk struktur dengan menggunakan kaedah pengiraan dan analisis yang bersesuaian.

<b>MMT4313</b>	<b>Mooring dan Riser Luar Pantai</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus memberikan pengenalan kepada kejuruteraan struktur luar pantai berkaitan dengan sistem mooring dan riser. Mekanisma pembebanan, rekabentuk sistem mooring dan riser, komponen-komponen, piawai yang digunakan, top tension riser, SCR, analisis terlibat untuk sistem mooring dan riser, dan kaedah pemasangan. Kaedah peniliaian struktur juga antara topik yang disertakan dalam subjek ini.

<b>MMT4323</b>	<b>Saluran Paip Luar Pantai</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Subjek ini memberikan pengenalan mengenai bidang kejuruteraan saluran paip. Ia juga merangkumi prinsip dan operasi dalam salur paip luar pantai, jenis-jenis saluran paip, dan kaedah untuk melindungi paip. Ia juga member penjelasan terhadap proses pembuatan dan pemasangan paip, aturan sistem dan konsep rekabentuk untuk salur paip luar pantai, pemilihan bahan untuk paip, dan kaedah pemeriksaan paip.

<b>MMT4333</b>	<b>Maritim dan Kejuruteraan Pantai</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Pengenalan kepada teori-teori ombak dan air pasang surut. Mereka bentuk struktur pantai bagi tujuan penahanan dari hakisan pantai disebabkan serangan ombak. Masalah-masalah persekitaran pantai dan kepentingan terhadap alam sekitar.

## **PROGRAM SARJANA MUDA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN MEKANIKAL (SENIBINA KAPAL) DENGAN KEPUJIAN**

### **Pengenalan**

Program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Senibina Kapal) mula ditawarkan pada sesi Semester I 2020/2021 dan merupakan satu-satunya program teknologi kejuruteraan yang ditawarkan oleh UMT. Program ini telah mendapat akreditasi daripada Malaysia Board of Technologists (MBOT). Program ini ditawarkan secara sepenuh masa dan mengambil masa selama empat (4) tahun atau lapan (8) semester yang merangkumi 140 jam kredit minimum untuk bergraduat.

Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Senibina Kapal) adalah program yang menggabungkan sains, senibina kapal dan kejuruteraan sistem permesinan kapal. Teras program ini meliputi pengajian yang berkaitan dengan senibina kapal, hidrostatik dan kestabilan statik/dinamik kapal atau struktur terapung, permesinan dan instrumentasi kapal, loji kuasa kapal, pengurusan dan sistem operasi kapal, serta keselamatan berdasarkan piawaian oleh agensi keselamatan marin dan Organisasi Maritim Antarabangsa (IMO). Elemen-elemen yang diterapkan termasuk senibina dan pembinaan kapal, kejuruteraan mekanikal marin, elektrikal, elektronik, perisiandan keselamatan yang digunakan dalam proses rekabentuk kejuruteraan, pengkelasan, penyelenggaraan, dan operasi untuk kapal dan struktur terapungyang lain. Program ini menyediakan pengetahuan dan kemahiran profesional untuk pekerjaan dalam industri perkapalan, marin dan juga minyak dan gas.

### **Objektif Pendidikan Program (PEO)**

Pada akhir pengajian, pelajar yang mengikuti program ini berkeupayaan untuk mencapai objektifberikut:

- PEO1 : Melahirkan Teknologis Kejuruteraan berwibawa yang mampu menggunakan prinsip sains, kejuruteraan dan teknologi moden dalam menyelesaikan masalah-masalah semasa dan masa depan yang berkaitan dengan Senibina Kapal & Kejuruteraan Marin.
- PEO2 : Melahirkan Teknologis Kejuruteraan dalam bidang Senibina Kapal & kejuruteraan Marin yang melakukan kerja dan denga penuh tanggungjawab serta beretika dengan nilai-nilai moral yang tinggi dan juga bertanggungjawab untuk Tuhan, negara dan masyarakat.
- PEO3 : Melahirkan Teknologis Kejuruteraan yang kreatif dan inovatif dalam pembangunan penyelidikan serta tekno-usahawan dalam memenuhi keperluan negara dan antarabangsa.
- PEO4 : Melahirkan Teknologis Kejuruteraan yang mampu berkomunikasi secara berkesan dengan kepimpinan yang baik serta dapat berfungsi dalam persekitaran kerja berpasukan.
- PEO5 : Melahirkan Teknologis Kejuruteraan yang menunjukkan semangat melibatkan diri dalam pembelajaran sepanjang hayat melalui kesinambungan pembelajaran, amalan teknikal dan pembangunan profesional

## **Prospek Kerja**

Program ini ditawarkan memandangkan perkembangan pesat yang berlaku dalam industri perkapalan. Berikut adalah antara peluang kerjaya dalam bidang senibina kapal:

- 1) Arkitek Kapal
- 2) Jurutera Teknologis Permesinan/instrumentasi Kapal
- 3) Jurutera Teknologis Pesisir & Luar Pantai
- 4) Jurutera Teknologis Pembinaan & Penyenggaraan
- 5) Perunding Rekabentuk Kapal
- 6) Surveyor Marin
- 7) Pegawai QC
- 8) Pegawai Operasi Marin
- 9) Pensyarah/Pendidik
- 10) Pegawai Agensi Piawaian
- 11) Eksekutif Teknikal/Jualan
- 12) Pegawai Sains/Penyelidik

## **Jumlah Kredit Untuk Bergraduat**

Jumlah minimum kredit untuk bergraduat ialah 140 jam kredit. Agihan jam kredit mengikut kategori kursus adalah seperti berikut:

Kategori	Kredit	Peratus
Teras Universiti	20	14
Teras Program	111	79
Elektif Universiti	9	7
<b>Jumlah</b>	<b>140</b>	<b>100</b>

### **Teras Universiti (20 Jam Kredit)**

Kod Kursus	Nama Kursus	Jam Kredit	Prasyarat
BBB3013	Academic Writing Skills	3 (3+0)	MUET Band 3,4,5,6
BBB3033	English for Occupational Purposes	3 (3+0)	Tiada
MPU3142	Falsafah dan Isu Semasa	2 (2+0)	Tiada
MPU3132	Penghayatan Etika & Peradaban	2 (2+0)	Tiada
MPU3223	Asas Keusahawanan	3 (3+0)	Tiada
MPU3352	Integriti dan Antirasuah	2 (0+2)	Tiada
COM3112	Seni Komunikasi	2 (2+0)	Tiada
CCM3011	Santuni Komuniti	1 (0+1)	Tiada
CCXXXXX	Ko-Kurikulum	2 (0+2)	Tiada

### **Teras Program (111 Jam Kredit)**

Kod Kursus	Nama Kursus	Jam Kredit
EDI3353	Pengaturcaraan Komputer UntukTeknologis	3 (2+1)
EDI3313	Matematik Kejuruteraan I	3 (3+0)
EDI3323	Matematik Kejuruteraan II	3 (3+0)
MNA3192	Jurutera, Undang-Undang & Pertubuhan	2(2+0)
MNA3113	Pengurusan Projek	3 (2+1)

MNA3173	Statistik Kejuruteraan	3(3+0)
MNA3183	Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan	3(3+0)
MMT3043	Kejuruteraan Bahan	3 (2+1)
MMT3023	Mekanik Bendalir	3 (2+1)
MMT3053	Termodinamik	3 (2+1)
MMT3082	Bengkel Permesinan dan Kimpalan	2 (0+2)
MMT3112	Makmal Teknologi Marin	2 (0+2)
MMT3123	Kekuatan Bahan	3 (2+1)
MMT3144	Elektronik Dan Instrumentasi Marin	4 (2+2)
MMT4293	Struktur Kapal	3 (2+1)
MMT4253	Kakisian Marin	3 (2+1)
MNA4982	Projek Ilmiah Tahun Akhir I	2 (0+2)
MNA4994	Projek Ilmiah Tahun Akhir II	4 (0+4)
MNA3203	Statik	3(3+0)
MNA3013	Lukisan Kejuruteraan	3(0+3)
MNA3043	Senibina Kapal I	3(3+0)
MNA3053	Kejuruteraan Sistem Marin I	3(2+1)
MNA3064	Senibina Kapal II	4(2+2)
MNA3073	Kejuruteraan Sistem Marin II	3(2+1)
MNA3103	Kejuruteraan Sistem Marin III	3(2+1)
MNA3093	Senibina Kapal III	3(2+1)
MNA3163	Automasi & Sistem Kawalan	3(2+1)
MNA3153	Kejuruteraan Sistem Marin IV	3(2+1)
MNA3143	Senibina Kapal IV	3(2+1)
MNA3023	Dinamik	3(3+0)
MNA3124	Projek Rekabentuk Kapstone	4(1+3)
MNA3133	Sistem Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kapal	3(2+1)
MNA49712	Latihan Industri	12 (0+12)
MNA3033	Pembinaan Kapal	3(2+1)

### **Elektif (9 Jam Kredit)**

Pelajar diwajibkan mendaftar dan lulus mana-mana 9 kredit kursus elektif yang disenaraikan sepanjang pengajian dan tertakluk kepada kebenaran dan persetujuan dari Ketua Program.

<b>Kod Kursus</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Jam Kredit</b>
MMT4163	Teknologi Marin dan Persekitaran	3 (2+1)
MMT4193	Rekabentuk Kejuruteraan Maritim	3 (2+1)
MMT4213	Enjin Diesel	3 (2+1)
MMT4223	Kaedah Penyelidikan Teknologi	3 (3+0)
MMT4263	Struktur Luar Pantai	3 (3+0)
MMT4273	Hidrodinamik Marin	3 (2+1)
MMT4313	Mooring dan Riser Luar Pantai	3 (3+0)
MMT4323	Saluran Paip Luar Pantai	3 (3+0)
MMT4333	Maritim dan Kejuruteraan Pantai	3 (3+0)

**SKEMA PENGAJIAN**  
**SARJANA MUDA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN MEKANIKAL (SENIBINA KAPAL)**

KOD	NAMA KURSUS	JAM KREDIT	PRA-SYARAT	KOD	NAMA KURSUS	JAM KREDIT	PRA-SYARAT
<b>SEMESTER 1</b>				<b>SEMESTER 2</b>			
MNA3013	Lukisan Kejuruteraan	3(0+3)	-	EDI3323	Matematik Kejuruteraan II	3(3+0)	-
MMT3023	Mekanik Bendalir	3(2+1)	-	MNA3203	Statik	3(3+0)	-
EDI3353	Pengaturcaraan Asas untuk Teknologis	3(2+1)	-	MPU3132	Penghayatan Etika dan Peradaban	2(2+0)	-
EDI3313	Matematik Kejuruteraan I	3(3+0)	-	MPU3142	Falsafah dan Isu Semasa	2(2+0)	-
COM3112	Seni Komunikasi	2(2+0)	-	MPU3223	Asas Keusahawanan	3(3+0)	-
CCM3011	Santuni Komuniti	1(0+1)		BBB3013	Academic Writing Skills	3(3+0)	-
MPU3352	Integriti dan Antirasuah	2(2+0)		CCXXXXX	Ko-Kurikulum	2(0+2)	-
<b>Jumlah Kredit</b>		<b>17</b>		<b>Jumlah Kredit</b>		<b>18</b>	
<b>SEMESTER 3</b>				<b>SEMESTER 4</b>			
MNA3043	Senibina Kapal I	3(3+0)	-	MNA3064	Senibina Kapal II	4(2+2)	-
MNA3053	Kejuruteraan Sistem Marin I	3(2+1)	-	MNA3073	Kejuruteraan Sistem Marin II	3(2+1)	-
MMT3082	Bengkel Permesinan dan Kimpalan	2(0+2)	-	MNA3023	Dinamik	3(3+0)	-
MMT3123	Kekuatan Bahan	3(2+1)	-	MNA3033	Pembinaan Kapal	3(2+1)	-
MMT4253	Kakisan Marin	3(2+1)	-	MNA3192	Jurutera, Undang-undang & Pertubuhan	2(2+0)	-
MMT3053	Termodinamik	3(2+1)	-	MMT3043	Kejuruteraan Bahan	3(2+1)	-
				MMT3112	Makmal Teknologi Marin	2(0+2)	-
<b>Jumlah Kredit</b>		<b>17</b>		<b>Jumlah Kredit</b>		<b>20</b>	
<b>SEMESTER 5</b>				<b>SEMESTER 6</b>			
MNA3093	Senibina Kapal III	3(2+1)	-	MNA3143	Senibina Kapal IV	3(2+1)	-
MNA3103	Kejuruteraan Sistem Marin III	3(2+1)	-	MNA3153	Kejuruteraan Sistem Marin IV	3(2+1)	-
MNA3124	Projek Rekabentuk Kapstone	4(1+3)	-	MNA4982	Projek Ilmiah Tahun Akhir I	2(0+2)	-
MNA3133	Sistem Penyelenggaran dan Pembaikan Kapal	3(2+1)	-	MNA3163	Automasi & Sistem Kawalan	3(2+1)	-
MMT4293	Struktur Kapal	3(2+1)	-	MNA3173	Statistik Kejuruteraan	3(3+0)	-
MNA3113	Pengurusan Projek	3(2+1)	-	MMT3144	Elektronik & Instrumentasi Marin	4(2+2)	-
<b>Jumlah Kredit</b>		<b>19</b>		<b>Jumlah Kredit</b>		<b>18</b>	
<b>SEMESTER 7</b>				<b>SEMESTER 8</b>			
MNA4994	Projek Ilmiah Tahun Akhir II	4(0+4)	MNA4982	MNA49712	Latihan Industri	12(0+12)	
MNA3183	Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan	3(3+0)	-				
BBB3033	English for Occupational Purposes	3(3+0)	-				
	Elektif I	3					
	Elektif II	3	-				
	Elektif III	3	-				
<b>Jumlah Kredit</b>		<b>19</b>		<b>Jumlah Kredit</b>		<b>12</b>	
<b>JUMLAH KREDIT BERGRADUAT 140</b>							

**Nota:**

1. Pelajar wajib mengikuti **Program Survival dan Keselamatan Air** sebagai **syarat bergraduat**.
2. Jumlah jam kredit kursus elektif yang perlu diambil oleh pelajar dalam program pengajian adalah tertakluk kepada **jumlah jam kredit** elektif yang ditetapkan oleh program pengajian tersebut untuk memenuhi kelayakan bergraduat dan tidak tertakluk kepada **bilangan** kursus elektif yang diambil.
3. Senarai kursus elektif yang boleh diambil oleh pelajar dalam program pengajian adalah merujuk kepada penawaran kursus yang tertera dalam buku panduan program pengajian fakulti tersebut dan juga fakulti lain.

## **SINOPSIS KURSUS**

### **PROGRAM SARJANA MUDA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN MEKANIKAL (SENIBINA KAPAL)**

<b>EDI3353</b>	<b>Pengaturcaraan Komputer Untuk Teknologis</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (2+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini merangkumi asas pengaturcaraan dan bahasa pengaturcaraan C; teknik penyelesaian masalah, pencartaaliran dan penghalusan langkah dalam Alkhawarizmi; teknik penulisan pengaturcaraan dan arahan untuk menyelesaikan masalah formal. Latihan amali secara makmal untuk membina atur cara yang berkaitan akan dilakukan.

<b>EDI3313</b>	<b>Matematik Kejuruteraan I</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini membincangkan matriks dan menekankan konsep-konsep penting dalam matematik kejuruteraan termasuk pembezaan, pengamiran, persamaan pembezaan dan sistem vektor.

<b>EDI3313</b>	<b>Matematik Kejuruteraan II</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini memperkenalkan kepada pelajar beberapa kaedah analisis matematik serta penggunaannya dalam penyelesaian masalah sains fizik dan kejuruteraan. Antara topik-topik yang akan dipelajari ialah penyelesaian persamaan pembezaan darjah pertama dan kedua, matriks penentu dan nilai eigen, kaedah numerikal untuk penyelesaian persamaan pembezaan biasa, siri Fourier, transformasi Fourier dan transformasi Laplace.

<b>MNA3192</b>	<b>Jurutera, Undang-Undang dan Pertubuhan</b>
<b>Kredit</b>	<b>2 (2+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini menjelaskan konsep etika, nilai dan moral dan hubungannya dengan profesi kejuruteraan. Konsep etika dalam hubungan pekerjaan termasuk pekerja dengan profesionalisme, akauntabiliti kerja pengurus, organisasi dan pekerja dalam organisasi, undang- undang dan etika dan isu-isu etika kerja semasa, penipuan terhadap etika kerja dan profesionalisme, seperti rasuah, penipuan, diskriminasi, dan lain-lain

<b>MNA3113</b>	<b>Pengurusan Projek</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (2+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini memperkenalkan asas pengurusan projek dan kontrak. Proses kitaran hayat projek diterangkan yang termasuk permulaan, merancang, melaksanakan, memantau, mengawal dan menutup projek. Penggunaan aplikasi perisian Microsoft Project juga diajar.

<b>MNA3173</b>	<b>Statistik Kejuruteraan</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan iimu pengetahuan umum , kaedah dan teori serta aplikasinya alam statistik an kebarangkalian dalam senibina kapal kapal dan kejuruteraan marin.

<b>MNA3183</b>	<b>Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini merangkumi peraturan, peraturan dan Akta yang berkait rapat dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan seperti OSHM, OSHA dan FMA. Selain itu, ia juga memberi penekanan kepada

bahaya dan risiko, kawalan kemalangan, kebersihan industri, lembaran data keselamatan bahan, pelan tindakan kecemasan, keselamatan dan audit kesihatan.

**MMT3043                   Kejuruteraan Bahan**

**Kredit                   3 (2+1)**

**Prasyarat               Tiada**

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada hubungan di antara struktur dan sifat-sifat sesuatu bahan. Bahan kursus mencakupi struktur dan ikatan atom, struktur molekul dan kristal, ketidaksempurnaannya serta hubungan dengan sifat-sifat kejuruteraan. Topik-topik lain termasuklah sifat-sifat mekanikal, pelbagai ragam kegagalan bahan, dan tatarajah fasa. Kerencaman, sifat, penggunaan, dan pembikinan beberapa bahan seperti logam, polimer, komposit dan seramik juga dibincangkan.

**MMT3023                   Mekanik Bendalir**

**Kredit                   3 (2+1)**

**Prasyarat               Tiada**

Kursus ini menerangkan pengenalan dan konsep asas mekanik bendalir. Sifat-sifat bendalir. Tekanan dan bendalir statik. Keabadian jisim, Bernoulli dan tenaga. Aliran dalaman – laminar, turbulent dan kehilangan. Pengukuran halaju dan kadar alir. Makmal.

**MMT3053                   Termodinamik**

**Kredit                   3 (2+1)**

**Prasyarat               Tiada**

Istilah dan konsep termodinamik. Hukum pertama termodinamik. Sifat gas unggul. Hukum kedua termodinamik. Kitaran kuasa dan penyejukan. Amali.

**MMT3082                   Bengkel Permesinan Dan Kimpalan**

**Kredit                   2 (0+2)**

**Prasyarat               Tiada**

Kursus ini mendedahkan pengetahuan asas dalam mengendalikan mesin pemotongan keluli, mesin larik dan "milling", kimpalan dan kelengkapan asas meliputi prosedur dan perisip keselamatan di dalam pekerjaan dan di dalam bengkel. Kerja-kerja makmal meliputi fabrikasi logam, memotong, melentur, mengimpal, pemesinan asas, teknik mengukur menggunakan alat-alat yang betul dan menggunakan alatan elektrik mudah alih. Memahami spesifikasi, skala, reka bentuk kejuruteraan. Keselamatan bengkel dan menulis laporan teknikal.

**MMT3112                   Makmal Teknologi Marin**

**Kredit                   2 (0+2)**

**Prasyarat               Tiada**

Kursus ini mengabungkan beberapa aspek teknikal penting dalam bidang kejuruteraan marin dan senibina kapal yang merangkumi penyediaan lakaran kapal, pemahaman hidrostatik, kestabilan objek terapong, ujian-ujian berkaitan, aspek elektrikal dan peralatan yang terdapat di atas kapal. Konsep-konsep yang dibincangkan juga dapat difahami menerusi melakukan ujian sebenar menggunakan model dan juga kit CBT di makmal.

**MMT3123                   Kekuatan Bahan**

**Kredit                   3 (2+1)**

**Prasyarat               Tiada**

Kursus ini membincangkan asas kekuatan sesuatu bahan dengan penekanan kepada pembebanan luaran dan kesan dari pembebanan tersebut. Ia merangkumi asas pembebanan statik, aspek tegasan dan terikan yang terhasil, kilasan suatu bar bulat, daya ricih dan momen lentur, tegasan lentur dan pembebanan tergabung. Pemahaman asas kepada pembebanan serta analisis bagi tindakbalas merupakan fokus kursus ini. Amali bagi topik yang berkaitan juga disempurnakan.

**MMT3144** **Elektronik Dan Instrumentasi Marin**  
**Kredit** **4 (2+2)**  
**Prasyarat** **Tiada**  
Objektif subjek ini ialah untuk mendedahkan pengetahuan berkaitan elektronik dan instrumentasi di dalam aplikasi marin kepada para pelajar. Kandungan subjek ini adalah: asas elektrik dan elektronik; simbol-simbol litar elektrik dan elektronik; instrumentasi elektronik di atas kapal; prinsip operasi alat RADAR, penduga-gema, RDF, GPS, kompas-gyro; spesifikasi dan pemilihan alat elektronik; spesifikasi elektrik pada bot; amali. Rasional subjek ini ialah para pelajar mesti mempunyai pengetahuan di dalam elektrik dan elektronik untuk operasi instrumentasi dan sistem marin, untuk menjadi pelaut yang pakar.

**MMT4293** **Struktur Kapal**

**Kredit** **3 (2+1)**

**Prasyarat** **Tiada**

Kursus ini memerlukan pengetahuan asas kejuruteraan mekanik dan juga lanjutan daripada kekuatan bahan. Ia merangkumi pengenalan struktur kapal, beban terhadap kapal, momen lentur badan kapal, tegasan lentur dan pesongan badan kapal, tegasan rincih badan kapal, analisis tegasan tupang dan tiang. Kursus ini menekankan kepada keupayaan pelajar untuk mengenal pasti dan menyelesaikan masalah reka bentuk struktur dengan menjalankan pengiraan dan analisis yang diperlukan.

**MMT4253** **Kakisan Marin**

**Kredit** **3 (2+1)**

**Prasyarat** **Tiada**

Pengenalan kepada teori dan amalan di dalam kakisan marin. Proses semulajadi tentang kejadian kakisan dan faktor-faktor alam sekitar yang mempengaruhi kakisan marin. Pengenalan kepada cara-cara asas mencegah dari berlakunya kakisan marin dan akhirnya menedahkan kepada pelajar amalan terkini yang dipraktikkan dalam pengawalan dan pencegahan kakisan marin.

**MNA4982** **Projek Ilmiah Tahun Akhir I**

**Kredit** **2 (0+2)**

**Prasyarat** **Tiada**

Projek Ilmiah Tahun Akhir I di reka bentuk untuk melatih pelajar menjalankan kajian saintifik, menulis laporan dan membuat pembentangan saintifik. Pelajar tahun akhir dikehendaki melaksanakan satu projek penyelidikan di bawah bimbingan seorang atau lebih penyelia/pensyarah di dalam bidang pengajian Teknologi Maritim dan berkaitan. Pelajar dikehendaki mengemukakan satu tajuk, menyediakan cadangan penyelidikan dan menyiapkan pre-thesis penyelidikan untuk dinilai masing-masing pada setiap semester apabila subjek ini didaftarkan. Pelajar juga dikehendaki membentangkan cadangan kajian dalam seminar projek ilmiah tahun akhir I.

**MNA4994** **Projek Ilmiah Tahun Akhir II**

**Kredit** **4 (0+4)**

**Prasyarat** **Tiada**

Projek Ilmiah Tahun Akhir II (PITA II) ialah sambungan PITA I dan pelajar dikehendaki melaksanakan kajian sebagaimana dalam cadangan penyelidikan, menganalisis data dan menyiapkan thesis penyelidikan untuk dinilai oleh penyelia masing-masing pada setiap semester apabila subjek ini didaftarkan. Pelajar juga dikehendaki membentangkan hasil kajian dalam seminar dan menyerahkan tesis akhir kepada penyelaras PITA.

**MNA3203** **Statik**

**Kredit** **3 (3+0)**

**Prasyarat** **Tiada**

Kursus ini membincangkan pengenalan dan konsep-konsep asas daya, daya paduan dan leraian

daya, keseimbangan zarah, momen dan gandingan, keseimbangan jasad tegar, pusat graviti dan sentroid serta geseran.

**MNA3013                   Lukisan Kejuruteraan**

**Kredit                   3 (0+3)**

**Prasyarat               Tiada**

Kursus ini merangkumi geometri, ortografik dan isometrik, unjuran satah, titik dan garis-garis, pembentukan permukaan, lukisan mesin, arahan berbantu komputer dan reka bentuk berbantu komputer.

**MNA3043                   Senibina Kapal I**

**Kredit                   3 (0+3)**

**Prasyarat               Tiada**

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada syarat-syarat asas pengetahuan seni bina tentera laut. Ini membolehkan pelajar untuk membiasakan diri dengan istilah seni bina tentera laut dan pembinaan kapal, dan menjalankan laporan ringkas reka bentuk kapal dan membina semasa melawat di limbungan itu. Beberapa jenis kapal sama ada peniaga atau tujuan ketenteraan, teknologi reka bentuk kapal/ kejuruteraan marin dan fabrikasi kapal di Malaysia diterangkan. Di samping itu, pelajar akan dapat untuk menggambarkan peranan penting klasifikasi kapal dan peraturan maritim mengenai keselamatan di peluang laut dan pembawa kepada industri maritim dan sektor kerajaan terutamanya di Malaysia.

**MNA3053                   Kejuruteraan Sistem Marin I**

**Kredit                   3 (2+1)**

**Prasyarat               Tiada**

Subjek ini memperkenalkan elemen yang berkaitan dengan mesin perkapalan termasuk loji stim, turbin gas, loji salingan, pemampat. Loji janakuasa 'auxiliary' dan klasifikasi loji janakuasa. Prinsip operasi loji janakuasa. Penjanaan dan penghantaran kuasa elektrik melalui sistem mekanikal, elektrik dan hidraulik termasuk komponen asas. Penyelesaian masalah dan penyelenggaraan.

**MNA3064                   Senibina Kapal II**

**Kredit                   4 (2+2)**

**Prasyarat               Tiada**

Kursus ini merangkumi aspek asas penyelenggaraan dan evolusi perisian, termasuk konsep dan teknik, perubahan perisian dan analisis impak, ujian untuk penyelenggaraan perisian, model proses untuk evolusi sistem, penggunaan semula perisian dan isu-isu semasa dalam penyelenggaraan perisian.	
<b>CSE3453</b>	<b>Etika dan Amalan Profesional</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini menganalisa isu etika dan masyarakat yang berkaitan dengan penggunaan dan pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK). Pengenalan kepada latar belakang yang berkaitan dengan teori, etika, sosial, dan perundangan diberi penekanan. Fokus turut diberikan kepada masalah khusus seperti privasi, kebolehpercayaan, sekuriti, tanggungjawab dalam penggunaan TMK serta pandangan pro dan kontra mengenai kebaikan dan keburukan TMK. Pelajar TMK perlu diberi pendedahan ini supaya mereka menjadi pengamal dan pengusaha TMK yang berhemah dan memusatkan pembangunan	

teknologi kepada kesejahteraan manusia supaya akhirnya teknologi mendarangkan manfaat kepada peningkatan tamadun manusia. Beberapa pelanggaran etika penggunaan TMK turut dijelaskan. Akta dan undang-undang siber khususnya yang berkaitan dengan Malaysia didedahkan supaya pelajar menyedari bahawa penggunaan TMK tanpa etika boleh menimbulkan masalah ditafsir sebagai menyalahi undang-undang. Kod etika profesional dan tanggungjawab dalam menggunakan Internet turut dijelaskan disertai dengan beberapa langkah penyelesaian masalah.

<b>CSF3003</b>	<b>Struktur Diskrit</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini membincangkan konsep matematik diskrit dan digunakan dalam persekitaran sains komputer. Ia merangkumi topik asas seperti prinsip pengiraan, asas logik, set, induksi matematik, hubungan dan fungsi, hubungan berulang, dan grafik. Kursus ini penting kerana menekankan penyediaan dan pengukuhan asas pengkomputeran dan pengaturcaraan pelajar.

<b>CSF3013</b>	<b>Struktur Data dan Algoritma</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (2+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada kaedah pengaturcaraan dalam penyelesaian masalah. Bahan kursus ini mencakupi pengenalan kepada struktur data seperti senarai terpaut, timbunan, giliran, pokok, graf, teknik isihan dan juga kaedah gelintaran. Teknik pengaturcaraan bermodul adalah dititik beratkan. Selain daripada itu, pengiraan kekompleksan masa algoritma sebagai teknik pengukuran algoritma yang efisyen turut akan diperkenalkan.

<b>CSF3023</b>	<b>Pemikiran Sistem dan Logik</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini membincangkan konsep-konsep dalam reka bentuk logik atur cara dan bagaimana menggunakan dalam sains komputer secara praktis. Ia merangkumi tajuk-tajuk struktur atur cara, pilihan, ulangan, pengendalian fail, modularasi dan pengaturcaraan berasaskan objek. Kursus ini penting kerana menekankan penyediaan dan pengukuhan asas pengkomputeran dan pengaturcaraan pelajar, di samping meningkatkan pemahaman kaedah pembinaan dan analisis logik atur cara dalam bidang Sains Komputer.

<b>CSF3034</b>	<b>Pengaturcaraan</b>
<b>Kredit</b>	<b>4 (3+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini merangkumi asas pengaturcaraan dan bahasa pengaturcaraan, teknik penyelesaian masalah, pengcartaaliran dan penghalusan langkah dalam Alkhawarizmi; teknik penulisan pengaturcaraan dan arahan untuk menyelesaikan masalah formal. Latihan amali dalam makmal akan dilakukan bagi mengukuhkan pengetahuan pelajar. Penawaran kursus ini penting untuk mendedahkan pelajar kepada konsep asas pengaturcaraan.

<b>CSF3043</b>	<b>Pengaturcaraan Berorientasikan Objek</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (2+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada konsep pengaturcaraan berorientasikan objek. Pelajar akan didedahkan dengan konsep berorientasikan objek dan perbezaan di antara teknik pengaturcaraan prosedur, termasuklah konsep kelas dan objek, perwarisan, polimorfisme, antara muka, kawalan pengecualian dan komponen GUI. Kursus ini penting bagi membolehkan pelajar mengaplikasikan pengaturcaraan berorientasikan objek untuk menyelesaikan masalah pengkomputeran.

<b>CSF3113</b>	<b>Analisis dan Reka Bentuk Sistem</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (2+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini memperkenalkan konsep-konsep berorientasikan objek dalam pembangunan sistem. Pengurusan projek dan perancangan, analisa sistem, reka bentuk sistem, perlaksanaan dan pengoperasian sistem akan dibincangkan secara terperinci. Pelajar juga akan diajar analisis dan reka bentuk berorientasikan objek dengan menggunakan notasi UML dan perisian yang berkaitan. Kursus ini penting kerana memperkenalkan konsep berorientasikan objek dalam pemodelan dan pembangunan sistem menerusi penggunaan notasi Unified Modified Language (UML).	
<b>CSF3123</b>	<b>Pangkalan Data</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (2+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini merangkumi konsep pangkalan data (tujuan SPPD, hubungan, organisasi, skema dan sub skema); model data, penormalan (sehingga ke BCNF), skema kanonik dan kemerdekaan data; bahasa pemerihalan data; bentuk dan kemudahan pertanyaan; fungsi pertanyaan; reka bentuk dan strategi penterjemahan; dan integriti dan kebolehpercayaan data. Kursus ini penting kerana memberi penekanan terhadap konsep asas pangkalan data bersepada.	
<b>CSF3133</b>	<b>Reka Bentuk Antara Muka Berasaskan Web</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (2+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini menawarkan pengetahuan dengan mengintegrasikan konsep asas dalam Interaksi antara Manusia dan Komputer dengan Reka Bentuk Web. Kursus ini juga akan mendedahkan pelajar kepada dua (2) teknologi utama pembangunan laman web iaitu Hypertext Markup Language (HTML) dan Cascading Style Sheets (CSS) secara praktikal. Pada akhir kursus ini, pelajar akan membangunkan laman web dengan mengaplikasikan prinsip dan kaedah reka bentuk laman web yang berpusatkan pengguna. Penawaran kursus ini penting bagi mendedahkan pelajar kepada konsep asas reka bentuk antara muka web dan pengaturcaraan web.	
<b>CSF3213</b>	<b>Sistem Pengoperasian</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini memperkenalkan konsep sistem pengoperasian serta membincangkan mekanisme yang perlu untuk perlindungan dan keselamatan sistem komputer. Topik-topik utama dalam sistem pengoperasian merangkumi proses, bebenang, konsep-konsep multiprogram dan multiproses (penjadualan, sinkronisasi, kebuntuan dan lain-lain.), pengurusan ingatan, pengurusan storan dan pengurusan fail. Pelajar akan didedahkan dengan teknologi terkini dalam sistem pengoperasian melalui kajian kes. Penawaran kursus ini sebagai teras bagi program Sains Komputer bagi mendedahkan pelajar kepada sistem pengoperasian terkini yang digunakan dan komponen- komponen utama sistem pengoperasian.	
<b>CSF3223</b>	<b>Rangkaian</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (2+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini mendedahkan pelajar kepada senibina, struktur, fungsi dan komponen Internet dan rangkaian komputer. Di akhir kursus, pelajar akan dapat membina rangkaian LAN yang mudah, melakukan konfigurasi asas router dan switch, juga mengimplementasi skema pengalaman IP. Kursus ini penting sebagai teras program Sains Komputer bagi memperkenalkan pelajar kepada protokol, rangkaian data dan konfigurasi rangkaian.	

<b>CSF3233</b>	<b>Keselamatan Siber</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (2+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada latar belakang keselamatan siber khususnya Internet. Penggunaan teknik kriptografi akan dibincangkan. Seterusnya pelajar akan diperkenalkan kepada beberapa bentuk ancaman terhadap internet. Kemudian, pelajar akan didedahkan kepada beberapa aplikasi pertahanan seperti firewall dan peralatan analisis rangkaian. Kursus ini penting sebagai teras program Sains Komputer bagi memperkenalkan pelajar kepada ancaman keselamatan siber dan teknik yang dapat digunakan bagi meningkatkan keselamatan siber.	
<b>CSF3243</b>	<b>Senibina dan Organisasi Komputer</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini akan memperkenalkan struktur dan organisasi komputer digital yang melibatkan komponen-komponen utamanya iaitu Unit Pemprosesan Pusat (CPU), Ingatan Utama (MM) dan Unit Input/Output (I/O). Fungsi dan hubungan antara komponen-komponen ini dalam perlaksanaan arahan juga akan dibincangkan. Selain itu, pelajar juga akan didedahkan kepada asas logik digital di samping struktur dan organisasi komputer multi-pemproses. Penawaran kursus ini sebagai teras program Sains Komputer bagi mendedahkan pelajar kepada senibina dan organisasi sistem komputer.	
<b>CSF3253</b>	<b>Sistem Pintar</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini memperkenalkan konsep-konsep asas sistem pintar dan aplikasinya. Ia merangkumi topik-topik asas dalam kecerdasan komputer seperti sistem berdasarkan aturan, logik kabur, pembelajaran mesin, rangkaian neural buatan, komputeran evolusi, sistem hibrid, perlombongan data dan agen pintar. Penawaran kursus ini sebagai teras program Sains Komputer bagi memperkenalkan pelajar kepada konsep sistem pintar, teknik asas sistem pintar dalam menyelesaikan masalah yang diberikan, dan bagaimana menerapkan konsep sistem pintar di dalam reka bentuk perisian.	
<b>CSF3503</b>	<b>Tajuk Khas Dalam Informatik Maritim</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini memperkenalkan pelajar pada teknologi dan isu pengkomputeran dalam informatik maritim. Di akhir kursus, pelajar dapat menganalisis dan mengaplikasikan kaedah, teknik dan teknologi terkini dalam informatik maritim. Kursus ini penting sebagai elektif program Sains Komputer bagi memperkenalkan pelajar kepada teknologi terkini dalam informatik maritim.	
<b>CSF3513</b>	<b>Tajuk Khas dalam Kejuruteraan Perisian</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kandungan kursus ini bergantung kepada perkembangan terkini dalam sains komputer. Isu terkini akan dibincangkan oleh pensyarah. Sebahagian daripada kursus ini adalah dalam bentuk seminar. Pelajar akan menyediakan dan membentangkan kertas kerja tentang sesuatu topik yang dipilih. Kursus ini penting sebagai elektif program Sains Komputer bagi memperkenalkan pelajar kepada teknologi terkini dalam kejuruteraan perisian.	
<b>CSF3523</b>	<b>Sistem Maklumat</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini meneroka pelbagai jenis sistem maklumat dan peranannya dalam perniagaan masa kini. Ia juga mengkaji proses, organisasi dan infrastruktur sistem maklumat. Beberapa aspek sistem maklumat akan dibincangkan termasuk masalah etika dan sosial, teknologi dan trend yang muncul, kecerdasan	

perniagaan dan keselamatan.

<b>CSF3533</b>	<b>Teknologi Multimedia</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada teknologi masa kini dalam multimedia. Ia melibatkan pembelajaran mengenai perkakasan dan perisian multimedia, piawaian dalam industri multimedia, kepentingan multimedia dalam pelbagai bidang, aplikasi multimedia, unsur-unsur multimedia seperti teks, grafik, gambar, bunyi, video dan animasi dan pembangunan projek multimedia, perlaksanaan projek multimedia dan penurusan projek multimedia.

<b>CSF3543</b>	<b>Pemprosesan Imej Digital</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini memperkenalkan kepada pelajar tentang konsep-konsep asas dan metodologi- metodologi pemprosesan imej digital. Antara topik-topik yang dibincangkan adalah kaedah-kaedah asas dalam pemprosesan imej digital, penambahbaikan imej dalam domain ruang, pemprosesan imej bermorfologi, pengsegmenan imej serta perwakilan dan perihalan. Kursus ini penting bagi mendedahkan pelajar kepada penggunaan teknik pemprosesan imej seterusnya dapat mengaplikasikan dalam kajian kes yang diberikan.

**CSF3553** Capaian Maklumat  
**Kredit** 3 (3+0)  
**Prasyarat** Tiada

Kursus ini menyediakan pengenalan kepada isu penting dalam capaian maklumat. Kursus ini menekankan teknologi yang digunakan dalam teori capaian maklumat dan konsep yang menyokong aplikasi berkaitan. Ia merangkumi algoritma, reka bentuk dan implementasi sistem capaian maklumat moden. Topik merangkumi: reka bentuk sistem capaian dan implementasi, teknik pemprosesan teks, model capaian (e.g Boolean, ruang vektor, probabilistik, dan kaedah berdasarkan pembelajaran) bahasa giliran, model penilaian, carian sosial dan teknik pengklasifikasi dan pengelompokan. Kursus ini penting bagi mendedahkan pelajar kepada asas capaian maklumat dan mengaplikasikan dalam kajian kes yang diberikan.

<b>CSF3563</b>	<b>Perlombongan Data</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini adalah kursus pengenalan mengenai perlombongan data. Ia memperkenalkan konsep asas perlombongan data seperti pra-pemprosesan data, pergudangan data dan juga pemprosesan analitik dalam talian (OLAP). Pelajar akan didedahkan dengan kaedah perlombongan data dan pelaksanaannya yang menumpukan kepada dua fungsi perlombongan data utama iaitu: penemuan corak dan analisis kluster.

<b>CSF3573</b>	<b>Pengauditan Komputer</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini merangkumi teknologi dan pengauditan, pengetahuan fungsi audit, konsep asas audit dan risiko dalam Teknologi Maklumat (TM), piawaian dan garis panduan bagi audit TM, pengetahuan konsep kawalan dalaman, perancangan proses audit, pengurusan audit, proses pembuktian audit dan tindakan susulan bagi laporan audit.

<b>CSF3583</b>	<b>Kaedah Formal</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini memperkenalkan kaedah formal untuk merancang keperluan sistem perisian, menyediakan bahasa kaedah Z formal, operasi semantik untuk bahasa pengaturcaraan. Kursus ini penting dalam mendedahkan pelajar kepada asas spesifikasi kaedah formal untuk keperluan perisian dan mengaplikasikan di dalam kajian kes yang diberikan.	
<b>CSF3593</b>	<b>Forensik Komputer</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada asas dan kepentingan forensik digital dan penyiasatan. Pelajar diajar alatan dan teknik untuk memulihkan dan menganalisis data digital dari tempat kejadian untuk dijadikan bukti di mahkamah. Jenis dan struktur virus dan perisian hasad serta teknik pengesanannya juga akan dibincangkan. Pelajar juga akan didedahkan dengan teknik menyiapkan dan melaporkan hasil penyiasatan untuk kes mahkamah.	
<b>CSF3603</b>	<b>Perdagangan Digital</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini memfokus kepada prinsip e-Dagang, memberikan gambaran keseluruhan mengenai perkembangan platform komersial dan teknologi, pembangunan web komersial, rantai nilai maya dan inovasi sosial dan strategi pemasaran. Di samping itu, kursus ini juga merangkumi hak harta intelek, pengesahan, penyulitan, dasar penggunaan yang boleh diterima dan tanggungjawab undang-undang. Pelajar akan membina kehadiran mereka sendiri dan memasarkannya menggunakan platform dalam talian.	
<b>CSF3613</b>	<b>Pembelajaran Mesin</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini adalah kursus pengenalan kepada pelajar sarjana muda yang berkaitan pembelajaran mesin. Kursus ini akan merangkumi secara ringkas topik dalam pembelajaran berpenyelia, pembelajaran tanpa penyelia, dan pembelajaran pengukuhan. Selain itu, kursus ini juga akan membiasakan pelajar dengan model dan algoritma yang luas untuk pembelajaran mesin, dan mempersiapkan pelajar untuk penyelidikan atau mengaplikasikan teknik pembelajaran mesin dalam industri.	
<b>CSF3623</b>	<b>Paradigma Pengaturcaraan</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini memberi tumpuan kepada konsep asas bahasa pengaturcaraan moden. Perbezaan antara paradigma: imperatif, berorientasikan objek, logik, berfungsi dan skrip. Untuk setiap paradigma, bahasa pengaturcaraan yang berkaitan akan dibincangkan.	
<b>CSF49712</b>	<b>Latihan Industri</b>
<b>Kredit</b>	<b>12 (0+12)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini mendedahkan pelajar kepada persekitaran kerja yang sebenarnya. Pelajar akan menjalankan tugas semasa yang sesuai dengan program Sains Komputer di bawah pengawasan kedua-dua penyelia industri dan universiti. Kursus ini menggabungkan elemen peeragogi (pengajaran dan pembelajaran kolaboratif) antara pelajar dan penyelia dalam industri dan elemen pembelajaran dan pengajaran yang tidak konvensional (pembelajaran situasi dan pertanyaan) dalam menyelesaikan tugas yang diamanahkan. Ia akan menilai aspek kognitif, komunikasi, interpersonal, etika dan profesionalisme, dan kepemimpinan, autonomi dan kemahiran tanggungjawab melalui laporan akhir, pembentangan dan	

maklum balas dari kedua-dua penyelia industri dan UMT.

<b>CSF4984</b>	<b>Projek Ilmiah Tahun Akhir I</b>
<b>Kredit</b>	<b>4 (0+4)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Dalam kursus ini, pelajar akan menjalankan satu projek pembangunan perisian/penyelidikan atau yang setara di bawah penyeliaan seorang pensyarah. Pelajar akan menjalankan kajian awal berkenaan tajuk projek yang dipilih, menganalisis keperluan dan mereka bentuk sistem dalam menyelesaikan masalah pengkomputeran. Beberapa dokumentasi pembangunan perisian perlu disediakan oleh pelajar bagi melengkapkan kursus ini. Penawaran kursus ini penting bagi membolehkan pelajar mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang telah dipelajari dengan bimbingan penyeliaan yang minimum.

<b>CSF4994</b>	<b>Projek Ilmiah Tahun Akhir II</b>
<b>Kredit</b>	<b>4 (0+4)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>CSF4984 (WL)</b>

Kursus ini adalah lanjutan kepada CSF3984. Pelajar akan menjalankan satu projek pengaturcaraan atau yang setara di bawah penyeliaan seorang pensyarah. Pelajar akan memfokuskan kepada fasa implementasi pembangunan projek. Di akhir kursus ini, pelajar akan menyediakan disertasi lengkap dan membuat pembentangan untuk dinilai. Penawaran kursus ini penting bagi membolehkan pelajar mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran dalam kejuruteraan perisian yang telah dipelajari untuk menyelesaikan masalah pengkomputeran dengan bimbingan penyeliaan yang minimum.

\*Nota WL – Wajib Lulus

<b>CSM3103</b>	<b>Pengaturcaraan Front-End</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (2+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini memberikan pendedahan kepada pembangunan aplikasi untuk persekitaran mudah alih khususnya pembangunan front-end. Ia merangkumi reka bentuk interaksi dan antara muka pengguna yang dinamik dan responsif, penyambungan kepada pelayan dan pangkalan data serta pengendalian peristiwa menerusi penggunaan JScript, jQuery, JSON, AJAX, PHP, perkhidmatan web RESTful dan kerangka UI, Bootstrap. Latihan amali dan projek berkumpulan akan diberikan untuk mengukuhkan kemahiran pelajar.

<b>CSM3114</b>	<b>Pembangunan Aplikasi Mudah Alih Berasaskan Kerangka</b>
<b>Kredit</b>	<b>4 (3+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada kerangka JavaScript dan penggunaannya dalam menghasilkan aplikasi mudah alih (frontend web application). Pelajar akan membangunkan aplikasi mudah alih berdasarkan kerangka JavaScript seperti Backbone.js dan Angular.js secara praktikal. Selain itu, pengalaman pembangunan aplikasi hibrid menerusi penggunaan PhoneGapCordova turut didedahkan kepada pelajar. Sebelum berakhirnya kursus ini, pelajar akan membangunkan satu aplikasi mudah alih secara berkumpulan dengan mengaplikasikan kaedah pembangunan berdasarkan kerangka yang dipelajari. Kursus ini penting bagi pembangunan aplikasi mudah alih (frontend) berdasarkan kerangka Javascript.

<b>CSM3123</b>	<b>Pengaturcaraan Mudah Alih Natif</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (2+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini adalah pengenalan kepada pembangunan aplikasi natif untuk persekitaran mudah alih. Ia merangkumi pola interaksi pengguna, reka bentuk antara muka, penyambungan, aktiviti dan pengendalian acara, dan senibina aplikasi dalam konteks pengkomputeran mudah alih. Latihan amali akan diberikan untuk mengukuhkan pengetahuan pelajar. Kursus ini penting bagi mendedahkan pelajar

kepada aplikasi mudah alih dalam persekitaran pembangunan natif.

**CSM3313 Komputeran IoT**

**Kredit 3 (2+1)**

**Prasyarat Tiada**

Kursus ini memperkenalkan konsep dan komponen utama IoT. Pelajar didedahkan kepada konsep IoT melalui teknologi dan protokol rangkaian serta persekitaran tanpa wayar. Pelajar juga akan didedahkan kepada analitik data dalam persekitaran IoT. Bagi meningkatkan pengalaman pembelajaran, Pelajar juga akan didedahkan kepada pembangunkan aplikasi IoT tertentu di dalam makmal. Kursus ini penting bagi memperkenalkan pelajar kepada asas Internet of Thing (IoT) serta serta hubungkaitnya dengan kehidupan seharian.

**CSM4908-I Pengurusan Projek Industri**

**Kredit 8 (0+8)**

**Prasyarat Tiada**

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada konsep dan teknik yang diguna pakai bagi mengurus projek pembangunan aplikasi mudah alih dalam persekitaran industri. Menerusi projek yang dilaksanakan, pelajar akan menghasilkan jadual dan perancangan projek, anggaran kos, serta menyediakan dokumen berkaitan. Aspek yang akan dinilai adalah kebolehan pelajar dalam mengurus projek pembangunan. Kursus ini akan diselia oleh penyelia industri dan dipantau oleh pihak UMT.

**CSM4918-1 Pembangunan Projek Industri**

**Kredit 8 (0+8)**

**Prasyarat Tiada**

Pelajar akan membangunkan projek aplikasi mini yang boleh dilaksanakan secara individu di bawah penyeliaan penyelia industri dan dipantau oleh pihak UMT. Di akhir kursus, aplikasi yang dihasilkan akan dinilai oleh panel yang dilantik.

**CSM4928-I Pengurusan Projek Industri Bersepadu**

**Kredit 8 (0+8)**

**Prasyarat Tiada**

Kursus ini membolehkan pelajar mengaplikasi konsep dan teknik yang diguna pakai bagi mengurus projek aplikasi mudah alih dalam persekitaran industri. Selain daripada menyediakan jadual perancangan dan pemantauan projek, penekanan turut diberikan kepada aspek pengurusan kualiti serta dokumentasi projek. Kursus ini akan diselia oleh penyelia industri dan dipantau oleh pihak UMT.

**CSM4938-I Pembangunan Projek Industri**

**Kredit 8 (0+8)**

**Prasyarat Tiada**

Pelajar akan membangunkan satu projek aplikasi berskala lebih besar secara berpasukan di bawah penyeliaan penyelia industri dan dipantau oleh pihak UMT. Penekanan turut diberikan kepada keupayaan mengetui projek pembangunan, mengurus sumber, mengintegrasikan modul, pemantauan kemajuan dan kos projek. Di akhir kursus, aplikasi yang dihasilkan akan dinilai oleh panel yang dilantik.

**MMM3763 Prinsip Pengurusan Maritim**

**Kredit 3 (3+0)**

**Prasyarat Tiada**

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada elemen asas pengurusan dalam sektor maritim. Antara topik yang disentuh termasuk teori, prinsip, teknik analitik, proses dan fungsi pengurusan . Penekanan juga akan diberikan kepada asas pengurusan dengan contoh dalam konteks maritim.

<b>MMM3843</b>	<b>Pengurusan Pelabuhan dan Perkapalan Global</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	
	Kursus ini direka bentuk untuk memberi pemahaman dan pendedahan kepada konsep pengurusan dan pentadbiran pelabuhan dan perkapalan, termasuk jenis pelabuhan, jenis kapal, operasi pelabuhan, operasi perkapalan, dan perkhidmatan sokongan pelabuhan dan perkapalan.
<b>MMT3073</b>	<b>Teknologi Perkapalan dan Pelabuhan</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
	Faktor sekitaran yang mempengaruhi pilihan teknologi. Pengkhususan bentuk kargo, pengangkut kargo, jenis kendalian, kaedah pengangkutan dan pengangkutan intermodal. Pilihan teknologi kapal dan pelabuhan. Isu semasa perkembangan teknologi.
<b>MTK3053</b>	<b>Pengenalan kepada Statistik</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
	Kursus ini dipilih untuk mendedahkan pelajar kepada konsep penting dalam statistik yang boleh digunakan untuk menganalisis data. Konsep-konsep asas berkenaan kaedah pemerihalan data, teori kebarangkalian, pembolehubah rawak, taburan kebarangkalian, anggaran parameter, pengujian hipotesis, korelasi dan regresi linear akan diperkenalkan dalam kursus ini. Penguasaan pengetahuan ini sangat penting untuk mencegah penyalahgunaan statistik dalam analisis data dan membuat keputusan.

## **PROGRAM SARJANA MUDA SAINS GUNAAN (ELEKTRONIK DAN INSTRUMENTASI) DENGAN KEPUJIAN**

### **Pengenalan**

Program Sarjana Muda Sains Gunaan (Elektronik dan Instrumentasi) dengan Kepujian menawarkan program pra siswazah yang memacu bidang elektronik dan instrumentasi. Di dalam program yang ditawarkan, pelajar berpeluang mempertingkatkan pengetahuan dalam bidang kejuruteraan berasaskan elektrik dan elektronik, sekaligus memantapkan kemahiran mereka dalam mengaplikasikan asas pemahaman dalam bidang yang berkaitan terutama dalam elektronik dan instrumentasi, dengan menekankan penyelesaian masalah, penyelidikan dan pembangunan. Dengan latar belakang ini, ia akan memudahkan graduan untuk melangkah ke alam perkerjaan yang pastinya lebih mencabar. Graduan akan lebih mudah untuk membiasakan diri serta dapat berkerja dengan efektif dan cemerlang.

Para pelajar juga dilatih mengaplikasikan penggunaan instrumentasi yang efektif dan teknik-teknik terbaik dalam meyelesaikan masalah saintifik, sekaligus mempelajari kaedah pengumpulan data dan menganalisis keputusan. Pelajar juga dikehendaki menyempurnakan latihan industri melalui penempatan di agensi-agensi swasta dan kerajaan yang berkaitan. Pelajar tahun akhir pula dikehendaki menjalankan projek penyelidikan secara individu dalam penyelidikan dan pembangunan dan mengukuhkan lagi pemahaman serta aplikasi konsep fizik, elektronik dan instrumentasi.

### **Objektif Pendidikan Program (PEO)**

Pada akhir pengajian, pelajar yang mengikuti program ini berkeupayaan untuk mencapai objektif berikut:

- PEO1 : Graduan yang berpengetahuan dalam prinsip asas dan berdaya saing secara teknikal dalam bidang elektronik dan instrumentasi selari dengan kehendak industri dan keperluan digital
- PEO2 : Graduan yang boleh berkomunikasi secara berkesan dan menonjolkan kualiti kepimpinan yang baik di dalam organisasi
- PEO3 : Graduan yang berkemampuan menyelesaikan masalah numerasi berkaitan elektronik dan instrumentasi secara inovatif, kreatif dan beretika
- PEO4 : Graduan yang berupaya menunjukkan kemahiran keusahawanan dan mengenalpasti keperluan pembelajaran sepanjang hayat untuk kemajuan kerjaya yang cemerlang) yang terkini.

### **Prospek Kerja**

Graduan daripada Program Sarjana Muda Sains Gunaan (Elektronik dan Instrumentasi ) mempunyai peluang kerjaya di dalam agensi kerajaan dan swasta. Graduan daripada bidang ini boleh bekerja sebagai jurutera di industri (automasi , elektronik , instrumentasi , kualiti , R&D, IoT , dll), pensyarah (universiti , politeknik, matrikulasi, kolej swasta), guru (Fizik, Matematik, Seni Reka, dll), pegawai penyelidik/ pegawai sains (institut penyelidikan), saintis bahan, ahli fizik, pengurus teknikal (elektronik/instrumentasi), pegawai sains, jurutera jualan, ahli perniagaan, pengawal trafik udara dan lain lain lagi.

## Jumlah Kredit Untuk Bergraduat

Jumlah minimum kredit untuk bergraduat ialah 122 jam kredit. Agihan jam kredit mengikut kategori kursus adalah seperti berikut:

Kategori	Kredit	Peratus
Teras Universiti	20	16
Teras Program	72	59
Elektif Universiti	30	25
<b>Jumlah</b>	<b>122</b>	<b>100</b>

### Teras Universiti (20 Jam Kredit)

Kod Kursus	Nama Kursus	Jam Kredit	Prasyarat
BBB3013	Academic Writing Skills	3 (3+0)	*Tiada
BBB3033	English for Occupational Purposes	3 (3+0)	*Tiada
MPU3142	Falsafah dan Isu Semasa	2 (2+0)	Tiada
MPU3132	Penghayatan Etika & Peradaban	2 (2+0)	Tiada
MPU3223	Asas Keusahawanan	3 (3+0)	Tiada
MPU3352	Integriti dan Antirasuah	2 (2+0)	Tiada
COM3112	Seni Komunikasi	2 (2+0)	Tiada
CCM3011	Santuni Komuniti	1 (0+1)	Tiada
CCXXXXX	Ko-Kurikulum	2 (0+2)	Tiada

### Teras Program (72 Jam Kredit)

Kod Kursus	Nama Kursus	Jam Kredit
EDI3183	Pengaturcaraan Asas Untuk Teknologis	3 (2+1)
EDI3013	Matematik Kejuruteraan I	3 (3+0)
EDI3043	Elektronik Berdigit	3 (2+1)
EDI3033	Elektrik dan Magnet	3 (3+0)
EDI3023	Matematik Kejuruteraan II	3 (3+0)
EDI3053	Teori Litar	3 (2+1)
EDI3063	Sensor dan Transduser	3 (3+0)
EDI3083	Teknik Komputasi	3 (2+1)
EDI3093	Sistem Instrumentasi Moden	3 (3+0)
EDI3073	Peranti Elektronik	3 (3+0)
EDI4103	Isyarat dan Sistem	3 (3+0)
EDI3113	Elektronik Analog	3 (2+1)
EDI3123	Sistem Pengukuran	3 (3+0)
EDI4133	Elektronik Kuasa	3 (2+1)
EDI4143	Keelektromagnetan	3 (3+0)
EDI4153	Sistem Terbenam	3 (2+1)
EDI4163	Sistem Kawalan	3 (3+0)
EDI4982	Projek Ilmiah Tahun Akhir I	2 (0+2)
EDI4173	Kaedah Berangka	3 (3+0)
EDI4994	Projek Ilmiah Tahun Akhir II	4 (0+4)
EDI49712	Latihan Industri	12 (0+12)

## **Elektif Universiti (30 Jam Kredit)**

Pelajar bebas mendaftar mana-mana kursus yang ditawarkan mengikut kesesuaian berdasarkan minat dan kematangan pelajar. Di samping itu pelajar dikehendaki mengambil sekurang-kurangnya 18 jam kredit daripada senarai kursus elektif di bawah atau tertakluk kepada kelulusan Ketua Bidang:

<b>Kod Kursus</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Jam Kredit</b>
EDI3403	Rekabentuk Peralatan Elektronik	3 (2+1)
EDI3533	Fizik Terma dan Moden	3 (3+0)
EDI3543	Mekanik dan Gelombang	3 (3+0)
EDI3553	Sains Bahan	3 (3+0)
EDI4413	Seminar dan Penyelidikan	3 (3+0)
EDI4423	Elektronik dan Pengimejan Perubatan	3 (3+0)
EDI4433	Elektronik Analog Lanjutan	3 (3+0)
EDI4443	Peranti Internet	3 (2+1)
EDI4463	Optik dan Teknologi Laser	3 (3+0)
EDI4473	Pengantaramuka Komputer dan Kawalan	3 (2+1)
EDI4483	Prinsip Sistem Komunikasi	3 (3+0)
EDI4493	Mesin Elektrik	3 (3+0)
EDI4503	Komunikasi Tanpa Wayar	3 (3+0)
EDI4513	Pengenalan kepada Sekitaran SIMULINK	3 (2+1)
EDI4523	Elektronik Plasma	3 (3+0)
EDI4563	Fizik Keadaan Pepejal	3 (3+0)
EDI4573	Mekanik Kuantum	3 (3+0)
EDI4583	Fizik Akustik	3 (3+0)
EDI4593	Fizik Atom	3 (3+0)
EDI4603	Peranti Semikonduktor	3 (3+0)
EDI4613	Teknologi Pemprosesan Bahan	3 (3+0)
EDI4623	Fizik dan Teknologi Filem Nipis	3 (3+0)
EDI4633	Pemindahan Kuasa Tanpa Wayar	3 (3+0)
EDI4643	Teknologi Voltan Tinggi	3 (3+0)
EDI4653	Pemantauan Keadaan	3 (3+0)
EDI4663	Pengenalan kepada Analisis Bahan	3 (3+0)
EDI4673	Pengenalan kepada Tenaga Boleh Diperbaharui	3 (3+0)
EDI4683	Pengenalan kepada Penyimpanan Tenaga	3 (3+0)
EDI4693	Instrumentasi Perubatan	3 (3+0)
EDI4703	Pengenalan kepada Kenderaan Hibrid dan Elektrik	3 (3+0)
EDI4713	Pengenalan kepada Lukisan Berbantu Komputer	3 (2+1)
EDI4723	Kelestarian dalam Teknologi Telekomunikasi	3 (3+0)
EDI4733	Teknologi Bateri dan Superkapasitor	3 (3+0)
EDI4743	Teknologi Berasaskan Hidrogen dan Penyimpanan	3 (3+0)

**SKEMA PENGAJIAN**  
**SARJANA MUDA SAINS GUNAAN (ELEKTRONIK DAN INSTRUMENTASI) DENGAN KEPUJIAN**

KOD	NAMA KURSUS	JAM KREDIT	PRA-SYARAT	KOD	NAMA KURSUS	JAM KREDIT	PRA-SYARAT
<b>SEMESTER 1</b>				<b>SEMESTER 2</b>			
EDI3183	Pengaturcaraan Asas Untuk Teknologi	3(2+1)	-	EDI3013	Matematik Kejuruteraan I	3(3+0)	-
EDI3043	Elektronik Berdigit	3(2+1)	-	EDI3063	Sensor dan Transduser	3(3+0)	-
EDI3073	Peranti Elektronik	3(3+0)	-	EDI3083	Teknik Komputasi	3(2+1)	-
MPU3352	Integriti dan Antirasuah	2(2+0)	-	EDI3123	Sistem Pengukuran	3(3+0)	-
COM3112	Seni Komunikasi	2(2+0)	-	MPU3142	Falsafah dan Isu Semasa	2(2+0)	-
CCM3011	Santuni Komuniti	1(0+1)	-	MPU3223	Asas Keusahawanan	3(3+0)	-
CCXXXXX	Ko-Kurikulum	2(0+2)		MPU3132	Penghayatan Etika dan Peradaban	2(0+2)	-
<b>Jumlah Kredit</b>		<b>16</b>		<b>Jumlah Kredit</b>		<b>19</b>	
<b>SEMESTER 3</b>				<b>SEMESTER 4</b>			
EDI3023	Matematik Kejuruteraan II	3(3+0)	-	BBB3013	Academic Writing Skills	3(3+0)	-
EDI3033	Elektrik dan Magnet	3(3+0)	-	EDI3113	Elektronik Analog	3(2+1)	-
EDI3053	Teori Litar	3(2+1)	-	EDI4103	Isyarat dan Sistem	3(3+0)	-
EDI3093	Sistem Instrumentasi Moden	3(3+0)	-	EDI4133	Elektronik Kuasa	3(2+1)	-
	Elektif	3	-		Elektif	3	-
	Elektif	3	-		Elektif	3	-
<b>Jumlah Kredit</b>		<b>18</b>		<b>Jumlah Kredit</b>		<b>18</b>	
<b>SEMESTER 5</b>				<b>SEMESTER 6</b>			
EDI4153	Sistem Terbenam	3(2+1)	-	BBB3033	English for Occupational Purpose	3(3+0)	-
EDI4163	Sistem Kawalan	3(3+0)	-	EDI4173	Kaedah Berangka	3(3+0)	-
EDI4982	Projek Ilmiah Tahun Akhir I	2(0+2)	-	EDI4994	Projek Ilmiah Tahun Akhir II	4(0+4)	EDI4982
EDI4143	Keelektromagnetan	3(3+0)	-		Elektif	3	-
	Elektif	3	-		Elektif	3	-
	Elektif	3	-		Elektif	3	-
	Elektif	3	-				
<b>Jumlah Kredit</b>		<b>20</b>		<b>Jumlah Kredit</b>		<b>19</b>	
<b>SEMESTER 7</b>							
EDI49712	Latihan Industri	12(0+12)	-				
<b>Jumlah Kredit</b>		<b>12</b>					
<b>JUMLAH KREDIT BERGRADUAT 122</b>							

\* Pelajar lepasan STAM dan STPM bukan aliran sains, wajib mengambil kursus pengukuhan EDI2013 Asas Matematik Kejuruteraan dan Elektrik pada Semester 1 yang menjadi prasyarat kepada kursus EDI3013.

**Nota:**

1. Pelajar wajib mengikuti **Program Survival dan Keselamatan Air** sebagai **syarat bergraduat**.
2. Jumlah jam kredit kursus elektif yang perlu diambil oleh pelajar dalam program pengajian adalah tertakluk kepada **jumlah jam kredit** elektif yang ditetapkan oleh program pengajian tersebut untuk memenuhi kelayakan bergraduat dan tidak tertakluk kepada **bilangan** kursus elektif yang diambil.
3. Senarai kursus elektif yang boleh diambil oleh pelajar dalam program pengajian adalah merujuk kepada penawaran kursus yang tertera dalam buku panduan program pengajian fakulti tersebut dan juga fakulti lain.

**SINOPSIS KURSUS**  
**PROGRAM SARJANA MUDA SAINS GUNAAN (ELEKTRONIK DAN INSTRUMENTASI) DENGAN**  
**KEPUJIAN**

**EDI3013** **Matematik Kejuruteraan I**

**Kredit** **3 (3+0)**

**Prasyarat** **Tiada**

Kursus ini membincangkan matriks dan menekankan konsep-konsep penting dalam matematik kejuruteraan termasuk had, pembezaan, pengamiran, persamaan pembezaan dan sistem vektor.

**EDI3023** **Matematik Kejuruteraan II**

**Kredit** **3 (3+0)**

**Prasyarat** **Tiada**

Kursus ini memperkenalkan kepada pelajar beberapa kaedah analisis matematik serta penggunaannya dalam penyelesaian masalah di dalam bidang kejuruteraan dan teknologi. Topik-topik yang akan dipelajari adalah matriks penentu dan nilai eigen, penyelesaian persamaan pembezaan darjah pertama dan kedua, jelmaan Laplace, siri dan jelmaan Fourier, persamaan separa pembezaan dan kaedah numerikal untuk penyelesaian persamaan pembezaan biasa.

**EDI3033** **Elektrik dan Magnet**

**Kredit** **3 (3+0)**

**Prasyarat** **Tiada**

Kursus ini membincangkan konsep asas elektrik dan daya tarikan. Pelajar akan mendedahkan pemahaman konseptual dan penggunaan elektrik seperti cas, medan elektrik, daya elektrostatik, fluks elektrik, potensi elektrik, perbezaan potensi, arus, dielektrik, litar, induktansi, kapasitor dan kapasitansi, pengagihan cas, dan banyak lagi. Pelajar juga belajar mengenai Hukum Coulomb, Hukum Gauss, Hukum Ohm, Hukum Ampere, dan Hukum Kirchhoff. Untuk topik magnetik, pelajar akan belajar mengenai magnet, daya magnet, aruhan elektromagnetik, medan magnet, fluks magnet, dan undang-undang asas seperti hukum Gauss, hukum Biot-Savart, hukum Faraday, dan hukum Lenz. Kursus ini juga memperkenalkan ayunan dan spektrum elektromagnet.

**EDI3043** **Elektronik Berdigit**

**Kredit** **3 (2+1)**

**Prasyarat** **Tiada**

Kursus ini memperkenalkan Sistem Nombor, Operasi dan kod, Get Logik, Aljabar Boolean dan Permudahan logik, Peta Karnaugh dan Kombinasi Analisis Logik.

**EDI3053** **Teori Litar**

**Kredit** **3 (2+1)**

**Prasyarat** **Tiada**

Kursus ini mendalami teori litar dalam elektrik dan elektronik. Ia terdiri daripada kaedah analisis litar, teorem litar, litar peringkat pertama, litar peringkat kedua, gelombang sinus dan pemfasa dan analisa kuasa litar AC. Penggunaan alat pengukur dan penyambungan komponen elektrik dan elektronik secara amali juga diterapkan dalam kursus.

**EDI3063** **Sensor dan Transduser**

**Kredit** **3 (3+0)**

**Prasyarat** **Tiada**

Kursus ini berguna untuk pelajar memahami mekanisme penderiaan yang merupakan proses penukaran pembolehubah fizikal ke bentuk isyarat elektrik. Sensor dan transduser adalah komponen utama dalam setiap instrumen dan digunakan secara meluas dalam litar elektrik dan elektronik.

<b>EDI3073</b>	<b>Peranti Elektronik</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini menekankan aspek teori dan permasalahan fizik dalam peranti elektronik. Bemula dengan pemahaman dari segi susunan dan pergerakan atom dan elektron, kepada tenaga yang terhasil dalam sesuatu peranti. Disusuli dengan pembelajaran berkenaan sifat semikonduktor yang asas merangkumi aliran arus, pergerakan pembawa dan struktur setiap peranti. Peranti elektronik yang dibincang ialah seperti peranti semikonduktor yang utama dari jenis diod (jenis-p, jenis-n) dan jenis transistor (bipolar, FET), IC dan juga elektro-fotonik seperti fotodiod dan LED.	
<b>EDI3083</b>	<b>Teknik Komputasi</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (2+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Dalam kursus ini, asas-asas konsep pengaturcaraan dan kemahiran yang diperlukan untuk penyelesaian masalah asas menggunakan perisian MATLAB dan AutoCAD akan diperkenalkan.	
<b>EDI3093</b>	<b>Sistem Instrumentasi Moden</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini dimulakan dengan asas kepada pembinaan peralatan moden dari aspek rekabentuk sensor dan transduser, aspek kebolehpercayaan, pemilihan dan ekonomi serta kalibrasi di dalam sistem pengukuran. Pelajar akan diperkenalkan dengan ujian-ujian tanpa musnah dan peralatan- peralatan yang berasaskan radiasi elektromagnet di dalam komunikasi dan perubatan. Tajuk- tajuk bagi peralatan berasaskan spektrometer, spektrofotometer, dan mikroskop juga didedahkan.	
<b>EDI3113</b>	<b>Elektronik Analog</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (2+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini memperkenalkan diod dengan aplikasinya serta litar pincangan dc bagi BJT dan penguat BJT.	
<b>EDI3123</b>	<b>Sistem Pengukuran</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini memperkenalkan sistem pengukuran asas dan teknik analisis data. Topik ini merangkumi sistem pengukuran umum, rujukan dan standard, ketidakpastian pengukuran dan analisis statistik, prinsip kalibrasi, tindak balas sistem pengukuran, penghantaran isyarat, pengenalan kepada isyarat dan pensampelan, tindak balas frekuensi, pemerolehan data, dan penyesuaian isyarat, paparan dan rakaman data, sensor pintar, dan kebolehpercayaan pengukuran.	
<b>EDI3183</b>	<b>Pengaturcaraan Asas Untuk Teknologis</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (2+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini merangkumi asas pengaturcaraan dan bahasa pengaturcaraan, teknik penyelesaian masalah, pengcartaliran dan penghalusan langkah dalam algoritma, teknik penulisan pengaturcaraan dan arahan untuk menyelesaikan masalah formal. Latihan amali akan diberikan untuk mengukuhkan pengetahuan pelajar.	
<b>EDI3403</b>	<b>Reka Bentuk Peralatan Elektronik</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (2+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini merangkumi pelbagai aktiviti reka bentuk elektronik termasuk perancangan mereka bentuk, lukisan, eksperimen, prototaip, pengujian, pengesanan masalah, dan penyediaan dokumentasi akhir. Sepanjang kursus ini, pelajar akan ditunjukkan bagaimana menggunakan perisian untuk merancang dan melukis litar elektronik dan menghasilkan projek elektronik yang mudah bergantung kepada reka bentuk dan kreativiti pelajar sendiri.	

<b>EDI3533</b>	<b>Fizik Terma dan Moden</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini memperkenalkan prinsip-prinsip asas termodinamik dan aplikasinya dalam fizik terma. Selain dari konsep-konsep asas suhu dan haba seperti tenaga dalaman dan pemindahan haba, hukum gas unggul dan teori Boltzmann turut dibincangkan. Hukum-hukum termodinamik termasuk perincian tentang enjin haba dan Prinsip Carnot dibincang secara lebih mendalam. Perbincangan dalam fizik moden seperti teori Einstein, sifat-sifat zarah dan atom, kesan fotoelektrik, dan pelakuran dan pembelahan nuklear turut ditekankan

<b>EDI3543</b>	<b>Mekanik dan Gelombang</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini akan membicarakan pergerakan zarah-zarah dan jasad tegar di dalam satu, dua dan tiga dimensi dengan menggunakan mekanik Newton dan Lagrangian. Di antara topik-topik yang akan dibincangkan termasuklah gelombang-gelombang tak-sebar, perambatan gelombang dan gelombang elektromagnet (EM).

<b>EDI3553</b>	<b>Sains Bahan</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Pengelasan jenis-jenis bahan yang terdiri daripada logam, seramik dan kaca, polimer dan komposit. Penekanan diberi kepada gambarajah fasa bagi sistem dedua. Penghabluran dan struktur mikro, gambarajah interfasa. Kajian tentang ketaksempurnaan dan sifat-sifat mekanik bahan. Bahagian terakhir kursus ini membicarakan teknik-teknik eksperimen yang digunakan dalam sains bahan.

<b>EDI4103</b>	<b>Isyarat dan Sistem</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Pengenalan dan konsep asas kepada isyarat masa diskrit dan berterusan. Teori litar isyarat dan sistem. Kaedah modulasi, penjelmaan Fourier, sampel data, penapis berdigit dan teknik, penjelmaan Laplace, penjelmaan-Z.

<b>EDI4133</b>	<b>Elektronik Kuasa</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (2+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini memperkenalkan konsep asas suis mode litar penukar elektronik kuasa (PEK) untuk kawalan dan penukaran kuasa elektrik dengan kecekapan yang tinggi. Prinsip bagi analisis litar penukar diperkenalkan serta dibina untuk mencari voltan dan arus elektrik yang berkeadaan stabil dan menguji kecekapan penukar elektronik kuasa yang direka. Di dalam kursus ini para pelajar akan diberikan tugasan untuk mereka DC-DC penukar elektronik kuasa, menganalisa DC-DC penukar elektronik kuasa secara berlainan arah, serta membina model dan menganalisa kecekapan penukar elektronik secara simulasikan komputer.

<b>EDI4143</b>	<b>Keelektromagnetan</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini adalah lanjutan dari kursus elektrik dan magnet. Pelajar akan didedahkan dengan aplikasi dan penggunaan teori yang dipelajari dengan menggunakan penyelesaian pembezaan dan kamiran bagi penyelesaian hukum Gauss; penggunaan persamaan Poisson dan Laplace dalam 2 dan 3 dimensi, menyelesaikan masalah sempadan serta masalah system koordinat segiempat, silinder dan sfera serta cas bebas dan cas yang terikat. Penyelesaian masalah yang lebih rumit berkaitan medan, daya dan keupayaan dalam elektrik dan magnet dengan menggunakan kaedah vector juga didedahkan. Persamaan Maxwell dalam bentuk pembezaan dipelajari bagi menyelesaikan masalah dalam ruang bebas, dalam

bahan, dielektrik, masalah sempadan, keupayaan magnetic scalar dan vector, arus terikat dan arus bebas, vektor Poynting dan teori transformasi. Kursus ini juga melibatkan gelombang satah elektromagnet dalam ruang bebas, pengutuban, rambatan gelombang dalam bahan konduktor dan bahan bukan konduktor, kebersandaran frekuensi terhadap keresapan, permitiviti dan kekonduksian serta ketebalan kulit.

**EDI4153                    Sistem Terbenam**

**Kredit                    3 (2+1)**

**Prasyarat                Tiada**

Kursus ini berguna bagi pelajar untuk memahami bagaimana mikropemproses dan mikropengawal berfungsi, bermula dari mengambil data dari peranti input, memproses data menggunakan kod yang dimuat naik, menyimpan data yang diproses dalam memori, dan menghantar data yang diproses ke peranti output. Kursus ini juga berguna bagi pelajar untuk membina program mudah untuk sistem berasaskan mikropengawal yang merupakan salah satu komponen penting dalam instrumen.

**EDI4163                    Sistem Kawalan**

**Kredit                    3 (3+0)**

**Prasyarat                Tiada**

Kursus ini memberi pelajar latar belakang prinsip kawalan dalam pelbagai aplikasi kejuruteraan. Sepanjang kursus ini, pelajar akan mempelajari alat asas matematik seperti Transformasi Laplace, fungsi pemindahan, rajah blok, grafik aliran isyarat, pemodelan matematik sistem dinamik, analisis tindak balas masa, kestabilan sistem linear, lokus root dan analisis domain frekuensi. Pendekatan berasaskan MATLAB akan digunakan untuk membantu pelajar memahami konsep yang diperkenalkan.

**EDI4173                    Kaedah Berangka**

**Kredit                    3 (3+0)**

**Prasyarat                Tiada**

Kursus ini ditawarkan untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang teknik berangka yang digunakan dalam penyelesaian masalah berkaitan dengan aplikasi di dalam elektronik dan instrumentasi. Kuliah dimulakan dengan pengenalan simulasi komputer dalam menyelesaikan masalah elektronik dan instrumentasi, dan analisis ralat. Teknik berangka khusus akan diperkenalkan termasuk punca persamaan dan ekstrapolasi dalam persamaan bukan linear, sistem persamaan linear, pengkamiran berangka dan pembezaan berangka, dan persamaan pembezaan biasa.

**EDI4413                    Seminar dan Penyelidikan**

**Kredit                    3 (3+0)**

**Prasyarat                Tiada**

Pembentangan dan perbincangan laporan berdasarkan hasil-hasil dari projek pelajar atau tinjauan kerja fizik yang terkini. Ia meliputi proposal projek, rujukan, analisis data dan taburan statistik, penyelesaian berkomputer, teknik interaktif dan simulasi komputer. Pelajar dikehendaki menyediakan proposal projek dan dibentangkan dalam satu seminar. Pelajar dimestikan hadir dalam semua seminar yang dianjurkan oleh pihak program.

**EDI4423                    Elektronik dan Pengimejan Perubatan**

**Kredit                    3 (3+0)**

**Prasyarat                Tiada**

Kursus ini menggabungkan material dari bidang kejuruteraan, fizik dan fisiologi yang berkait rapat dengan situasi di mana instrument elektronik diaplikasikan secara terus ke badan manusia. Pelajar akan diperkenalkan dengan konsep penting dalam aplikasi elektronik dalam perubatan dan menjelaskan bagaimana sesuatu instrument elektronik perubatan itu berfungsi. Kursus ini juga akan mendedahkan pelajar dengan keupayaan dan langkah keselamatan yang perlu diambil dalam pengendalian instrument elektronik perubatan tersebut. Pelajar juga akan menambah pengetahuan dan pemahaman berkenaan aspek teknikal dan fungsi yang terlibat dalam radiografi umum dan fluoroskopik. Subjek ini juga akan melibatkan aspek keselamatan dari segi klinikal dan radiasi.

<b>EDI4433</b>	<b>Elektronik Analog Lanjutan</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini berguna untuk pelajar memahami fungsi elemen pengubah isyarat seperti penguat, penapis, pengayun dan pengawal voltan yang biasa digunakan dalam sistem elektronik dan instrumentasi.	
<b>EDI4443</b>	<b>Peranti Internet</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (2+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini memperkenalkan konsep asas alat peranti internet (Arduino,ESP32 atau DragonBoard Green) yang menyediakan platform pada harga yang berpatutan untuk generasi baru bagi menceburi bidang didalam dunia perkomputeran dengan cara yang lebih bermakna. Para pelajar akan meneroka platform untuk membangunkan perkakasan dan perisian elektronik, membincangkan konsep rekabentuk untuk membuat peranti elektronik pintar yang menarik perhatian dan mengagumkan.	
<b>EDI4463</b>	<b>Optik dan Teknologi Laser</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini membincangkan fenomena dan ciri-ciri dalam optik, cahaya, fotonik serta laser. Tajuk- tajuk termasuk interfens, pembelauan, pengutuban dan punca-punca koheren dan tak-koheren. Laser-laser seperti laser semikonduktor, laser keadaan pepejal, laser gas, laser eksimer, dan beberapa jenis laser lagi turut dibincangkan. Aplikasi optik yang lain seperti interferometri dan dalam fiber optik juga diberi perhatian.	
<b>EDI4473</b>	<b>Pengantaramuka Komputer dan Kawalan</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (2+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini membincangkan konsep teori di sebalik elemen dan operasi sistem pengantaramuka komputer dan kawalan. Di samping itu, pelbagai jenis sistem kawalan perindustrian diterokai. Pada masa yang sama, kursus ini menawarkan pembangunan dan pelaksanaan sistem pengantaramuka komputer dalam mengumpul dan menganalisis data dengan menggunakan perkakasan dan perisian yang sesuai.	
<b>EDI4483</b>	<b>Prinsip Sistem Komunikasi</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini memberi pendedahan prinsip sistem komunikasi dengan mendalami elemen-elemen sistem komunikasi seperti analisa spektrum, teori modulasi – Modulasi Amplitud (AM) dan Modulasi Frekuensi (FM), kebarangkalian dan proses rawak, perwakilan digital daripada isyarat analog dan pengenalan kepada teori informasi.	
<b>EDI4493</b>	<b>Mesin Elektrik</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini merangkumi teori dan hukum mengenai litar berkaitan magnet dan magnet. Prinsip- prinsip di sebalik penukaran tenaga elektromekanik juga akan diterokai. Prinsip dan ciri-ciri mesin seperti transformer, mesin segerak, mesin aruhan dan mesin DC juga dibincangkan.	
<b>EDI4503</b>	<b>Komunikasi Tanpa Wayar</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini merangkumi masalah asas yang mempengaruhi sistem komunikasi tanpa wayar dan mengkaji perkembangan teknologi komunikasi tanpa wayar terutamanya pada sistem selular, rangkaian kawasan setempan, dan rangkaian kawasan setempat tanpa wayar (WLAN).	

<b>EDI4513</b>	<b>Pengenalan kepada Sekitaran SIMULINK</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (2+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini memperkenalkan model SIMULINK, sistem dinamik model dan simulasi, menguruskan blok, data dan isyarat, menyesuaikan persekitaran SIMULINK dan menjalankan model.	
<b>EDI4523</b>	<b>Elektronik Plasma</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini memberi pendedahan berkenaan konsep dan aplikasi plasma dalam bidang elektronik. Bermula dengan penerangan mengenai plasma, bagaimana ianya dapat dihasilkan dan aplikasinya dalam kehidupan seharian. Penerangan bermula dari asas dengan perlanggaran atom dan molekul dalam gas, sehingga kepada penerangan tentang tenaga yang terhasil dan pengelasan kepada ciri-ciri plasma. Aplikasi plasma juga ditekankan terutama dalam bidang elektronik dan pembuatan semikonduktor.	
<b>EDI4563</b>	<b>Fizik Keadaan Pepejal</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini membincangkan struktur dan daya ikatan hablur. Eksperimen untuk analisis struktur dihuraikan secara ringkas. Getaran kekisi dan kesannya ke atas sifat terma, sifat akustik dan sifat optik akan merupakan asas untuk perbincangan Model Elektron bebas di dalam logam. Perlakuan yang lebih realistik tentang elektron-elektron tersebut akan dibincangkan dalam Model Jalur. Model ini akan digunakan untuk membezakan diantara semikonduktor penebat dan logam. Sifat-sifat dielektrik, optik, magnet dan kecacatan di dalam pepejal juga akan dibincangkan.	
<b>EDI4573</b>	<b>Mekanik Kuantum</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Tujuan kursus ini ialah memberi pendedahan terhadap prinsip asas mekanik kuantum. Kursus ini memberikan latar belakang tentang kemunculan bidang ini dan peranannya dalam menghurai zarah mikroskopik seperti elektron, atom dan molekul, serta persamaan gelombang zarah. Pelajar juga akan didekah dengan Persamaan Schrodinger bagi zarah di dalam keupayaan 1 dimensi dan 3 dimensi bagi keupayaan mudah seperti telaga keupayaan, keupayaan sawar, keupayaan tangga dan pengayun harmonik mudah.	
<b>EDI4583</b>	<b>Fizik Akustik</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini membincangkan prinsip-prinsip asas yang mendasari penjanaan, penghantaran dan penerimaan gelombang akustik dan aplikasi dalam pelbagai bidang. Aplikasi dan contoh telah disediakan daripada pengukuran akustik, kawalan bunyi, akustik bawah air dan akustik seni bina. Aplikasi instrumen ultrasonik dan sensor akustik dalam industri akan dibincangkan.	
<b>EDI4593</b>	<b>Fizik Atom</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini memperihalkan fenomena-fenomena di dalam atom menggunakan fomulasi mekanik kuantum. Ia merangkumi penyelesaian persamaan Schroedinger, fungsi gelombang untuk atom hidrogen, momentum sudut dan kesan magnet, spektrum untuk atom, satu elektron, atom berbilang elektron, statistik atom dan zarah-zarah seiras, molekul dan tenaga ikatan, spektrum keadaan putaran dan getaran, dan keadaan elektronik molekul.	

<b>EDI4603</b>	<b>Peranti Semikonduktor</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Tujuan kursus ini adalah untuk memberi pelajar latar belakang penting mengenai bahan semikonduktor termasuk kristal dan jalur tenaga, pembawa cas (elektron dan lubang), doping, dan pengangkutan, (drift dan diffusion). Konsep asas proses penggabungan semula generasi, persimpangan PN, hubungan semikonduktor logam, dan kapasitor semikonduktor penebat logam juga akan dibincangkan.

<b>EDI4613</b>	<b>Teknologi Pemprosesan Bahan</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini membincangkan secara terperinci mengenai bahan dan proses pembuatan yang diperlukan oleh pereka bentuk industri. Pengetahuan praktikal yang diperlukan untuk membangunkan pemahaman 'real-world' bagi bahan dan pemprosesan serta membuat pilihan wajar untuk projek reka bentuk dalam industri juga didedahkan. Di dalam kursus ini juga, pelajar akan mempelajari terminology asas sehingga maklumat terperinci mengenai hubungan di antara reka bentuk dan aplikasi. Pelajar juga akan mempelajari bagaimana menilai kaedah dan bahan sedia ada untuk mendapatkan hasil yang terbaik.

<b>EDI4623</b>	<b>Fizik dan Teknologi Filem Nipis</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini akan membolehkan pelajar mendapat pengetahuan dalam prinsip asas tentang filem nipis dan aplikasinya di dalam industri. Pelajar juga akan didedahkan dengan pelbagai teknik fabrikasi filem nipis.

<b>EDI4633</b>	<b>Pemindahan Kuasa Tanpa Wayar</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini merangkumi prinsip pemindahan kuasa tanpa wayar. Ianya termasuk medium asas untuk memindahkan kuasa secara tanpa wayar. Empat strategi asas untuk menghantar kuasa tanpa wayar (Induktif, Gelombang Akustik/Ultrasonic, Optik, Gelombang Mikro) akan dibincangkan secara terperinci.

<b>EDI4643</b>	<b>Teknologi Voltan Tinggi</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini memberi pendedahan pelbagai jenis voltan tinggi dalam sistem kuasa dan cara perlindungan. Sifat mekanisma pecahan dalam pepejal, cecair, gas dan dielektrik akan dipelajari. Penjanaan voltan dan arus tinggi, juga teknik pengukuran akan ditekankan. Cara ujian terhadap alat kuasa dan penebat, seperti HVDC dan pemutus menggunakan teknologi terkini juga dimasukkan.

<b>EDI4653</b>	<b>Pemantauan Keadaan</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini bertujuan untuk memberikan pemahaman tentang pemantauan keadaan mekanikal dan elektrik serta keperluan instrumentasi yang berkaitan untuk pemantauan keadaan berkesan. Fokus utama dalam pemantauan keadaan mekanikal ialah pemantauan getaran kerana ini adalah kaedah yang lazim digunakan untuk menentukan keadaan dan mendiagnosis kerosakan dalam mesin elektrik berputar, selain itu teknik lain yang digunakan dalam pemantauan keadaan juga dibincangkan.

<b>EDI4663</b>	<b>Pengenalan kepada Analisis Bahan</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Matlamat kursus ini adalah untuk memperkenalkan pelbagai teknik untuk analisis bahan, terutamanya analisis permukaan dan haba, yang digunakan untuk kedua-dua penyelidikan dan pembangunan akademik dan industri.

<b>EDI4673</b>	<b>Pengenalan kepada Tenaga Boleh Diperbaharui</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini membincangkan beberapa sumber tenaga boleh diperbaharui utama yang boleh menjadi penting kepada manusia dalam masa terdekat. Ia bertujuan untuk memperkenalkan pelajar kepada tenaga boleh diperbaharui ini dan proses penukarannya dengan teori asas. Ini termasuk solar, angin, biojisim, kuasa hidro, geotermal, tenaga pasang surut dan ombak dan tenaga haba lautan.	
<b>EDI4683</b>	<b>Pengenalan kepada Penyimpanan Tenaga</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini membincangkan beberapa teknologi penyimpanan tenaga utama yang boleh menjadi penting kepada manusia dalam masa terdekat. Ia bertujuan untuk memperkenalkan pelajar kepada penyimpanan tenaga ini dan proses penukarannya dengan teori asas. Ini termasuk storan tenaga haba, storan tenaga roda tenaga, storan hidro pam, storan tenaga udara termampat, storan tenaga kapasitor dan storan tenaga magnet superkonduktor.	
<b>EDI4693</b>	<b>Instrumentasi Perubatan</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini bermula dengan asas yang berlandaskan pengetahuan dan pemahaman terutamanya pada pengenalan instrumentasi, prinsip fizik, komponen asas dan juga prosedur operasi. Topik-topik instrumentasian berdasarkan kepada aplikasi perubatan di jabatan radiologi dan perubatan nuklear.	
<b>EDI4703</b>	<b>Pengenalan kepada Kenderaan Hibrid dan Elektrik</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini memperkenalkan konsep kenderaan hibrid, plug in hibrid, fuel cell dan elektrik. Kursus ini juga menilai tentang seni bina teknologi kenderaan hibrid, plug in hibrid, fuel cell dan elektrik, komponen, dan membincangkan isu semasa teknologi kenderaan di Malaysia.	
<b>EDI4713</b>	<b>Pengenalan kepada Lukisan Berbantu Komputer</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (2+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini memperkenalkan konsep lukisan berbantuan komputer, membina lukisan berbantuan komputer dan mengaplikasi lukisan berbantuan menggunakan perisian AutoCAD.	
<b>EDI4723</b>	<b>Kelestarian dalam Teknologi Telekomunikasi</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini merangkumi konsep kelestarian di dalam bidang teknologi telekomunikasi. Pembelajaran termasuk pengenalan kepada kelestarian, teknologi elektronik untuk cekap tenaga dan pertumbuhan lestari, penggunaan tenaga rangkaian, penyumbang kuasa, penambahbaikan tenaga dalam teknologi telekomunikasi hijau dan lestari.	
<b>EDI4733</b>	<b>Teknologi Bateri dan Superkapasitor</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini menfokuskan kepada asas di dalam penyimpanan tenaga, dengan mengambil kira operasi dan rekabentuk pelbagai jenis teknologi bateri dan superkapasitor. Pelajar akan diperkenalkan kepada ilmu saintifik di dalam bateri dan superkapasitor dengan mempelajari komponen asas, mekanisma dan kriteria prestasi. Topik khusus bagi jenis-jenis bateri dan superkapasitor akan didekahkan. Aplikasi penyimpanan tenaga di dalam teknologi tidak bergerak dan bergerak, dengan mengambil-kira keselamatan akan dibincangkan.	

<b>EDI4743</b>	<b>Teknologi Berasaskan Hidrogen dan Penyimpanan</b>
<b>Kredit</b>	<b>3 (3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini dimulakan dengan memberi gambaran secara menyeluruh tentang teknologi-teknologi tenaga berdasarkan hidrogen dan integrasi di antara penghasilan hidrogen, penyimpanan dan sel fuel. Kursus ini akan merangkumi konsep asas dan pengelasan bagi penyimpanan hidrogen dan sel fuel. Pemprosesan hidrogen dan aplikasi di dalam pelbagai teknologi akan dibincangkan.	
<b>EDI4982</b>	<b>Projek Ilmiah Tahun Akhir I</b>
<b>Kredit</b>	<b>2 (0+2)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Ini adalah projek penyelidikan individu yang berkaitan dengan masalah teknikal dan/atau saintifik dan di bawah bimbingan staf akademik. Projek yang dijalankan mungkin berada di bawah salah satu bidang berikut: Analisis matematik, ujian eksperimental, simulasi komputer, perkakasan dan/pengembangan perisian, ke bidang minat mereka. dalam kursus ini pelajar harus menyiapkan dan mengemukakan cadangan penyelidikan, menunjukkan bahagian penemuan dan hasil kerja penyelidikan.	
<b>EDI4994</b>	<b>Projek Ilmiah Tahun Akhir II</b>
<b>Kredit</b>	<b>4 (0+4)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>EDI4982</b>
Kursus ini adalah kesinambungan Projek Tahun Akhir I. Pelajar akan terus menjalankan aktiviti penyelidikan yang telah dirancang dan dimulakan semasa Projek Tahun Akhir I. Pelajar juga akan mempunyai kemajuan dan pembentangan akhir dan melengkapkan laporan tesis mereka semasa kursus ini. Dalam kursus ini, pelajar juga akan didedahkan dengan penulisan kertas ilmiah.	
<b>EDI49712</b>	<b>Industri Latihan</b>
<b>Kredit</b>	<b>12 (0+12)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini memberi peluang kepada pelajar untuk mendalami dunia pekerjaan. Jenis latihan yang dijalankan ditentukan oleh industri yang terlibat dengan persetujuan fakulti. Di akhir kursus ini, pelajar mendapat pendedahan tentang persekitaran kerja sebenar melalui interaksi dengan pekerja industri, memperoleh kemahiran mengaplikasi konsep asas dalam semua kursus yang dipelajari di kampus serta berkebolehan dan berkeyakinan untuk menyelesaikan setiap masalah kerja yang diberikan oleh industri.	

## **PROGRAM SARJANA MUDA SAINS (MATEMATIK GUNAAN) DENGAN KEPUJIAN**

### **Pengenalan**

Program Sarjana Muda Sains (Matematik Gunaan) dengan Kepujian merupakan satu program yang dirangka untuk menghasilkan graduan yang terlatih dalam bidang Sains Matematik yang mampu untuk mengaplikasikan pengetahuan dan kepakaran mereka bagi memenuhi keperluan tenaga kerja negara. Kurikulum program telah diadun lengkap bagi memenuhi sebelas domain hasil pembelajaran program yang disarankan oleh KPT. Program ini pada asasnya melatih pelajar untuk menerapkan ilmu matematik dan juga konsep-konsep berkaitan dalam pelbagai bidang tumpuan seperti pemodelan, pengkomputeran, pengoptimuman, geometri, penggunaan dalam sains fizikal dan sebagainya. Pelajar juga akan didedahkan dengan pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai kaedah matematik terkini dan juga pengaturcaraan komputer.

Seiring dengan perkembangan teknologi semasa dan keperluan revolusi industri (IR) 4.0, beberapa kursus dalam program ini telah diumpukan dengan modul SAS yang membolehkan pelajar memperoleh sijil profesional SAS yang diiktiraf di peringkat global. Selain itu, program ini juga melatih pelajar untuk berfikir secara logik, tersusun dan tepat dan seterusnya membantu mereka dalam mencari penyelesaian yang efektif dalam bidang berkaitan. Di akhir pengajian pula, iaitu pada semester ketujuh, pelajar akan menjalani Latihan Industri selama 24 minggu di industri sama ada sektor awam atau swasta, tempatan maupun antarabangsa. Semasa di industri, pelajar akan diselia oleh penyelia daripada industri dan berpeluang untuk mempraktikkan teori yang dipelajari di bilik kuliah serta melalui pengalaman sebenar alam pekerjaan sebagai persediaan untuk ke fasa seterusnya. Tempoh pengajian adalah selama 7 semester atau tiga tahun setengah.

### **Objektif Pendidikan Program (PEO)**

Pada akhir pengajian, pelajar yang mengikuti program ini berkeupayaan untuk mencapai objektif berikut:

- PEO1 : Berpengetahuan dan mempunyai kemahiran praktikal dalam bidang Matematik Gunaan yang selari dengan kehendak industri.
- PEO2 : Berkomunikasi serta berkemahiran interpersonal secara efektif dan menunjukkan kualiti kepemimpinan yang baik dalam organisasi.
- PEO3 : Berkebolehan menganalisis dan menyelesaikan masalah nyata menggunakan kemahiran numerasi yang berasaskan kaedah saintifik dan pemikiran kritis tanpa mengabaikan nilai murni dan integriti.
- PEO4 : Berkebolehan mencapai, mengurus dan menyampaikan maklumat dengan menggunakan teknologi digital terkini serta menunjukkan kemahiran keusahawanan sebagai nilai tambah untuk peningkatan kerjaya.

### **Prospek Kerjaya**

Berasaskan dasar pendidikan bersepadu, apabila bidang Sains Matematik ditawarkan bersama dengan pelbagai disiplin lain, program ini mampu melahirkan para graduan Matematik Gunaan yang berpengetahuan luas, cekap, berwibawa dan dapat memberikan khidmat cemerlang dalam pelbagai sektor pekerjaan yang diceburi kelak. Antara kerjaya yang boleh diceburi ialah:

- Pegawai Penyelidik
- Pegawai Sains
- Penganalisis Data
- Guru / Pensyarah Matematik
- Pegawai Bank
- Pegawai Insurans

- Pengurus Sistem Maklumat Berkomputer
- Perekabentuk Model Berkomputer
- Pengaturcara Komputer
- Eksekutif
- Perancang Kewangan
- Ahli Matematik Gunaan

## **KURIKULUM PROGRAM SARJANA MUDA SAINS (MATEMATIK GUNAAN) DENGAN KEPUJIAN**

### **Jumlah Kredit Untuk Bergraduat**

Jumlah minimum kredit untuk bergraduat ialah 120 jam kredit. Agihan jam kredit mengikut kategori kursus adalah seperti berikut:

<b>Kategori</b>	<b>Kredit</b>	<b>Peratus</b>
Teras Universiti	20	16.67
Teras Program	70	58.33
Elektif Universiti	30	25
<b>Jumlah</b>	<b>120</b>	<b>100</b>

### **Kursus Teras Universiti (20 jam kredit)**

Pelajar-pelajar boleh memilih 20 jam kredit daripada mana-mana kursus yang disenaraikan oleh Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan sebagai kursus yang bertaraf Teras Universiti.

<b>Bil.</b>	<b>Kod Kursus</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Jam Kredit</b>	<b>Prasyarat</b>
1.	BBB3013	Academic Writing Skills	3 (3+0)	*Tiada
2.	BBB3033	English for Occupational Purposes	3 (3+0)	*Tiada
3.	MPU3132	Penghayatan Etika & Peradaban	2 (2+0)	Tiada
4.	MPU3142	Falsafah dan Isu Semasa	2 (2+0)	Tiada
5.	MPU3223	Asas Keusahawanan	3 (3+0)	Tiada
6.	MPU3352	Integriti dan Antirasuah	2 (0+2)	Tiada
7.	COM3112	Seni Komunikasi	2 (2+0)	Tiada
8.	CCM3011	Santuni Komuniti	1 (0+1)	Tiada
9.	CCXXXXX	Ko-Kurikulum	2 (0+2)	Tiada
<b>JUMLAH</b>		<b>20</b>		

### **Kursus Teras Program (70 jam kredit)**

Bagi memenuhi keperluan bergraduat, pelajar wajib mengikuti dan lulus kesemua 18 kursus Teras Program dengan 70 kredit.

<b>Bil.</b>	<b>Kod Kursus</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Kredit</b>	<b>Prasyarat</b>
1.	MTM3004	Aljabar Linear	4 (3+1)	Tiada
2.	MTM3014	Kalkulus	4 (3+1)	Tiada
3.	MTM3024	Statistik	4 (3+1)	Tiada
4.	MTM3034	Statistik Lanjutan	4 (3+1)	Tiada
5.	MTM3044	Penyelidikan Operasi dengan SAS	4 (3+1)	Tiada
6.	MTM3054	Bahasa Pengaturcaraan	4 (3+1)	Tiada
7.	MTM3003	Persamaan Pembezaan Biasa	3 (3+0)	Tiada
8.	MTM3013	Analisis Nyata	3 (3+0)	Tiada
9.	MTM4004	Pengoptimuman	4 (3+1)	Tiada
10.	MTM49712	Latihan Industri	12 (0+12)	Tiada
11.	MTM4982	Projek Ilmiah Tahun Akhir I	2 (0+2)	Tiada
12.	MTM4994	Projek Ilmiah Tahun Akhir II	4 (0+4)	Tiada
13.	MKG3002	Prinsip Pemodelan Matematik	2 (2+0)	Tiada
14.	MKG3003	Kalkulus Vektor	3 (3+0)	Tiada

15.	MKG3013	Aljabar Moden	3 (3+0)	Tiada
16.	MKG3023	Kaedah Matematik Gunaan	3 (3+0)	Tiada
17.	MKG3033	Komputeran Saintifik	3 (2+1)	Tiada
18.	MKG3004	Analisis Berangka	4 (3+1)	Tiada
<b>JUMLAH</b>			<b>70</b>	

### **Kursus Elektif Universiti (30 jam kredit)**

Pelajar bebas mendaftar mana-mana kursus yang ditawarkan mengikut kesesuaian berdasarkan minat dan kemahiran. Walau bagaimanapun, pelajar digalakkan mengambil sekurang-kurangnya 18 jam kredit daripada senarai kursus elektif berkelompok di bawah dengan bimbingan dari Mentor:

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Prasyarat
<b>Kelompok Matematik Gunaan</b>				
1.	MKG4003	Persamaan Pembezaan Separa	3 (3+0)	Tiada
2.	MKG4013	Kaedah Berkomputer untuk Persamaan Pembezaan	3 (2+1)	Tiada
3.	MKG4023	Mekanik Bendalir Bermatematik	3 (3+0)	Tiada
4.	MKG4033	Pengenalan Teori Set Kabur	3 (3+0)	Tiada
<b>Kelompok Analisis Matematik</b>				
1.	MKG4043	Sistem Dinamik	3 (3+0)	Tiada
2.	MKG4053	Analisis Kompleks	3 (3+0)	Tiada
3.	MKG4063	Analisis Fungsian	3 (3+0)	Tiada
4.	MKG4073	Topologi	3 (3+0)	Tiada
<b>Kelompok Penyelidikan Operasi</b>				
1.	MKG4004	Penyelidikan Operasi Lanjutan	4 (3+1)	Tiada
2.	MKG4013	Kaedah Berkomputer untuk Persamaan Pembezaan	3 (2+1)	Tiada
3.	MKG4083	Logik dan Pengkomputeran	3 (3+0)	Tiada
4.	MKG4093	Teknik-teknik Heuristik untuk Pengoptimuman Kombinatorik	3 (3+0)	Tiada
<b>Kelompok Rekabentuk Geometri Berasaskan Komputer</b>				
1.	MKG4013	Kaedah Berkomputer untuk Persamaan Pembezaan	3 (2+1)	Tiada
2.	MKG4083	Logik dan Pengkomputeran	3 (3+0)	Tiada
3.	MKG4103	Teori Graf	3 (3+0)	Tiada
4.	MKG4113	Rekabentuk Geometri Berbantu Komputer	3 (2+1)	Tiada

**SKEMA PENGAJIAN**  
**PROGRAM SARJANA MUDA SAINS (MATEMATIK GUNAAN) DENGAN KEPUJIAN**

KOD	NAMA KURSUS	JAM KREDIT	PRA SYARAT	KOD	NAMA KURSUS	JAM KREDIT	PRA SYARAT
<b>SEMESTER 1</b>				<b>SEMESTER 2</b>			
MTM3004	Aljabar Linear	4(3+1)	-	MTM3034	Statistik Lanjutan*	4(3+1)	-
MTM3014	Kalkulus	4(3+1)	-	MTM3044	Penyelidikan Operasi dengan SAS*	4(3+1)	-
MTM3024	Statistik*	4(3+1)	-	MKG3013	Aljabar Moden	3(3+0)	-
MPU3132	Penghayatan Etika dan Peradaban	2(2+0)	-	BBB3013	Academic Writing Skills	3(3+0)	-
COM3112	Seni Komunikasi	2(2+0)	-	CCXXXXX	Ko-Kurikulum	2(0+2)	-
CCM3011	Santuni Komuniti	1(0+1)	-	MPU3142	Falsafah dan Isu Semasa	2(2+0)	-
MPU3352	Integriti dan Antirasuah	2(2+0)	-				
<b>Jumlah kredit</b>	<b>19</b>			<b>Jumlah kredit</b>	<b>18</b>		
<b>SEMESTER 3</b>				<b>SEMESTER 4</b>			
MTM3003	Persamaan Pembezaan Biasa	3(3+0)	-	MKG3004	Analisis Berangka	4(3+1)	-
MTM3054	Bahasa Pengaturcaraan	4(3+1)	-	MTM3013	Analisis Nyata	3(3+0)	-
MKG3002	Prinsip Pemodelan Matematik	2(2+0)	-	MKG3023	Kaedah Matematik Gunaan	3(3+0)	-
	Elektif 1	3	-	MKG3033	Komputeran Saintifik	3(2+1)	-
	Elektif 2	3	-		Elektif 4	3	-
	Elektif 3	3	-		Elektif 5	3	-
<b>Jumlah kredit</b>	<b>18</b>			<b>Jumlah kredit</b>	<b>19</b>		
<b>SEMESTER 5</b>				<b>SEMESTER 6</b>			
MTM4004	Pengoptimuman*	4(3+1)	-	MTM4994	Projek Ilmiah Tahun Akhir II	4(0+4)	-
MTM4982	Projek Ilmiah Tahun Akhir I	2(0+2)	-	MPU3223	Asas Keusahawanan	3(0+3)	-
MKG3003	Kalkulus Vektor	3(3+0)	-		Elektif 8	3	-
BBB3033	English for Occupational Purposes	3(3+0)	-		Elektif 9	3	-
	Elektif 6	3	-		Elektif 10	3	-
	Elektif 7	3	-				
<b>Jumlah kredit</b>	<b>18</b>			<b>Jumlah kredit</b>	<b>16</b>		
<b>SEMESTER 7</b>				<b>JUMLAH KREDIT BERGRADUAT 120</b>			
MTM49712	Latihan Industri	12(0+12)	-				
<b>Jumlah kredit</b>	<b>12</b>						

\*Kursus yang dilengkapi dengan modul pensijilan SAS.

Nota:

1. Pelajar wajib mengikuti **Program Survival dan Keselamatan Air** sebagai **syarat bergraduat**.
2. Jumlah jam kredit kursus elektif yang perlu diambil oleh pelajar dalam program pengajian adalah tertakluk kepada **jumlah jam kredit** elektif yang ditetapkan oleh program pengajian tersebut untuk memenuhi kelayakan bergraduat dan tidak tertakluk kepada **bilangan** kursus elektif yang diambil.
3. Senarai kursus elektif yang boleh diambil oleh pelajar dalam program pengajian adalah merujuk kepada penawaran kursus yang tertera dalam buku panduan program pengajian fakulti tersebut dan juga fakulti lain.

## **PROGRAM SARJANA MUDA SAINS (MATEMATIK KEWANGAN) DENGAN KEPUJIAN**

### **Pengenalan**

Program Sarjana Muda Sains (Matematik Kewangan) dengan Kepujian adalah program yang dibangunkan untuk menyediakan ilmu tentang penggunaan kaedah matematik seperti teori kebarangkalian, statistik, pengoptimuman, analisis stokastik dan teori ekonomi dalam permasalahan bidang kewangan yang meliputi pelaburan, insurans, kewangan Islam, analisis risiko dan sebagainya. Kurikulum program ini telah diadun lengkap bagi memenuhi sebelas domain hasil pembelajaran program yang disarankan oleh KPT sepanjang pengajian selama 7 semester atau tiga tahun setengah.

Selain itu, seiring dengan perkembangan revolusi industri (IR) 4.0, beberapa kursus teras program telah diterapkan dengan modul SAS yang melayakkan pensijilan SAS kepada graduandi akhir program. Pensijilan ini menjadi nilai tambah kepada graduan kerana diiktiraf di seluruh dunia dan mempunyai permintaan dari industri yang luas.

Bagi memastikan pelajar mendapat pengalaman bekerja sebenar, kursus Latihan Industri selama 24 minggu dilaksanakan pada semester terakhir (semester 7) dalam bidang kewangan atau industri lain yang berkaitan. Ilmu yang telah dipelajari selama berada di kampus boleh digunakan semasa menjalani Latihan industri selain menimba ilmu baharu dalam sektor yang berkenaan.

### **Objektif Pendidikan Program (PEO)**

Pada akhir pengajian, pelajar yang mengikuti program ini berkeupayaan untuk mencapai objektif berikut:

- PEO1 : Berpengetahuan dan mempunyai kemahiran praktikal dalam bidang Matematik Kewangan yang selari dengan kehendak industri.
- PEO2 : Berkomunikasi serta berkemahiran interpersonal secara efektif dan menunjukkan kualiti kepemimpinan yang baik dalam organisasi.
- PEO3 : Berkebolehan menganalisis dan menyelesaikan masalah nyata menggunakan kemahiran numerasi yang berasaskan kaedah saintifik dan pemikiran kritis tanpa mengabaikan nilai murni dan integriti.
- PEO4 : Berkebolehan mencapai, mengurus dan menyampaikan maklumat dengan menggunakan teknologi digital terkini serta menunjukkan kemahiran keusahawanan sebagai nilai tambah untuk peningkatan kerjaya.

### **Prospek Kerjaya**

Graduan program Sarjana Muda Sains (Matematik Kewangan) dengan kepujian boleh terlibat dalam pelbagai bidang perkhidmatan dan kerjaya sama ada dalam sektor awam atau swasta. Sektor utama yang boleh diceburi oleh graduan adalah kewangan, insurans, perbankan atau perkhidmatan. Antara kerjaya yang boleh diceburi adalah:

- Pegawai Risiko Strategik
- Pemodel Risiko
- Pegawai Pengurusan Pelaburan
- Pengurus Aktuari
- Guru / Pensyarah Matematik
- Penganalisis Kuantitatif/Teknikal
- Penganalisis Data
- Penyelidik
- Pegawai Sains
- Usahawan

## KURIKULUM PROGRAM SARJANA MUDA SAINS (MATEMATIK KEWANGAN) DENGAN KEPUJIAN

### **Jumlah Kredit Untuk Bergraduat**

Jumlah minimum kredit untuk bergraduat ialah 120 jam kredit. Agihan jam kredit mengikut kategori kursus adalah seperti berikut:

Kategori	Kredit	Peratus
Teras Universiti	20	16.67
Teras Program	70	58.33
Elektif Universiti	30	25
<b>Jumlah</b>	<b>120</b>	<b>100</b>

### **Kursus Teras Universiti (20 jam kredit)**

Pelajar perlu memilih 20 jam kredit daripada kursus yang disenaraikan oleh Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan sebagai kursus yang bertaraf Teras Universiti.

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Jam Kredit	Prasyarat
1.	BBB3013	Academic Writing Skills	3 (3+0)	*Tiada
2.	BBB3033	English for Occupational Purposes	3 (3+0)	*Tiada
3.	MPU3132	Penghayatan Etika dan Peradaban	2 (2+0)	Tiada
4.	MPU3142	Falsafah dan Isu Semasa	2 (2+0)	Tiada
5.	MPU3223	Asas Keusahawanan	3 (3+0)	Tiada
6.	MPU3352	Integriti dan Antirasuah	2 (0+2)	Tiada
7.	COM3112	Seni Komunikasi	2 (2+0)	Tiada
8.	CCM3011	Santuni Komuniti	1 (0+1)	Tiada
9.	CCXXXXX	Ko-Kurikulum	2 (0+2)	Tiada
<b>JUMLAH</b>		<b>20</b>		

### **Kursus Teras Program (70 jam kredit)**

Bagi memenuhi keperluan bergraduat, pelajar-pelajar wajib mengikuti dan lulus kesemua 18 kursus Teras Program dengan 70 kredit.

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Prasyarat
1.	MTM3004	Aljabar Linear	4 (3+1)	Tiada
2.	MTM3014	Kalkulus	4 (3+1)	Tiada
3.	MTM3024	Statistik	4 (3+1)	Tiada
4.	MTM3034	Statistik Lanjutan	4 (3+1)	Tiada
5.	MTM3044	Penyelidikan Operasi dengan SAS	4 (3+1)	Tiada
6.	MTM3054	Bahasa Pengaturcaraan	4 (3+1)	Tiada
7.	MTM3003	Persamaan Pembezaan Biasa	3 (3+0)	Tiada
8.	MTM3013	Analisis Nyata	3 (3+0)	Tiada
9.	MTM4004	Pengoptimuman	4 (3+1)	Tiada
10.	MTM4972	Latihan Industri	12 (0+12)	Tiada
11.	MTM4982	Projek Ilmiah Tahun Akhir I	2 (0+2)	Tiada
12.	MTM4994	Projek Ilmiah Tahun Akhir II	4 (0+4)	Tiada
13.	MKW3023	Matematik Pelaburan	3 (3+0)	Tiada
14.	MKW3003	Teori Kebarangkalian dalam Kewangan	3 (3+0)	Tiada
15.	MKW3013	Pemodelan Stokastik dan Aplikasi	3 (3+0)	Tiada
16.	MKW4003	Pengenalan Persamaan Pembezaan Stokastik	3 (3+0)	Tiada
17.	MKW4013	Terbitan Kewangan	3 (3+0)	Tiada
18.	ECO3043	Makroekonomi	3 (3+0)	Tiada
<b>JUMLAH</b>			<b>70</b>	

**Kursus Elektif Universiti (30 jam kredit)**

Pelajar bebas mendaftar mana-mana kursus yang ditawarkan mengikut kesesuaian berdasarkan minat dan kematangan. Walau bagaimanapun, pelajar digalakkan mengambil sekurang-kurangnya 21 jam kredit daripada senarai kursus elektif di bawah dengan bimbingan dari Mentor:

Bil.	Kod	Nama Kursus	Kredit	Pra syarat
1.	MKW4023	Peramalan Kewangan	3 (3+0)	Tiada
2.	MKW4033	Teori Matematik dalam Insurans	3 (3+0)	Tiada
3.	MKW4043	Pengoptimuman Kewangan	3 (3+0)	Tiada
4.	MKW4053	Analisis Risiko Kewangan	3 (3+0)	Tiada
5.	MKW4063	Ekonometrik Kewangan	3 (3+0)	Tiada
6.	MKW4073	Matematik Kewangan Islam	3 (3+0)	Tiada
7.	MKW4004	Kaedah Berangka dalam Kewangan	4 (3+1)	Tiada
8.	MKG3004	Analisis Berangka	4 (3+1)	Tiada
9.	MKG4003	Persamaan Pembezaan Separa	3 (3+0)	Tiada

**SKEMA PENGAJIAN**  
**PROGRAM SARJANA MUDA SAINS (MATEMATIK KEWANGAN) DENGAN KEPUJIAN**

KOD	NAMA KURSUS	JAM KREDIT	PRA-SYARAT	KOD	NAMA KURSUS	JAM KREDIT	PRA-SYARAT
<b>SEMESTER 1</b>				<b>SEMESTER 2</b>			
MTM3004	Aljabar Linear	4(3+1)	-	MTM3034	Statistik Lanjutan*	4(3+1)	-
MTM3014	Kalkulus	4(3+1)	-	MTM3044	Penyelidikan Operasi dengan SAS*	4(3+1)	-
MTM3024	Statistik*	4(3+1)	-	MKW3003	Teori Kebarangkalian dalam Kewangan	3(3+0)	-
COM3112	Seni Komunikasi	2(2+0)	-	BBB3013	Academic Writing Skills	3(3+0)	-
CCM3011	Santuni Komuniti	1(0+1)	-	MPU3132	Penghayatan Etika & Peradaban	2(2+0)	-
MPU3352	Integriti dan Antirasuah	2(2+0)	-	MPU3142	Falsafah dan Isu Semasa	2(2+0)	-
CCXXXXX	Ko-Kurikulum	2(0+2)	-				
<b>Jumlah kredit</b>		<b>19</b>		<b>Jumlah kredit</b>		<b>18</b>	
<b>SEMESTER 3</b>				<b>SEMESTER 4</b>			
MTM3003	Persamaan Pembezaan Biasa	3(3+0)	-	MTM3013	Analisis Nyata	3(3+0)	-
MTM3054	Bahasa Pengaturcaraan	4(3+1)	-	MKW3023	Matematik Pelaburan	3(3+0)	-
MKW3013	Pemodelan Stokastik dan Aplikasi	3(3+0)	-	ECO3043	Makroekonomi	3(3+0)	-
	Elektif 1	3	-		Elektif 4	3	-
	Elektif 2	3	-		Elektif 5	3	-
	Elektif 3	3	-		Elektif 6	3	-
<b>Jumlah kredit</b>		<b>19</b>		<b>Jumlah kredit</b>		<b>18</b>	
<b>SEMESTER 5</b>				<b>SEMESTER 6</b>			
MTM4004	Pengoptimuman*	4(3+1)	-	MTM4994	Projek Ilmiah Tahun Akhir II	4(0+4)	-
MTM4982	Projek Ilmiah Tahun Akhir I	2(0+2)	-	MKW4013	Terbitan Kewangan	3(3+0)	-
MKW4003	Pengenalan Persamaan Pembezaan Stokastik	3(3+0)	-	MPU3223	Asas Keusahawanan	3(3+0)	-
BBB3033	English for Occupational Purposes	3 (3+0)	-		Elektif 9	3	-
	Elektif 7	3	-		Elektif 10	3	-
	Elektif 8	3	-				
<b>Jumlah kredit</b>		<b>18</b>		<b>Jumlah kredit</b>		<b>16</b>	
<b>SEMESTER 7</b>				<b>JUMLAH KREDIT BERGRADUAT 120</b>			
MTM49712	Latihan Industri	12(0+12)	-				
<b>Jumlah kredit</b>		<b>12</b>		<b>JUMLAH KREDIT BERGRADUAT 120</b>			

\*Kursus yang dilengkapi dengan modul pensijilan SAS.

Nota:

1. Pelajar wajib mengikuti **Program Survival dan Keselamatan Air** sebagai **syarat bergraduat**.
2. Jumlah jam kredit kursus elektif yang perlu diambil oleh pelajar dalam program pengajian adalah tertakluk kepada **jumlah jam kredit** elektif yang ditetapkan oleh program pengajian tersebut untuk memenuhi kelayakan bergraduat dan tidak tertakluk kepada **bilangan** kursus elektif yang diambil.
3. Senarai kursus elektif yang boleh diambil oleh pelajar dalam program pengajian adalah merujuk kepada penawaran kursus yang tertera dalam buku panduan program pengajian fakulti tersebut dan juga fakulti lain.

## SINOPSIS KURSUS

### PROGRAM SARJANA MUDA SAINS (MATEMATIK GUNAAN) DENGAN KEPUJIAN DAN PROGRAM SARJANA MUDA SAINS (MATEMATIK KEWANGAN) DENGAN KEPUJIAN

**MTM3004**                   **Aljabar Linear**

**Kredit**                   **4(3+1)**

**Prasyarat**               **Tiada**

Kursus ini membincangkan konsep ruang vektor termasuk ruang baris dan lajur, jelmaan linear termasuklah perwakilan dan keserupaan matriks, keortogonalan hingga proses pengortogonalan Gram-Schmidt, nilai eigen, vektor eigen, ruang eigen dan aljabar linear berangka.

**MTM3014**                   **Kalkulus**

**Kredit**                   **4(3+1)**

**Prasyarat**               **Tiada**

Kursus ini membincangkan topik berkenaan had dan keselanjuran, fungsi multipembolehubah, terbitan separa, dan kamiran berganda. Selain itu, kursus ini juga mendedahkan kepada pelajar berkenaan dengan koordinat kutub, koordinat silinder dan ubahan pembolehubah bagi kamiran berganda.

**MTM3024**                   **Statistik**

**Kredit**                   **4(3+1)**

**Prasyarat**               **Tiada**

Kursus ini membincangkan konsep asas bagi statistik termasuk kebarangkalian, pembolehubah rawak, taburan kebarangkalian pembolehubah rawak, teori taburan persampelan, jangkaan dan ujian hipotesis.

**MTM3034**                   **Statistik Lanjutan**

**Kredit**                   **4(3+1)**

**Prasyarat**               **Tiada**

Kursus ini membincangkan model linear, kaedah bukan parametrik, taburan multivariat dan beberapa pendekatan dalam multivariat gunaan.

**MTM3044**                   **Penyelidikan Operasi dengan SAS**

**Kredit**                   **4(3+1)**

**Prasyarat**               **Tiada**

Kursus ini membincangkan konsep asas masalah pengaturcaraan linear dan kaedah penyelesaiannya. Topik ini juga merangkumi kaedah simpleks, kedualan dan analisis kepekaan, masalah pengangkutan dan rangkaian. Kursus ini juga menyokong revolusi industri melalui penerapan pengaturcaraan SAS untuk menyelesaikan masalah pengoptimuman.

**MTK3054**                   **Bahasa Pengaturcaraan**

**Kredit**                   **4(3+1)**

**Prasyarat**               **Tiada**

Kursus ini membincangkan suatu pengenalan gaya pengaturcaraan yang baik menerusi contoh-contoh, pengemaskinian pengaturcaraan komputer yang tersedia seperti kod C++ bagi menyelesaikan masalah yang serupa dan pengimplementasian algoritma bermatematik dalam suatu program pengaturcaraan komputer yang didokumenkan dengan baik. Kursus ini menyokong IR 4.0 melalui penerapan elemen pemikiran sistematik.

**MTM3003**                   **Persamaan Pembezaan Biasa**

**Kredit**                   **3(3+0)**

**Prasyarat**               **Tiada**

Kursus ini merupakan pengenalan awal kepada teknik-teknik penyelesaian bagi persamaan pembezaan yang memerlukan asas dalam kalkulus serta aljabar. Perbincangan mengenai

penggunaan dalam masalah sebenar juga dilaksanakan. Kursus ini adalah perlu sebagai asas kepada kursus lanjutan yang berkaitan iaitu Kaedah Matematik Gunaan dan Persamaan Pembezaan Separat.

<b>MTM3013</b>	<b>Analisis Nyata</b>
<b>Kredit</b>	<b>3(3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini membincangkan konsep ruang nombor nyata, keterbatasan set, keserupaan set, keterhinggaan set dan kebolehbilangan set. Topologi set titik pada garis nyata yang meliputi idea set terbuka dan tertutup, set padat dan set terkait. Kursus ini juga membincangkan sifat penumpuan jujukan nombor-nombor nyata dan jenis-jenisnya termasuklah penumpuan titik demi titik dan penumpuan seragam fungsi. Perbincangan mengenai beberapa sifat penting seperti had fungsi, keselanjuran, keselanjuran pada set padat dan set terkait dan keselanjuran secara seragam mengakhiri kursus ini.

<b>MTM4004</b>	<b>Pengoptimuman</b>
<b>Kredit</b>	<b>4(3+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini membincangkan beberapa teknik matematik yang digunakan untuk menyelesaikan masalah pengoptimuman tak berkekangan dan berkekangan. Kaedah tak berkekangan termasuklah carian Fibonacci, kaedah Newton, kaedah Secant, kaedah kecerunan dan kaedah arah konjugat. Manakala kaedah berkekangan termasuklah syarat Lagrange dan syarat Karush-Kuhn-Tucker. Pelajar juga akan menyelesaikan masalah pengoptimuman menggunakan perisian SAS.

<b>MTM49712</b>	<b>Latihan Industri</b>
<b>Kredit</b>	<b>12 (0+12)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Pelajar yang telah memenuhi syarat untuk latihan industri akan ditempatkan di industri yang bersesuaian untuk tempoh 24 minggu, setelah tamat 6 semester pengajian. Setiap pelajar dikehendaki membuat laporan komprehensif bersamaan dengan 12 kredit di bawah pengawasan pensyarah yang dilantik oleh penyelaras untuk latihan industri dan penyelia yang bertugas di industri yang berkenaan.

<b>MTM4982</b>	<b>Projek Ilmiah Tahun Akhir I</b>
<b>Kredit</b>	<b>2(0+2)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini mendedahkan pelajar dengan asas kajian akademik, terutamanya dalam penulisan kertas cadangan satu kajian saintifik.

<b>MTM4994</b>	<b>Projek Ilmiah Tahun Akhir II</b>
<b>Kredit</b>	<b>4(0+4)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini merupakan sambungan langsung daripada kursus MTM4982 yang membolehkan pelajar melaksanakan projek ilmiah yang telah disarankan secara bersistematik. Antara bidang tujuan penyelidikan adalah matematik tulen, matematik gunaan, statistik, pengoptimuman, teori set kabur, matematik kewangan, rekabentuk grafik berbantu komputer, kaedah analisis berangka dan penyelidikan operasi. Satu siri ceramah bersesuaian akan diberikan kepada pelajar dan perbincangan lanjut mengenai topik ceramah tersebut dilakukan dengan penyelia masing-masing seterusnya. Semua pelajar dikehendaki menulis, menghantar dan membentangkan laporan akhir projek ilmiah masing-masing mengikut turutan masa seperti ketetapan Program.

<b>MKG3002</b>	<b>Prinsip Pemodelan Matematik</b>
<b>Kredit</b>	<b>2(2+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini membincangkan tajuk-tajuk berkaitan pengenalan kepada pemodelan matematik, analisis

bermatra, anggaran dan pengsahan model serta penggunaannya.

<b>MKG3003</b>	<b>Kalkulus Vektor</b>
<b>Kredit</b>	<b>3(3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini membincangkan tajuk-tajuk berkaitan vektor dan ruang geometri, kalkulus bagi fungsi bernilai vektor serta kamiran fungsi vektor dalam ruang dua matra dan tiga matra.

<b>MKG3013</b>	<b>Aljabar Moden</b>
<b>Kredit</b>	<b>3(3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini membincangkan konsep-konsep asas set, fungsi dan integer. Ia diteruskan dengan perbincangan mengenai kongruen linear dan hubungan kesetaraan. Konsep-konsep terhadap kumpulan dan gelanggang, termasuk juga beberapa teori asas berkaitan dengan topik pemetaan, idea asas terhadap hasil darab terkedalam bagi kumpulan juga dibincangkan. Pembelajaran terhadap teori dan operasi asas medan mengakhiri kursus ini.

<b>MKG3023</b>	<b>Kaedah Matematik Gunaan</b>
<b>Kredit</b>	<b>3(3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini membincangkan kaedah dan teknik matematik yang biasa digunakan dalam menyelesaikan masalah sains, teknologi dan kejuruteraan. Ia dimulakan dengan penyelesaian siri untuk persamaan pembezaan yang melibatkan kaedah siri kuasa dan kaedah Frobenius. Kemudian, analisis Fourier yang merupakan antara kaedah yang sering digunakan dalam penyelesaian masalah dunia sebenar turut dibincangkan dalam kursus ini. Pada akhir kursus, kaedah-kaedah ini dan kaedah pemisahan pembolehubah digunakan untuk menyelesaikan persamaan pembezaan separa yang melibatkan persamaan Haba, Gelombang dan Laplace.

<b>MKG3033</b>	<b>Komputeran Saintifik</b>
<b>Kredit</b>	<b>3(2+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini membincangkan elemen asas komputeran saintifik, khususnya kaedah untuk menyelesaikan atau menghampiri penyelesaian masalah kalkulus dan aljabar linear yang berkaitan dengan masalah dunia nyata. Dengan menggunakan persekitaran komputeran saintifik dan visualisasi yang canggih, pelajar diperkenalkan dengan konsep pengkomputeran asas bagi kestabilan, ketepatan dan kecekapan. Kaedah dan teknik berangka baru diperkenalkan untuk menyelesaikan masalah yang lebih mencabar.

<b>MKG3004</b>	<b>Analisis Berangka</b>
<b>Kredit</b>	<b>4(3+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini mengetengahkan kaedah berangka untuk menyelesaikan masalah matematik. Teori dan pelaksanaan menggunakan komputer bagi kaedah berangka dibincangkan di dalam kursus ini. Ia merangkumi penyelesaian tak linear satu pembolehubah, interpolasi dan penghampiran, pengamiran dan pembezaan berangka dan penyelesaian persamaan pembezaan biasa.

<b>MKW3003</b>	<b>Teori Kebarangkalian dalam Kewangan</b>
<b>Kredit</b>	<b>3(3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini memperkenalkan teori kebarangkalian, terutamanya yang digunakan dalam kewangan. Ia menghuraikan topik penting; iaitu set dan fungsi, teori pengukuran, pembolehubah rawak, taburan kebarangkalian dan jangkaan bersyarat yang mendasari bidang matematik kewangan. Pengetahuan mengenai teori kebarangkalian yang relevan ini penting dalam memahami pembangunan kalkulus stokistik yang digunakan dalam kewangan.

<b>MKW3023</b>	<b>Matematik Pelaburan</b>
<b>Kredit</b>	<b>3(3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini menyediakan analisis asas pelaburan daripada sudut pandangan kuantitatif. Ia menghimpunkan pelbagai alat dan teknik yang diperlukan oleh pengamal pelaburan profesional yang berfokus utama pada teori kadar faedah. Dengan menggunakan teknik ini, analisis ringkas disampaikan bagi beberapa jenis sekuriti termasuklah bon faedah tetap, ekuiti dan hartanah. Perbincangan tentang pulangan nyata mengakhiri kursus ini.

<b>MKW3013</b>	<b>Pemodelan Stokastik dan Aplikasi</b>
<b>Kredit</b>	<b>3(3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini membincangkan konsep rantai Markov pada masa yang diskrit dan selanjar. Kursus ini dimulakan dengan takrifan asas dan sifat rantai Markov termasuk kebarangkalian peralihan dan diteruskan dengan taburan terhad sebagai tingkah laku jangka panjang rantai Markov. Proses Poisson juga diketengahkan. Beberapa contoh penggunaan sebenar juga akan dibincangkan dalam kursus ini.

<b>MKW4003</b>	<b>Pengenalan Persamaan Pembezaan Stokastik</b>
<b>Kredit</b>	<b>3(3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini membincangkan beberapa konsep asas kalkulus dalam pembangunan persamaan pembezaan stokastik yang digunakan secara meluas dalam bidang kewangan, selain mempunyai aplikasi dalam bidang kejuruteraan, fizik dan biologi. Penerangan tentang gerakan Brown, yang merupakan proses selanjar utama digunakan dalam kalkulus stokastik, diuraikan sebelum kamiran stokastik dan proses Ito yang berkaitan diterangkan. Seterusnya aplikasi rumus Ito bagi gerakan Brown, bagi proses Ito dan bagi beberapa kes lain dibincangkan. Kursus ini diakhiri dengan penerbitan persamaan pembezaan stokastik daripada persamaan pembezaan biasa dan penyelesaian bagi beberapa jenis persamaan pembezaan stokastik dengan menggunakan rumus Ito.

<b>MKW4013</b>	<b>Terbitan Kewangan</b>
<b>Kredit</b>	<b>3(3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini membincangkan asas terbitan kewangan, merangkumi sifat-sifat asas penetapan harga asas masa hadapan, opsyen dan pertukaran. Ia turut meneroka startegi-strategi dalam perdagangan dan pemagaran yang melibatkan terbitan kewangan. Akhirnya, topik-topik istimewa seperti opsyen eksotik akan diteroka mengikut kesempatan. Kursus ini menyediakan asas untuk terbitan kewangan dan meletakkan asas untuk kursus pengurusan risiko yang ketat.

<b>ECO3043</b>	<b>Makroekonomi</b>
<b>Kredit</b>	<b>3(3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini menerangkan secara mendalam konsep perakaunan pendapatan nasional, pekerjaan, inflasi dan pengangguran; polisi makroekonomi serta model-model makroekonomi.

<b>MKG4003</b>	<b>Persamaan Pembezaan Separa</b>
<b>Kredit</b>	<b>3(3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini membincangkan persamaan pembezaan separa serta penggunaannya dalam masalah fizik. Kursus ini dimulai dengan persamaan pembezaan separa peringkat pertama dan kedua dan penyelesaian menggunakan kaedah cirian. Kursus ini juga membincangkan tiga persamaan pembezaan separa utama dalam masalah fizik iaitu persamaan haba, persamaan gelombang dan

persamaan Laplace serta kaedah-kaedah penyelesaiannya menggunakan kaedah pemisahan pembolehubah dan kaedah jelmaan kamiran.

<b>MKG4013</b>	<b>Kaedah Berkomputer untuk Persamaan Pembezaan</b>
<b>Kredit</b>	<b>3(2+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini adalah mengenai penyelesaian berangka pemodelan fenomena alam yang selalunya tidak dapat diselesaikan secara analitik. Kursus ini terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama membincangkan tentang kaedah beza terhingga dan kaedah menembak untuk menyelesaikan persamaan pembezaan biasa linear dan tak linear dengan nilai-nilai sempadan. Bahagian kedua membincangkan tentang pelbagai pendekatan berangka untuk menyelesaikan masalah persamaan pembezaan separa hiperbola, parabola dan eliptik. Pelajar didedahkan dengan pelbagai masalah sebenar dalam bidang sains, kejuruteraan, dan bidang-bidang lain untuk diselesaikan secara kaedah berangka.

<b>MKG4023</b>	<b>Mekanik Bendalir Bermatematik</b>
<b>Kredit</b>	<b>3(3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini membincangkan konsep asas mekanik bendalir yang terdiri daripada takrifan dan skop mekanik bendalir, persamaan asas yang terlibat, kaedah analisis dan klasifikasi bendalir. Kursus ini diteruskan dengan statik bendalir, persamaan asas dalam bentuk kamiran dan analisis pembezaan gerakan bendalir. Penggunaan dalam aliran tak termampatkan dipertimbangkan dengan memperkenalkan persamaan Euler dan Bernoulli.

<b>MKG4033</b>	<b>Pengenalan Teori Set Kabur</b>
<b>Kredit</b>	<b>3(3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini membincangkan konsep ketakpastian dan teknik penyelesaiannya menggunakan teori set kabur, perluasan kabur dan mantik kabur. Kursus ini juga menyediakan kaedah pemodelan kabur bagi pendekatan kabur untuk menyelesaikan masalah ketakpastian. Sistem mantik kabur dan aplikasi teori set kabur dibincangkan menerusi kajian kes.

<b>MKG4043</b>	<b>Sistem Dinamik</b>
<b>Kredit</b>	<b>3(3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini membincangkan persamaan pembezaan biasa tak linear secara analitik dan melibatkan penggunaan konsep yang signifikan, termasuk titik keseimbangan, orbit, potret fasa dan kitaran had. Beberapa kaedah seperti pelinearan dibincangkan untuk menentukan kewujudan dan kestabilan titik keseimbangan dan juga menganalisis persamaan pembezaan tak linear. Pengenalan kepada teori kekalutan juga ditunjukkan. Teknik-teknik akan digunakan kepada persamaan pembezaan tak linear daripada fizik, kejuruteraan, biologi, ekologi.

<b>MKG4053</b>	<b>Analisis Kompleks</b>
<b>Kredit</b>	<b>3(3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini membincangkan topik-topik seperti berikut: aljabar nombor kompleks, fungsi analitik, fungsi asas dan pemetaan oleh fungsi asas, kamiran kompleks, teorem Cauchy dan formula kamiran, teorem Liouville dan teorem modulus maksimum. Perbincangan mengenai teori asas aljabar, siri kuasa, siri Taylor, pensifar dan kesingularan, reja, teorem reja, dan penilaian kamiran kontur mengakhiri kursus ini.

<b>MKG4063</b>	<b>Analisis Fungsian</b>
<b>Kredit</b>	<b>3(3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini membincangkan konsep ruang metrik, ruang norma dan juga konsep topologi seperti idea keterbukaan dan kedekatan, set padat, dan keselanjaran dalam metrik, ruang hasil darab, norma dan terkedalam. Ruang Banach dan Hilbert akan dibincangkan dengan lebih terperinci. Kursus ini juga membincangkan sifat-sifat penumpuan termasuk penumpuan kuat dan lemah, dan keterbatasan seragam. Perbincangan mengenai beberapa sifat penting seperti ruang dual, ruang LP, teori spektrum dan operator linear padat mengakhiri kursus ini.

<b>MKG4073</b>	<b>Topologi</b>
<b>Kredit</b>	<b>3(3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini membincangkan konsep asas seperti fungsi, set boleh bilang, kardinaliti, set tertib separa, takrifan ruang topologi, kejiranian, jujukan, asas dan subasas. Kursus ini juga membincangkan keselanjaran fungsi, homeomorfisme, sifat topologi, ruang boleh bilang pertama dan kedua, teorem Lindelöf, sifat warisan dan beberapa aksiom pemisahan. Perbincangan diteruskan mengenai ruang padat, pemandatan, ruang terkait, komponen dan ruang terkait ringkas. Sebagai tambahan beberapa topik terpilih dari bidang yang berkaitan dengan topologi mengakhiri kursus ini.

<b>MKG4083</b>	<b>Logik dan Pengkomputeran</b>
<b>Kredit</b>	<b>3(3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini mempertimbangkan logik klasik: terutamanya logik peringkat pertama tetapi juga logik proposisi dan logik peringkat kedua. Setiap logik mempunyai tata-tanda rumus atom. Setiap ayat dan rumus dapat dibina dari rumus atom mengikut peraturan yang tepat. Isu asas tidak dibincangkan dalam kursus ini, tetapi lebih memfokus kepada bidang lain seperti teori pengiraan dan teori kekompleksan.

<b>MKG4093</b>	<b>Teknik-teknik Heuristik untuk Pengoptimuman Kombinatorik</b>
<b>Kredit</b>	<b>3(3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Pengoptimuman menggunakan teknik-teknik heuristik adalah satu kaedah yang sering digunakan bagi menyelesaikan pelbagai masalah dalam dunia sebenar. Teknik ini biasanya digunakan untuk menyelesaikan masalah NP-sukar, contohnya masalah dalam bidang pengangkutan, penjadualan, jaringan, dan bioinformatik. Oleh kerana terdapat aplikasi yang meluas menggunakan kaedah ini, adalah penting untuk pelajar mengetahui teknik ini yang berkait rapat dan boleh diaplikasikan dalam dunia sebenar.

<b>MKG4103</b>	<b>Teori Graf</b>
<b>Kredit</b>	<b>3(3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini membincangkan tajuk-tajuk asas dalam teori graf iaitu graf Euler dan Hamilton serta penggunaannya, graf dan subgraf, keterkaitan graf, penjelajahan dan pemandanan graf. Pewarnaan graf, graf planar dan graf berarah mengakhiri kursus ini.

<b>MKG4113</b>	<b>Rekabentuk Geometri Berbantu Komputer</b>
<b>Kredit</b>	<b>3(2+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>

Kursus ini membincangkan prinsip pemodelan geometri yang memfokus kepada lengkung dan permukaan Bezier dan Splin-B. Kefahaman yang jelas bagi mendasari matematik rekabentuk lengkung dan permukaan yang dapat mempersiapkan para pelajar untuk meneroka pelbagai aplikasi seperti visualisasi saintifik, rekabentuk pembuatan dan grafik komputer.

<b>MKG4004</b>	<b>Penyelidikan Operasi Lanjutan</b>
<b>Kredit</b>	<b>4(3+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini memperluas penjelasan mengenai penerapan kaedah dalam penyelidikan operasi untuk masalah sebenar. Kursus ini lebih menekankan kepada topik pengaturcaraan integer, pengaturcaraan linear dan bukan linear. Penyelesaian menggunakan SAS juga akan dibincangkan dalam kursus ini.	
<b>MKW4023</b>	<b>Peramalan Kewangan</b>
<b>Kredit</b>	<b>3(3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini membincangkan pengenalan kepada peramalan, peramalan dengan menggunakan analisis regresi, peramalan dengan menggunakan pelicinan eksponen, peramalan dengan menggunakan Kaedah Box-Jenkins dan permodelan univariat GARCH.	
<b>MKW4033</b>	<b>Teori Matematik dalam Insurans</b>
<b>Kredit</b>	<b>3(3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar mengenai pelbagai bentuk insurans dan anuiti hayat. Dengan mengaplikasikan pengetahuan dalam teori kadar faedah dan kebarangkalian, nilai premium tunggal bersih dan premium bersih diformulasikan bagi setiap bentuk insurans dan anuiti hayat tersebut. Formula ini kemudiannya digunakan dalam menyelesaikan masalah insurans praktikal yang berkenaan.	
<b>MKW4043</b>	<b>Pengoptimuman Kewangan</b>
<b>Kredit</b>	<b>3(3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini merupakan kesinambungan bagi kursus pengoptimuman. Kursus ini membincangkan dan menyediakan platform kepada pelajar untuk mengaplikasi ilmu pengoptimuman linear dan tak linear bagi penyelesaian masalah bidang kewangan.	
<b>MKW4053</b>	<b>Analisis Risiko Kewangan</b>
<b>Kredit</b>	<b>3(3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini dibentuk untuk memupuk pemahaman asas mengenai pengurusan risiko melalui pendekatan Nilai Berisiko (Value at Risk - VaR). Fokus utama kursus ini adalah pada pengukuran dan penggunaan kaedah VaR. Pemahaman ini penting bagi pelajar dan pengamal kewangan untuk memahami revolusi terkini dalam pengurusan risiko kewangan. Topik yang akan dibincangkan termasuk mengukur risiko kewangan, pengiraan VaR, risiko dan korelasi ramalan dan ujian tegasan. Setiap pelajar akan terlibat dalam projek pengiraan VaR menggunakan data kewangan sebenar. Pelajar dianggap biasa dengan konsep kebarangkalian termasuk taburan kebarangkalian, jangkaan dan kuantil.	
<b>MKW4063</b>	<b>Ekonometrik Kewangan</b>
<b>Kredit</b>	<b>3(3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini membincangkan beberapa topik dalam ekonometrik kewangan seperti jangkaan pulangan dan hipotesis kesan pasaran, analisis kajian peristiwa, Pilihan portfolio dan menguji model penentuan harga aset modal, model harga multifaktor, turun naik dan model vektor autregresif.	
<b>MKW4073</b>	<b>Matematik Kewangan Islam</b>
<b>Kredit</b>	<b>3(3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini menekankan tentang keperluan dan kepentingan ekonomi Islam dalam sistem ekonomi	

dunia. Keperluan dan kepentingannya diperjelaskan dengan perbincangan tentang asas, prinsip dan kaedah ekonomi Islam. Perbincangan model matematik bagi instrumen kewangan Islam mengakhiri kursus ini.

**MKW4004**

**Kredit**

**Prasyarat**

**Kaedah Berangka dalam Kewangan**

**4(3+1)**

**Tiada**

Kursus ini menerangkan penggunaan kaedah berangka dalam kewangan melalui bantuan pengaturcaraan. Fokus utama adalah penetapan harga pilihan melalui kaedah Monte Carlo dan varians terhingga. Kaedah ini penting untuk menyelesaikan masalah pengiraan harga opsyen yang tidak mempunyai bentuk analitik. Topik yang dibincangkan merangkumi teori kewangan, kaedah berangka dan harga opsyen. Pelajar dianggap mempunyai pemahaman mengenai analisis berangka dan asas penetapan harga opsyen.

## **SARJANA MUDA SAINS (ANALITIK DATA) DENGAN KEPUJIAN**

### **Pengenalan**

Sarjana Muda Sains (Analitik Data) dengan Kepujian telah direkabentuk untuk menyediakan sebuah program pengajian yang menggabungkan sains data, statistik, pembelajaran mesin dan matematik yang selaras dengan Revolusi Perindustrian 4.0. Program ini menerapkan elemen 2u2i melalui pelaksanaan 2.5 tahun pengajian di universiti (komponen universiti) dan 1 tahun pengajian di dalam industri (komponen industri). Setelah tamat program pengajian ini, pelajar akan memperoleh Sijil SAS yang dikenali sebagai "SAS Academic specialization in Data Analytics".

Kurikulum program pengajian ini telah disepadukan secara sepenuhnya bagi memenuhi peningkatan keperluan penganalisis data berkemahiran tinggi yang mampu menganalisis jumlah data yang semakin pesat dalam pelbagai bidang disiplin dan mengolahnya kepada maklumat berguna bagi pembuatan keputusan. Program ini juga bermatlamat dalam memenuhi permintaan tinggi industri untuk perniagaan dan penganalisis data. Graduan akan dilatih dengan kaedah, konsep dan alat yang terkini menerusi pengetahuan, kemahiran dan kebolehan untuk memahami data dalam pelbagai bentuk.

Pelajar akan berpeluang bekerja dengan industri melalui 4 kursus komponen industri dalam bentuk Pembelajaran Berasaskan Kerja (WBL) yang ditawarkan pada tahun akhir pengajian. Pembelajaran ini melibatkan projek di dalam persekitaran sebenar industri yang berkaitan dengan IR4.0. Pelaksanaan mod 2u2i akan mendedahkan pelajar kepada pembelajaran dan amalan yang sebenar secara langsung daripada pengamal industri yang berkenaan. Latihan sedemikian akan memberi nilai tambah kepada kelayakan seterusnya meningkatkan peluang pekerjaan mereka.

### **Objektif Pendidikan Program (PEO)**

Pelajar program ini disasarkan untuk mencapai objektif-objektif berikut:

- PEO1 : Mampu mengaplikasikan pengetahuan (PLO1) dan kemahiran teknikal (PLO2) serta kemahiran praktikal yang disokong oleh kemahiran intelek (PLO3) dalam bidang Analitik Data selaras dengan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0)
- PEO2 : Mampu berkomunikasi secara berkesan dalam pelbagai peringkat autonomi (PLO4) serta berkebolehan dalam merancang dan mengurus perhubungan dalam pasukan dan organisasi yang berbeza latar belakang politik, budaya dan sosial (PLO5)
- PEO3 : Mempraktikkan pengetahuan secara beretika dan professional dengan integriti dan akauntabiliti (PLO6)
- PEO4 : Mampu menyelesaikan masalah dalam persekitaran IR4.0 secara berkesan dengan semangat "esprit de corps" (PLO7) dan mampu membuat keputusan secara kritis dan analitikal dalam pelbagai peringkat autonomi dalam organisasi (PLO9)
- PEO5 : Mampu menajamkan minda keusahawanan yang berkaitan IR4.0 (PLO8) dengan memanfaatkan pengetahuan dan kemahiran teknologi digital (PLO10) disokong oleh kemahiran kuantitatif bagi menganalisis dan mengurus persekitaran ekonomi, politik, sosial dan perubahan iklim dalam IR4.0 (PLO11)

## Prospek Kerjaya

Graduan program Sarjana Muda Sains (Analitik Data) dengan kepujian boleh terlibat di dalam pelbagai bidang dan perkhidmatan data raya atau revolusi industri 4.0 samada dalam sektor awam mahupun swasta seperti kewangan, insurans, perbankan, pelaburan, pengangkutan, pembuatan, perlombongan, kesihatan, pemasaran, sukan, penyelidikan dan pembangunan serta banyak lagi. Di antara kerjaya yang boleh diceburi ialah:

- Saintis Data
- Penganalisis Data
- Jurutera Data
- Pengurus Data
- Arkitek Data
- Penganalisis Keselamatan Maklumat
- Penyelidikan & Pembangunan
- Perunding Perniagaan
- Pembangun atau Pentadbir Pangkalan Data
- Penganalisis Kuantitatif

## Jumlah Kredit untuk Pengijazahan

Bilangan kredit minimum untuk menamatkan pengajian ialah 125 jam kredit. Pengagihan jam kredit mengikut kategori kursus adalah seperti berikut:

Kategori	Kredit	Peratusan
Kursus Teras Universiti	20	16.0
Kursus Teras Program	68	54.4
Pengkhususan Program	22	17.6
Kursus Elektif Universiti	15	12.0
<b>Jumlah</b>	<b>125</b>	<b>100</b>

## Kursus Teras Universiti (20 Jam Kredit)

Pelajar-pelajar boleh memilih 20 jam kredit daripada mana-mana kursus yang disenaraikan oleh Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan sebagai kursus yang bertaraf Teras Universiti.

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Jam Kredit	Prasyarat
1.	BBB3013	Academic Writing Skills	3 (3+0)	Tiada
2.	BBB3033	English For Occupational Purposes	3 (3+0)	Tiada
3.	MPU3142	Falsafah dan Isu Semasa	2 (2+0)	Tiada
4.	MPU3132	Penghayatan Etika & Peradaban	2 (2+0)	Tiada
5.	MPU3223	Asas Keusahawanan	3 (3+0)	Tiada
6.	MPU3352	Integriti dan Antirasuah	2 (2+0)	Tiada
7.	COM3112	Seni Komunikasi	2 (2+0)	Tiada
8.	CCM3011	Santuni Komuniti	1 (0+1)	Tiada
9.	CCXXXXX	Ko-Kurikulum	2 (0+2)	Tiada
<b>JUMLAH</b>				<b>20</b>

### **Kursus Teras Program (68 Jam Kredit)**

Bagi memenuhi keperluan bergraduat, pelajar-pelajar wajib mengikuti dan lulus kesemua 15 kursus Teras Program dengan 68 kredit.

<b>Bil</b>	<b>Kod Kursus</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Kredit</b>	<b>Prasyarat</b>
1.	MDA3003	Pengenalan Kepada Sains Data	3(2+1)	Tiada
2.	MDA3044	Bahasa Pengaturcaraan Industri	4(3+1)	Tiada
3.	MDA3053	Pengenalan Kepada Pembelajaran Mesin	3(2+1)	Tiada
4.	MDA3024	Kalkulus Multivariat	4(3+1)	Tiada
5.	MTM3004	Aljabar Linear	4(3+1)	Tiada
6.	MDA3103	Analisis Data Bertopologi	3(2+1)	Tiada
7.	MDA3123	Visualisasi Data	3(2+1)	Tiada
8.	MDA3133	Sains Rangkaian	3(2+1)	Tiada
9.	CSF3013	Struktur Data dan Algoritma	3(2+1)	Tiada
10.	CSF3123	Pangkalan Data	3(2+1)	Tiada
11.	MDA4003	Penyelidikan Saintifik	3(3+0)	Tiada
12.	MDA4908-I	Projek Industri I	8(0+8)	Tiada
13.	MDA4918-I	Projek Pengurusan I	8(0+8)	Tiada
14.	MDA4928-I	Projek Industri II	8(0+8)	Tiada
15.	MDA4938-I	Projek Pengurusan II	8(0+8)	Tiada
<b>JUMLAH</b>				<b>68</b>

### **Pengkhususan Program (22 jam kredit)**

Bagi memenuhi keperluan bergraduat, pelajar-pelajar wajib mengikuti dan lulus kesemua 7 kursus Pengkhususan Program dengan 22 kredit.

<b>Bil</b>	<b>Kod Kursus</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Kredit</b>	<b>Prasyarat</b>
1.	MDA3014*	Kebarangkalian dan Statistik untuk Data Analitik	4(3+1)	Tiada
2.	MDA3034*	Model Statistik Linear Gunaan	3(2+1)	Tiada
3.	MDA3063	Reka bentuk Eksperimen	3(3+0)	Tiada
4.	MDA3073	Kaedah Persampelan Kajian	3(3+0)	Tiada
5.	MDA3083*	Analisis Ramalan	3(3+0)	Tiada
6.	MDA3093*	Statistik Bayesian	3(3+0)	Tiada
7.	MDA3113*	Statistik Multivariat	3(3+0)	Tiada
<b>JUMLAH</b>				<b>22</b>

**Nota:** \*Kursus yang disertakan dengan modul pensijilan SAS

## **Kursus Elektif Universiti (15 Jam Kredit)**

Pelajar bebas mendaftar mana-mana kursus yang ditawarkan mengikut kesesuaian berdasarkan minat dan kematangan. Walau bagaimanapun, pelajar dicadangkan mengambil sekurang-kurangnya 15 jam kredit daripada senarai kursus elektif di bawah atau tertakluk kepada kelulusan Ketua Program:

<b>Bil</b>	<b>Kod Kursus</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Kredit</b>	<b>Prasyarat</b>
1.	MKG3033	Komputeran Saintifik	3(2+1)	Tiada
2.	MKG4083	Logik dan Pengkomputeran	3(3+0)	Tiada
3.	MKG4093	Teknik-Teknik Heuristik untuk Pengoptimuman Kombinatorik	3(3+0)	Tiada
4.	MKG4103	Teori Graf	3(3+0)	Tiada
5.	CSF3563	Perlombongan Data	3(3+0)	Tiada
6.	MGM3323-E	Falsafah Pengurusan	3(3+0)	Tiada
7.	ECO3003	Prinsip Pemikiran Ekonomi	3(3+0)	Tiada
8.	MMS3103	Lautan, Atmosfera dan Iklim	3(3+0)	Tiada
9.	MMS3603	Pengenalan Kepada Sains Marin	3(3+0)	Tiada
10.	MMS3633	Pendekatan Pengurusan dan Polisi Marin	3(3+0)	Tiada
11.	MMS3653	Analisis Data Saintifik Marin	3(3+0)	Tiada
12.	MMS3663	Asas Sains Marin	3(3+0)	Tiada
13.	MKG3002	Prinsip Permodelan Matematik	2(2+0)	Tiada
14.	MMT3112	Makmal Teknologi Marin	2(0+2)	Tiada
15.	KAS3032	Prinsip Analisis Alam Sekitar	2(2+0)	Tiada
<b>JUMLAH</b>				<b>15</b>

## SKEMA PENGAJIAN PROGRAM SARJANA MUDA SAINS (DATA ANALITIK) DENGAN KEPUJIAN

KOD	NAMA KURSUS	JAM KREDIT	PRA SYARAT	KOD	NAMA KURSUS	JAM KREDIT	PRA SYARAT
<b>SEMESTER 1</b>				<b>SEMESTER 2</b>			
MDA3003	Pengenalan Kepada Sains Data	3(2+1)	-	MDA3033*	Model Statistik Linear Gunaan	3(2+1)	-
MDA3014*	Kebarangkalian dan Statistik untuk Data Analitik	4(3+1)	-	MDA3044	Bahasa Pengaturcaraan Industri	4(3+1)	-
MDA3024	Kalkulus Multivariat	4(3+1)	-	MDA3053*	Pengenalan Kepada Pembelajaran Mesin	3(2+1)	-
MTM3004	Aljabar Linear	4(3+1)	-	BBB3013	Academic Writing Skills	3(3+0)	-
MPU3142	Falsafah dan Isu Semasa	2(2+0)	-	COM3112	Seni Komunikasi	2(2+0)	-
CCXXXXX	Ko-Kurikulum	2		CCM3011	Santuni Komuniti	1(0+1)	-
				MPU3352	Integriti dan Antirasuah	2(2+0)	-
<b>Jumlah kredit</b>	<b>19</b>			<b>Jumlah kredit</b>	<b>18</b>		
<b>SEMESTER 3</b>				<b>SEMESTER 4</b>			
MDA3063	Reka bentuk Eksperimen	3(3+0)	-	MDA3083*	Analisis Ramalan	3(3+0)	-
MDA3073	Kaedah Persampelan Kajian	3(3+0)		MDA3093*	Statistik Bayesian	3(3+0)	
CSF3013	Struktur Data dan Algoritma	3(2+1)	-	MDA3103	Analisis Data Bertopologi	3(2+1)	-
CSF3123	Pangkalan Data	3(2+1)	-	MPU3223	Asas Keusahawanan	3(3+0)	-
	Elektif 1	3	-	MPU3132	Penghayatan Etika dan Peradaban	2(2+0)	
	Elektif 2	3	-		Elektif 3	3	
					Elektif 4	3	
<b>Jumlah kredit</b>	<b>18</b>			<b>Jumlah kredit</b>	<b>20</b>		
<b>SEMESTER 5</b>							
MDA3113*	Statistik Multivariat	3(3+0)	-				
MDA3123*	Visualisasi Data	3(3+0)	-				
MDA3133	Sains Rangkaian	3(2+1)	-				
MDA4003	Penyelidikan Saintifik	3(3+0)	-				
BBB3033	English for Occupational Purposes	3(3+0)	-				
	Elektif 5	3	-	<b>Jumlah kredit</b>	<b>18</b>		
<b>SEMESTER 6 [KOMPONEN INDUSTRI 1]</b>				<b>SEMESTER 7 [KOMPONEN INDUSTRI 2]</b>			
MDA4908-I	Projek Industri I	8(0+8)	-	MDA4928-I	Projek Industri II	8(0+8)	
MDA4918-I	Projek Pengurusan I	8(0+8)		MDA4938-I	Projek Pengurusan II	8(0+8)	
<b>Jumlah kredit</b>	<b>16</b>			<b>Jumlah kredit</b>	<b>16</b>		
<b>JUMLAH KREDIT BERGRADUAT 125</b>							

\*Kursus yang dilengkapi dengan modul pensijilan SAS

Nota:

1. Pelajar wajib mengikuti **Program Survival dan Keselamatan Air** sebagai **syarat bergraduat**.
2. Jumlah jam kredit kursus elektif yang perlu diambil oleh pelajar dalam program pengajian adalah tertakluk kepada **jumlah jam kredit** elektif yang ditetapkan oleh program pengajian tersebut untuk memenuhi kelayakan bergraduat dan tidak tertakluk kepada **bilangan** kursus elektif yang diambil.
3. Senarai kursus elektif yang boleh diambil oleh pelajar dalam program pengajian adalah merujuk kepada penawaran kursus yang tertera dalam buku panduan program pengajian fakulti tersebut dan juga fakulti lain.

## **SINOPSIS KURSUS BAGI SARJANA MUDA SAINS (ANALITIK DATA) DENGAN KEPUJIAN**

### **KURSUS TERAS**

**MDA3003 Pengenalan Kepada Sains Data**

**Kredit 3(2+1)**

**Prasyarat Tiada**

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada pengumpulan, penyediaan, pemerolehan data, pembersihan, pengagregatan, analisis data penerokaan, pemodelan dan visualisasi data, kejuruteraan ciri serta penciptaan dan pengesahan model yang merangkumi kedua-dua isu konseptual dan praktikal. Contoh daripada pelbagai bidang akan dibentangkan dan guna tangan ke atas perisian statistik serta manipulasi data akan disertakan.

**MDA3023 Kalkulus Multivariat**

**Kredit 4(3+1)**

**Prasyarat Tiada**

Kursus ini membincangkan topik seperti had dan kesinambungan, fungsi berbilang pembolehubah, terbitan separa, jumlah terbitan dan kamiran berganda. Selain itu, kursus ini membincangkan koordinat silinder, koordinat sfera dan perubahan pembolehubah dalam pengamiran berganda.

**MTK3004 Aljabar Linear**

**Kredit 4(3+1)**

**Prasyarat Tiada**

Kursus ini membincangkan konsep ruang vektor berserta ruang baris dan ruang lajur, penjelmaan linear termasuk meliputi perwakilan matriks dan matriks persamaan, keortogonalan sehingga proses pengortogonalan Gram-Schmidt, nilai eigen, vektor eigen, ruang eigen dan algebra linear berangka.

**MDA3044 Bahasa Pengaturcaraan Industri**

**Kredit 4(3+1)**

**Prasyarat Tiada**

Kursus ini mengandungi asas pengaturcaraan dan bahasa pengaturcaraan; Teknik penyelesaian masalah; gambarajah aliran dan algoritma berstruktur; Teknik pengekodan program dan arahan untuk menyelesaikan masalah formal. Latihan pengaturcaraan secara praktikal akan diberikan untuk mendedahkan pelajar tentang penyepaduan SQL, TensorFlow dan banyak lagi fungsi dan pustaka yang berguna untuk sains data dan pembelajaran mesin.

**MDA3053 Pengenalan Kepada Pembelajaran Mesin**

**Kredit 3(2+1)**

**Prasyarat Tiada**

Kursus ini membincangkan asas pembelajaran mesin yang merangkumi pengenalan kepada pembelajaran mesin, pelbagai konsep dan kaedah dalam pembelajaran mesin, klasifikasi algoritma pembelajaran mesin, pelbagai jenis pembelajaran mesin seperti "Rangkaian Neural", "Mesin Vektor Sokongan" dan diakhiri dengan bahasa pembelajaran

**MDA3103 Analisis Data Bertopologi**

**Kredit 3(2+1)**

**Prasyarat Tiada**

Kursus ini memperkenalkan elemen asas sains baharu Analisis Data Topologi (TDA) dengan prinsip asas daripada geometri komputasi, topologi algebra, analisis data dan banyak lagi bidang saintifik yang berkaitan. Pengaplikasian teknik topologi ke atas data yang kompleks telah membuka peluang baharu dalam analisis data penerokaan dan perlombongan data. Kursus ini bertujuan untuk merangkumi teori, algoritma dan aplikasi TDA dalam mengenalpasti tanda topologi set data kompleks yang bukan sahaja bersaiz besar, namun juga dengan ciri-ciri.

<b>MDA3123</b>	<b>Visualisasi Data</b>
<b>Kredit</b>	<b>3(2+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini memperkenalkan prinsip-prinsip dan asas kepada reka bentuk visualisasi data; kaedah dan teknik perwakilan visualisasi termasuk carta, jadual, grafik, persembahan berkesan, kandungan multimedia, animasi, dan rekabentuk papan pemuka untuk memvisualisasikan data multivariat, temporal, berasaskan teks, geospatial, hierarki dan rangkaian. Latihan visualisasi secara guna tangan berdasarkan domain data lazim akan diberikan sebagai pengalaman dalam merekabentuk grafik dan visualisasi data dan melaporkan penemuan menggunakan alat visualisasi data.	
<b>MDA3133</b>	<b>Sains Rangkaian</b>
<b>Kredit</b>	<b>3(2+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini memperkenalkan elemen asas bagi sains baru muncul rangkaian kompleks dengan penekanan pada rangkaian sosial dan maklumat. Pelajar akan belajar tentang kaedah matematik dan pengiraan yang digunakan untuk menggambarkan & menganalisis rangkaian, kaedah yang digunakan untuk memahami dan meramalkan tingkah laku sistem rangkaian dan teori yang digunakan dalam penaaklukan dinamik rangkaian. Pelajar juga akan didedahkan kepada trend semasa dalam bidang dan memperoleh pandangan tentang struktur yang kompleks.	
<b>CSF3013</b>	<b>Struktur Data dan Algoritma</b>
<b>Kredit</b>	<b>3(2+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini memperkenalkan kaedah pengaturcaraan untuk menyelesaikan masalah. Topik-topik untuk kursus ini termasuk pengenalan kepada struktur data seperti senarai pautan, susunan, aturan, pokok, graf, teknik penyusunan dan kaedah pencarian. Penekanan diberikan kepada teknik pengaturcaraan modular. Kursus ini juga memperkenalkan algoritma time complexity sebagai teknik mengukur kecekapan algoritma.	
<b>CSF3123</b>	<b>Pangkalan Data</b>
<b>Kredit</b>	<b>3(2+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini memperkenalkan konsep pangkalan data (matlamat sistem pengurusan pangkalan data (SPPD), perhubungan, organisasi fizikal dan logik, schema dan subschema); model data, proses normalisasi (sehingga Boyce-Codd normal form), canonical schema dan kebebasan data; bahasa penerangan data; kemudahan pertanyaan; fungsi pertanyaan; strategi terjemahan dan rekabentuk; kebolehpercayaan dan integriti data.	
<b>MDA4003</b>	<b>Penyelidikan Saintifik</b>
<b>Kredit</b>	<b>3(3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
Kursus ini bertujuan untuk memberikan pengetahuan mendalam tentang penyelidikan saintifik dalam bidang analisis data. Kursus ini menyediakan pelajar dengan badan pengetahuan teori dan kemahiran praktikal bagi kerja saintifik dalam analisis data dari pengenalan kepada penyelidikan saintifik, pemahaman kesusasteraan saintifik, dan etikanya, metodologi penyelidikan saintifik termasuk pengenalpastian masalah, reka bentuk penyiasatan, pengumpulan data, analisis data, perumusan, penghuraian model penyelidikan, kaedah penyelidikan, instrumen, dan merujuk pelajar kepada penyelidikan saintifik yang sistematik, menulis laporan yang baik dan persembahan yang berkesan.	

**MDA4908-I**

**Kredit**

**Prasyarat**

**Projek Industri I**

**8(0+8)**

**Tiada**

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada keperluan asas projek industri khususnya projek sains data dalam suasana sebenar industri.

**MDA4918-I**

**Kredit**

**Prasyarat**

**Projek Pengurusan I**

**8(0+8)**

**Tiada**

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada konsep dan teknik yang digunakan dalam mengurus projek khususnya projek data sains dalam suasana sebenar industri. Melalui projek ini, para pelajar akan menghasilkan perancangan dan jadual projek, anggaran kos, di samping menyediakan dokumen berkaitan projek. Pada akhir khusus ini ialah kebolehan pelajar dalam mengurus pembangunan projek. Kursus ini akan diselia oleh penyelia industri dan dipantau oleh penyelia UMT

**MDA4928-I**

**Kredit**

**Prasyarat**

**Projek Industri II**

**8(0+8)**

**Tiada**

Kursus ini adalah kesinambungan daripada Projek Industri I (MDA49781). Melalui kursus ini, para pelajar akan melaksanakan konsep dan teknik yang digunakan dalam Projek Industri I dari segi suasana industri sebenar. Pada akhir kursus ini ialah kebolehan pelajar dalam mengurus pembangunan projek dengan penyeliaan yang minimum oleh penyelia di industri dan UMT.

**MDA4938-I**

**Kredit**

**Prasyarat**

**Projek Pengurusan II**

**8(0+8)**

**Tiada**

Kursus ini adalah kesinambungan daripada Projek Pengurusan I (MDA49782). Melalui kursus ini, para pelajar akan melaksanakan konsep dan teknik yang digunakan dalam Projek Pengurusan I dari segi suasana industri sebenar seperti jadual dan perancangan projek, anggaran kos, di samping menyediakan dokumen berkaitan projek. Pada akhir kursus ini ialah kebolehan pelajar dalam mengurus pembangunan projek dengan penyeliaan yang minimum oleh penyelia di industri dan UMT.

## **PENGKHUSUSAN KURSUS TERAS**

**MDA3014**

**Kredit**

**Prasyarat**

**Kebarangkalian dan Statistik untuk Analitik Data**

**4(3+1)**

**Tiada**

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada konsep penting dalam kebarangkalian dan statistik seperti kebarangkalian, pembolehubah rawak, pembolehubah rawak taburan kebarangkalian, teori taburan persampelan, anggaran dan pengujian hipotesis. Contoh data daripada marin dan akuatik akan dibincangkan dan termasuk aplikasi perisian statistik secara praktikal dan manipulasi data.

**MDA3034**

**Kredit**

**Prasyarat**

**Model Statistik Linear Gunaan**

**3(2+1)**

**Tiada**

Dalam kursus ini, pelajar akan didedahkan bagaimana untuk membina model linear melalui regresi linear mudah dan berganda. Penguasaan pengetahuan ini penting kerana kaedah statistik digunakan secara meluas pada masa kini yang melibatkan data sebenar dan data raya.

<b>MDA3063</b>	<b>Reka bentuk Eksperimen</b>
<b>Kredit</b>	<b>3(3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
	Kursus ini dimulakan dengan prinsip asas reka bentuk eksperimen; kerawakan; reka bentuk rawak sepenuhnya; blok rawak, Kuasadua Latin, reka bentuk Faktorial, blok dalam reka bentuk faktorial; reka bentuk faktorial 2k; lanjutan faktorial 2k; blok dan confounding dalam faktorial 2k; reka bentuk faktorial pecahan; blok dalam faktorial pecahan; reka bentuk bersarang dan plot berpecah; reka bentuk yang dapat direplikasi dan tidak dapat direplikasi; model kesan rawak.
<b>MDA3073</b>	<b>Kaedah Persampelan Kajian</b>
<b>Kredit</b>	<b>3(3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
	Kursus ini memperkenalkan kepada pelajar satu set prinsip tinjauan dan analitik data yang menjadi panduan asas dalam bidang ini. Kursus ini bermula dengan cara membuat kajian tinjauan untuk analitik data, kualiti data, mod pengumpulan data tinjauan, penjanaan data daripada sumber lain, teknik persampelan seperti rawak mudah, persampelan kebarangkalian, persampelan berstrata, nisbah dan anggaran regresi, kelompok dan persampelan sistematik, persampelan dua peringkat, menganggar saiz populasi, jumlah ralat tinjauan, penulisan laporan dan mengurus proses tinjauan. Semua contoh dari pelbagai bidang akan dibentangkan dan dibuat secara praktikal.
<b>MDA3083</b>	<b>Analisis Ramalan</b>
<b>Kredit</b>	<b>3(3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
	Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada pengetahuan secara meluas tentang teknik peramalan seperti masalah peramalan, pengenalan kaedah siri masa, kaedah siri masa, pengurangan data dan data raya. Contoh data daripada marin dan akuatik akan dibincangkan, dan kaedah peramalan dan manipulasi data disertakan secara praktikal.
<b>MDA3093</b>	<b>Statistik Bayesian</b>
<b>Kredit</b>	<b>3(3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
	Kursus ini bermula dengan gambaran ringkas tentang kebarangkalian dan seterusnya Statistik. Topik dalam kursus ini merangkumi model satu parameter, model multi parameter, rantai Marke Monte Carlo dan perbandingan model.
<b>MDA3113</b>	<b>Statistik Multivariat</b>
<b>Kredit</b>	<b>3(3+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
	Kursus ini merangkumi pengenalan kepada data multivariat, visualisasi data multivariat, aplikasi model multivariat seperti analisis kompenan utama, penskalaan multi dimensi, analisis faktor dan analisis kumpulan.

### **KURSUS ELEKTIF**

<b>MKG3033</b>	<b>Komputeran Saintifik</b>
<b>Credit</b>	<b>3(2+1)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
	Kursus ini mengandungi elemen asas pengkomputeran saintifik, khususnya kaedah untuk penyelesaian atau penghampiran penyelesaian kalkulus dan masalah algebra linear yang berkaitan dengan masalah dunia sebenar. Penggunaan masalah model non-trivial, komputeran saintifik yang canggih dan persekitaran visualisasi, para pelajar akan diperkenalkan kepada konsep pengiraan asas kestabilan, ketepatan dan kecekapan. Kaedah berangka dan teknik yang baharu diperkenalkan untuk menyelesaikan masalah yang lebih mencabar.

**MKG4083** **Logik dan Pengkomputeran**  
**Kredit** **3(3+0)**  
**Prasyarat** **Tiada**  
Kursus ini menggunakan kaedah berangka model fenomena semulajadi yang secara kebiasaanya tidak dapat diselesaikan dengan kaedah analitik. Kursus ini terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama membincangkan tentang pembezaan terhingga dan kaedah menembak untuk menyelesaikan persamaan pembezaan biasa linear dan tak linear dengan nilai sempadan. Bahagian kedua membincangkan tentang pelbagai pendekatan berangka untuk menyelesaikan persamaan pembezaan separa bagi hiperbola, parabola dan elips. Pelajar didedahkan untuk menyelesaikan pelbagai masalah sebenar dalam sains, kejuruteraan dan bidang lain menggunakan kaedah berangka.

**MKG4093** **Teknik-teknik Heuristik untuk Pengoptimuman**  
**Kredit** **Kombinatorik**  
**Prasyarat** **3(3+0)**  
**Tiada**

Pengoptimuman menggunakan teknik-teknik heuristik yang merupakan salah satu kaedah yang kerap digunakan untuk menyelesaikan pelbagai masalah dunia sebenar.

Teknik ini biasa digunakan untuk menyelesaikan masalah NP-hard, contohnya dalam pengangkutan, penjadualan, rangkaian dan bioinformatik. Oleh kerana terdapat banyak aplikasi penggunaan kaedah ini, maka aplikasi ini penting kepada pelajar untuk memahaminya dan dapat digunakan dalam aplikasi dunia sebenar.

**MKG4103** **Teori Graf**  
**Kredit** **3(3+0)**  
**Prasyarat** **Tiada**

Kursus ini membincangkan konsep asas dalam Teori Graf termasuk graf Eulerian dan Hamilton serta aplikasinya, graf dan subgraf, terhubungkait graf, penjelajahan dan pemadanan graf, pewarnaan graf, graf planar dan akhir sekali graf berarah.

**CSF3311** **Perlombongan Data**  
**Kredit** **3(3+0)**  
**Prasyarat** **Tiada**

Kursus ini adalah pengenalan kepada perlombongan data. Kursus ini memperkenalkan konsep asas perlombongan seperti pra-pemprosesan data, gudang data serta pemprosesan analitik dalam talian (OLAP). Pelajar akan didedahkan kepada kaedah perlombongan data dan pelaksanaannya fokus kepada dua fungsi perlombongan data utama iaitu: penemuan corak dan analisis kluster.

**MGM3323-E** **Falsafah Pengurusan**  
**Kredit** **3(3+0)**  
**Prasyarat** **Tiada**

Menganalisis teori pengurusan utama, prinsip, teknik dan kaedah yang memfokuskan aktiviti pengurusan yang berkaitan dengan organisasi perniagaan dan bukan perniagaan. Penekanan juga diberikan kepada pendekatan bersistematis.

**ECO3003** **Prinsip Pemikiran Ekonomi**  
**Kredit** **3(3+0)**  
**Prasyarat** **Tiada**

Kursus ini bertujuan untuk memberi pemahaman kepada pelajar tentang konsep dan teori asas ekonomi untuk menghubungkan dan menggunakan pengetahuan yang dipelajari dalam kehidupan sebenar. Kursus ini merangkumi topik dipilih dalam mikroekonomi dan makroekonomi. Dalam kursus ini pendekatan pedagogi moden khususnya heutagogi, pedagogi dan sibergoggi akan dilaksanakan.

**MMS3103** **Lautan, Atmosfera dan Iklim**  
**Kredit** **3(3+0)**  
**Prasyarat** **Tiada**  
Kursus ini memperkenalkan proses atmosfera asas dengan penekanan khusus pada interaksi lautan-atmosfera dan peranannya dalam perubahan iklim global. Topik termasuk komposisi dan struktur atmosfera, sinaran matahari dan haba, kitaran hidrologi, peredaran lautan dan atmosfera, sistem iklim, kebolehubahan iklim semula jadi bagi ENSO dan MJO, dan peranan lautan sebagai tindak balas kepada perubahan iklim. Teori dilengkapi dengan satu siri tutorial dan perbincangan oleh pelajar berdasarkan kepada sejarah data iklim dan laporan IPCC terkini.

**MMS3603** **Pengenalan Kepada Sains Marin**  
**Kredit** **3(3+0)**  
**Prasyarat** **Tiada**

Kursus ini memberikan pemahaman asas sains lautan dunia, interaksi antara kimia marin, biologi, geologi dan fizikal dunia. Kursus ini menerangkan persekitaran utama lautan dari pantai ke laut dan pada kedalaman berbeza, perhubungan antara manusia dan lautan, kepentingan lautan dalam membekalkan mineral, makanan dan sumber tenaga. Pelajar juga akan mempelajari kesan cuaca global terhadap lautan dan fungsi lautan sebagai sistem keseimbangan dunia.

**MMS3633** **Pendekatan Pengurusan dan Polisi Marin**  
**Kredit** **3(3+0)**  
**Prasyarat** **Tiada**

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada dasar, undang-undang dan pengurusan sumber marin di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Pelajar dapat memahami penggubalan dasar, perundangan dan pengurusan berkaitan marin serta konsep dan model yang digunakan contohnya United Nations Convention on the Law of the Sea (UNCLOS). Melalui pemahaman konsep dan model yang digunakan di peringkat antarabangsa, pelajar dapat mengenalpasti kepentingan undang-undang laut serantau.

**MMS3653** **Analisis Data Saintifik Marin**  
**Kredit** **3(3+0)**  
**Prasyarat** **Tiada**

Kursus ini memberi pendedahan kepada asas penafsiran data marin, analisis data saintifik dan pembentangan hasil keputusan. Topik kursus ini merangkumi pengenalan konsep pengukuran, pengumpulan data, analisis data menggunakan analisis statistik yang bersesuaian, pemprosesan dan persembahan data. Beberapa perisian statistik juga diperkenalkan kepada pelajar. Di samping itu, pelajar juga diberi pengalaman untuk menggunakan data yang dikumpul atau diperhatikan di lapangan serta mengaplikasi pelbagai teknik statistik yang bersesuaian dengan keperluan analisis tertentu.

**MMS3663** **Asas Sains Marin**  
**Kredit** **3(3+0)**  
**Prasyarat** **Tiada**

Kursus ini memberikan pemahaman asas sains kelautan dunia, interaksi antara kimia marin, biologi, geologi dan fizikal dunia. Kursus ini menerangkan persekitaran utama lautan dari pantai ke laut dan pada kedalaman berbeza, perhubungan antara manusia dan lautan, kepentingan lautan dalam membekalkan mineral, makanan dan sumber tenaga. Pelajar juga akan mempelajari kesan cuaca global terhadap lautan dan fungsi lautan sebagai sistem keseimbangan dunia. Kursus ini juga memberi pendedahan awal kepada asas kerja lapangan termasuk menggunakan alatan persampelan.

<b>MKG3002</b>	<b>Prinsip Pemodelan Bermatematik</b>
<b>Kredit</b>	<b>2(2+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
	Kursus ini membincangkan topik melibatkan pengenalan kepada pemodelan bermatematik, analisis dimensi, penghampiran model dan pengesahan serta aplikasinya.
<b>MMT3112</b>	<b>Makmal Teknologi Marin</b>
<b>Kredit</b>	<b>2(2+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
	Kursus ini melibatkan aspek penting dalam bidang kejuruteraan marin dan rekabentuk berkaitan kelautan, termasuk penyediaan lukisan kapal, memahami hidrostatik, keseimbangan objek terapung, melaksanakan ujian, eksperimen menggunakan pelbagai aspek peralatan di atas kapal. Konsep pembelajaran akan lebih difahami melalui aplikasi ujian sebenar/eksperimen menggunakan model kapal dan CBT did dalam makmal
<b>KAS3032</b>	<b>Prinsip Analisis Alam Sekitar</b>
<b>Kredit</b>	<b>2(2+0)</b>
<b>Prasyarat</b>	<b>Tiada</b>
	Kursus ini meliputi topik asas analisis pencemaran alam termasuk penggunaan alatan, teori dan teknik pengukurannya. Aplikasi kursus ini juga melibatkan pengukuran analisis kualiti air, udara, pencemaran dan teknologi rawatan air kumbahan.

FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN  
KELAUTAN DAN INFORMATIK  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

21030 Kuala Nerus, Terengganu

Tel No: 09 668 3320

Fax: 09 668 3991

# Peneraju Teknologi



[www.ftkki.umt.edu.my](http://www.ftkki.umt.edu.my)



official\_FTKKI



umt.ftkki



OfficialFTKKI

